



^ PARLIMEN

# MALAYSIA

5\*F

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan  
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian**

**HARI RABU : 15 JUN 2011**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALANNO. 10 HINGGA 147)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**SIDEKSANI  
CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA**

**SOALAN NO.10**

**PEMBERETAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN GWO-BURNE LOH [ KELANA JAYA ]

**TARIKH** IJF JUN 2011

**SOALAN**

Tuan Gwo-Burne Loh minta PERDANA MENTERI menyatakan undang-undang yang membenarkan syarikat taxi yang membuka kaunter jualan baucer dan mengenakan tambahan 10 peratus atas tambang penumpang.

**SOALAN NO. 10**

**JAWAPAN:**      YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DT JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkataan 'baucer' yang telah digunakan dalam soalan Yang Berhormat adalah sebenarnya merujuk kepada 'kupon'.

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sebelum ini tiada halangan untuk membernakan operasi kaunter perkhidmatan teksi sebagai inisiatif untuk menambahbaik perkhidmatan teksi. Pengenalan perkhidmatan kaunter teksi adalah bagi mengatasi masalah pemandu teksi yang enggan menggunakan meter dan menyebabkan penumpang sering ditipu.

Pada dasarnya, pembukaan kaunter teksi ini dibenarkan sebelum penggunaan teksi bermeter diperkenalkan di lokasi-lokasi yang kebiasaanya menjadi tumpuan pelancong. Langkah ini diambil bagi mengelakkan pemandu teksi mengenakan bayaran lebih dan tidak munasabah kepada penumpang teksi.

Atas pemerhatian tersebut pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) masih mengekalkan penggunaan sistem kaunter teksi ini di lokasi-lokasi berkenaan untuk kemudahan pemandu juga penumpang teksi.

## **SOALAN NO. 10**

**Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pengangkutan Perdagangan) (Pindaan) No. 2  
2010 yang berkuatkuasa pada 3 September 2010 menyatakan perkhidmatan  
kaunter teksi hanya membenarkan caj tambahan sebanyak RM2.00 sahaja.  
Sehubungan itu, kenyataan mengenakan caj tambahan sebanyak 10% adalah  
tidak benar sama sekali.**

**Walau bagaimana pun untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak SPAD  
sedang mangkaji keberkesanan penggunaan sistem teksi berkupon tersebut  
dalam situasi semasa dan sekiranya didapati ianya perlu diubah atau dirombak,  
pihak SPAD akan bertindak dengan sewajarnya untuk memastikan bahawa  
keputusan yang bernes dan adil bagi semua pihak dapat dibuat.**

**Sekian, terima kasih.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)
TARIKH	15.06.2011

**SOALAN:**

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [ PARIT ] minta Menteri Pelajaran menyatakan kesediaan Kerajaan bagi mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu digunakan secara tuntas terutama dalam persidangan utama antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), UNESCO serta perbincangan perniagaan dan korporat serta Kerajaan antara Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui agensinya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sedang berusaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia. Di antara usaha yang telah dilaksanakan termasuklah menghantar tenaga pakar ke luar negara dan memanfaatkan teknologi maklumat serta komunikasi sebagai medium untuk mengimbangi lalu lintas maklumat dalam bahasa Melayu. Ini secara tidak langsung dapat memetakan dengan jelas bahasa melayu sebagai bahasa komunikasi dunia dan bahasa ilmu.

Dalam konteks ini, KPM juga akan memberi keutamaan menggunakan bahasa kebangsaan dalam acara-acara antarabangsa yang dianjurkan oleh Kerajaan sebagai promosi, bahan program dan sebagainya. Selain itu, pemimpin-

pemimpin negara juga digalak menggunakan bahasa kebangsaan dalam ucapan di peringkat antarabangsa dan serantau seperti UNESCO, PBB dan sebagainya kerana khidmat penterjemah akan disediakan dalam acara tersebut.

Penubuhan Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) sejak tahun 1972 telah berjaya menghasilkan pelbagai panduan dan peraturan mengenai ejaan dan istilah. Ini juga telah dapat memperkayakan khazanah kosa kata dan istilah dalam bahasa Melayu yang boleh digunakan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perniagaan koporat dan hubungan antara Kerajaan.

Kerajaan berkeyakinan penuh dengan segala usaha yang dilaksanakan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa, bahasa Melayu akan menjadi sebagai salah satu bahasa utama dunia kelak. Namun demikian, penggunaan bahasa Melayu secara tuntas dalam persidangan utama antarabangsa memerlukan kesungguhan, sokongan dan komitmen yang lebih tinggi oleh semua pihak supaya dapat diterima di peringkat global.

Rjm 24

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL  
[INDERA MAHKOTA]**

**PERTANYAAN :LISAN**

**TARIKH : 15/06/2011**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perlaksanaan penghapusan duti import kepada 300 barang memberi kebaikan

kepada rakyat Negara ini.

## **JAWAPAN DILULUSKAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah memansuhkan duti import ke atas lebih kurang 300 barang meliputi barang kegemaran pelancong dan barang kegunaan harian. Langkah ini telah dikuatkuasakan mulai 15 Oktober 2010. Pemansuhan duti import ini bermakna tiada elemen duti import dalam harga jualan barang berkenaan. Justeru itu, langkah memansuhkan duti import ini antaranya dijangka dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat membeli-belah yang menarik kepada pelancong. Di samping itu, pemansuhan duti import ke atas barang keperluan harian pula dapat membantu mengurangkan kenaikan kos sara hidup rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mengawal harga jualan semua barang kecuali barang keperluan asas. Namun begitu, pelbagai langkah sedang dilaksanakan oleh Kerajaan antaranya melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Kementerian Pelancongan untuk memberi kesedaran dan mendapatkan kerjasama di kalangan penjual, pengedar dan juga pengguna barang untuk mencapai matlamat Kerajaan dalam memansuhkan duti import. Dengan wujudnya kerjasama tersebut, langkah memansuhkan duti import dapat dimanfaatkan oleh semua pihak dalam bentuk penjimatan kepada pengguna dan juga penjualan yang meningkat kepada peniaga.

Sehubungan dengan itu, kerjasama khususnya daripada pusat-pusat membeli-belah untuk mengadakan promosi jualan murah, melancarkan kempen *Year End Sale* dan *Grand Prix Sale* telah menunjukkan kesungguhan untuk memberi sokongan padu kepada Kerajaan di dalam melaksanakan pemansuhan duti import. Perkembangan positif ini dijangka dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat membeli belah yang menarik di samping rakyat dapat menikmati harga yang berpatutan.



**SOALAN NO.13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARI PAD A YB DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)**

**TARIKH 15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan kursus-kursus keibubapaan dalam usaha untuk mengurangkan kadar penderaan kanak-kanak yang semakin berleluasa.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM sentiasa prihatin terhadap kes-kes penderaan kanak-kanak yang semakin berleluasa sejak akhir-akhir dan memerlukan perhatian segenap lapisan masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah pun melaksanakan kursus-kursus keibubapaan antaranya untuk mengurangkan bilangan penderaan kanak-kanak sejak tahun 2001.

Antara penambahbaikan kepada Program Keibubapaan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) khusus untuk ibu bapa bekerja sama ada di sektor awam atau swasta sejak tahun 2007. Matlamat program adalah untuk membantu ibu bapa bekerja mengimbangi tanggungjawab kerja dan keluarga (*work life balance*). Antara aspek yang diliputi adalah cara gaya keibubapaan kreatif, pengurusan konflik khususnya masalah *interpersonal* yang mana diharap dapat

meningkatkan kemahiran ibu bapa dalam mengelak situasi berisiko seperti penderaan kepada kanak-kanak. Bagi tempoh 2007 hingga April 2011, sejumlah 373 program telah dilaksanakan oleh LPPKN dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) melibatkan 16,218 orang ibu bapa.

Siri Kursus ‘Ilmu Keluarga@LPPKN’ yang diadakan setiap bulan di setiap negeri kepada masyarakat umum. Bagi tempoh 2006 hingga April 2011, sejumlah 4,947 kursus telah diadakan dengan 522,314 penyertaan. Pelaksanaan kursus ini berasaskan kepada Pakej Modul KASIH yang dibangunkan oleh LPPKN sejak 1997, dan mengandungi tiga (3) aspek keibubapaan iaitu:

- i. keibubapaan anak kecil;
- ii. keibubapaan anak remaja; dan
- iii. *kebapaan(Fatherhood)*!

Tajuk Alam Keibubapaan serta “Menangani Tekanan dan Konflik” turut diintegrasikan dalam Kursus PraPerkahwinan SMARTSTART yang disertai oleh pasangan yang akan berkahwin dan baru berkahwin (kurang 5 tahun). Sejak 2006 sehingga April 2011, sejumlah 363 program telah dilaksanakan dengan disertai lebih 6,260 pasangan

dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO dan Badan-Badan Agama,

Bagi tahun 2011, kursus keibubapaan akan diperluaskan ke peringkat komuniti setempat dengan kerjasama NGO sebagai salah satu usaha untuk mencegah jenayah, termasuk penderaan terhadap kanak-kanak. Menerusi program kerjasama ini, para sukarelawan NGO akan di beri kemahiran kejurulatihan menggunakan modul keibubapaan yang dibangunkan oleh LPPKN. Sukarelawan NGO berkenaan seterusnya akan melaksanakan kursus keibubapaan, khususnya di komuniti setempat yang berisiko.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A                    PUAN TERESA KOK SUH            SIM [SEPUTEH]**  
**TARIKH                        15 JUN 2011(RABU)**

**SOALAN** Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peruntukan yang diberi kepada Talent Corp pada tahun 2010 dan 2011. Sila nyatakan bilangan kakitangan yang diambil berkerja oleh Talent Corp di Malaysia dan luar negara dan senaraikan program yang telah dan akan diadakan oleh Talent Corp.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan pada Januari 2011 dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut. Maka, TalentCorp tidak mempunyai sebarang peruntukan pada tahun 2010 manakala bagi tahun 2011 pula, Kerajaan telah memperuntukkan RM30 juta sebagai geran pelancaran bagi TalentCorp di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 untuk memulakan operasinya. Sehingga 31 Mei 2011, bilangan warga TalentCorp adalah seramai 25 orang.

Antara program yang sedang dilaksana oleh TalentCorp adalah seperti berikut:

1. Returning Expert Programme (REP) untuk menggalakkan profesional Malaysia yang berkepakaran tinggi pulang ke Malaysia;
2. Pas Residen iaitu pendekatan untuk mengekalkan pakar ekspatriat yang dapat menyumbang kearah pembangunan ekonomi negara;
3. Kumpulan Kerja Sektoral seperti sektor Elektrik dan Elektronik kearah mengenal pasti keperluan modal insan serta menyediakan insiatif untuk memenuhi keperluan tersebut; dan
4. Promosi dan outreach untuk meningkatkan tahap kesedaran peluang pekerjaan di Malaysia yang berkaitan dengan Program Transformasi Negara.

TalentCorp akan bekerjasama dengan semua pihak berkaitan, termasuk awam dan swasta, dalam menyumbang ke arah usaha pemantapan dan pembangunan modal insan berkepakaran tinggi yang diperlukan untuk memacu ekonomi negara ke arah pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT**

**[PANDAN]**

**PERTANYAAN :LISAN**

**TARIKH :15/06/2011**

**SOALAN**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ] minta MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah bilangan kes penyeludupan dadah yang gagal dikesan di lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan kita tetapi ditahan di seberang laut. Sila nyatakan sebab berlakunya 'ketirisan<sup>1</sup> dan jumlah warganegara kita terbabit yang ditahan.

**JAWAPAN DILULUSKAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kes penyeludupan dadah yang dikesan di Lapangan Terbang Antarabangsa adalah sebanyak 11 kes pada tahun 2009 dan 46 kes pada tahun 2010. Kes-kes ini melibatkan nilai rampasan berjumlah RM15.96 juta dan RM26.20 juta masing-masing. Bilangan rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara kerana kesalahan dadah dari tahun 2007 hingga tahun 2010 adalah seramai 523 orang. Butirannya adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
2007	145
2008	138
2009	134
2010	106
<b>Jumlah</b>	<b>523</b>

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi membendung aktiviti penyeludupan dadah di Lapangan Terbang (LTA) seperti berikut:

- i. Menepatkan mesin pengimbas Di LTA. Sebanyak 31 buah mesin pengimbas telah ditempatkan di LTA Kuala Lumpur, Bayan Lepas, Kuching, Kota Kinabalu dan Senai;
- ii. Membekalkan peralatan kerja seperti *drug test kit*, *drug detector* dan *Standard Operating Procedure (SOP)* kepada pegawai di Cawangan Pemeriksaan Penumpang di semua LTA;
- iii. Kerjasama antara jKDM dengan kastam antarabangsa bagi mengetahui modus operandi penyeludupan serta mengeluarkan arahan berjaga-jaga kepada semua LTA; dan
- iv. Penggunaan anjing dari Unit K9, Cawangan Narkotik JKDM untuk mengesan dadah yang dihantar melalui mel atau kurier.



# **SOALAN NO.: 16**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARI PAD A LISAN**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG ]EE KEEN**

**KAWASAN SELAYANG**

**TARIKH 15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG ]EE KEEN (SELAYANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan amaun belanjawan, tarikh permulaan dan tarikh siap cadangan projek lebuh raya dari Rawang ke Tol PLUS dan dari Tol PLUS ke Kuala Selangor.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan pembinaan projek Lebuh Raya Kuala Lumpur - Kuala Selangor (KLKS), termasuk kos pengambilan balik tanah ialah sebanyak RM1.108 bilion. Dari jumlah tersebut, kos pembinaan lebuh raya sahaja ialah sebanyak RM958 juta manakala kos pengambilan balik tanah pula ialah sebanyak RM150 juta.

Lebuh raya sepanjang 33 kilometer ini menghubungkan trafik dari bahagian Barat ke bahagian Timur Lembah Klang, iaitu melalui perjalanan antara Kuala Selangor, Rawang dan Taman Rimba Templer di jalan Persekutuan 1. Ia juga merupakan sebahagian daripada jajaran Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR). Terdapat 4 persimpangan bertingkat dibina di lebuh raya tersebut, iaitu Persimpangan Bertingkat Assam Jawa, Ijok, Kuang dan Templer Park. Projek pembinaan Lebuh Raya KLKS telah dimulakan pada 28 Oktober 2008 dengan tempoh siap kerja asal ialah selama 36 bulan, iaitu sehingga 27 Oktober 2011.

Namun demikian, projek ini dijangka dapat disiapkan dan dibuka kepada lalu-lintas lebih awal berbanding jadual asal, iaitu pada penghujung bulan Jun 2011 atau awal bulan Julai 2011. Sehingga 31 Mei 2011, kemajuan fizikal di tapak ialah 98% berbanding 92% mengikut jadual.

**Sekian. Terima kasih.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

## **PERTANYAAN**

LISAN

DARI PADA

Y.B. TUAN HAJI

MATULIDI BIN HAJI JUSOH

## (DUNGPUN)

TARIKH

15.06.2011

## **SOALAN:**

Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [ DUNGUN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan sistem pengajaran dan pembelajaran yang terkini yang berasaskan sistem teknologi maklumat dan lebih efektif

## JAWAPAN

## Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan keupayaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) di sekolah. Usaha ini termasuklah meningkatkan penggunaan teknologi maklumat (ICT) supaya p&p yang berlaku di dalam kelas akan lebih menarik dan berkesan. Justeru, program pembestarian sekolah merupakan satu proses yang berterusan dalam usaha KPM menjadikan semua sekolah rendah dan menengah yang melibatkan hampir 10,000 buah sekolah dilengkapi dengan kemudahan ICT, sumber informasi dan mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran serta dalam pengurusan sekolah.

Selain itu, prasarana SchoolNet yang terdapat di hampir semua sekolah juga membolehkan p&p dilaksanakan tanpa sempadan. Program ini mampu merapatkan jurang digital di antara murid-murid sekolah di bandar dan di luar bandar serta mempertingkatkan keberkesanan sistem pendidikan negara serta mampu mewujudkan suasana pendidikan yang lebih interaktif.

**Soalan No : 17**

**Rjm 20**



## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR 15**

**TARIKH**

**JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**NO. 18**

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah-langkah memperbaiki rangkaian maklumat kutipan pinjaman yang berkualiti rendah menyebabkan hanya RM600 juta berjaya dikutip daripada peminjam-peminjam setakat ini.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 April 2011, jumlah pembiayaan pendidikan PTPTN yang sepatutnya dibayar balik oleh 969,506 peminjam adalah sebanyak RM5.53 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 693,155 peminjam telah mula membayar balik dengan amaun kutipan sebanyak RM2.45 bilion dan komitmen keseluruhan yang perlu dibayar sebanyak RM3.81 bilion.

Sementara itu, seramai 51,021 peminjam telah diluluskan penangguhan bayaran balik yang melibatkan amaun sebanyak RM0.48 bilion. Manakala,

bilangan peminjam yang masih gagal membuat bayaran balik ialah seramai 225,330 peminjam yang melibatkan amaun tunggakan sebanyak RM1.24 bilion.

Tuan Yang Di Pertua,

PTPTN dalam proses menambahbaik sistem bayaran balik pinjaman yang mempunyai kesemua fungsi pengurusan bayaran balik pinjaman termasuk penguatkuasaan, pemantauan dan amaran awal.

Pada masa ini, pelbagai kaedah dan usaha telah dilakukan untuk memudahkan peminjam membuat bayaran balik serta meningkatkan prestasi bayaran balik pinjaman antaranya:

memperbanyak dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan kemudahan pembayaran melalui kaunter atau secara atas talian (*online*) oleh PTPTN dan ejen-ejen yang dilantik seperti Pos Malaysia dan bank (Maybank, Bank Islam, CIMB Bank, RHB Bank, Public Bank dan Bank Simpanan Nasional);

menjalin kerjasama dengan IPT untuk mengadakan taklimat kepada pelajar tahun akhir/ bakal graduan tentang kemudahan dan kepentingan membuat bayaran balik pinjaman;

- iii. mengejuarkan surat arahan bayaran balik (bagi peminjam yang telah tamat tempoh pengeluaran dan patut mula membuat bayaran balik) dan surat-surat peringatan (bagi peminjam yang masih tidak membuat bayaran balik/ tidak memberi maklumbalas);

- iv. bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, pihak swasta dan melantik ejen bagi mengesan peminjam;
- v. bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk menahan peminjam ingkar daripada keluar negara; dan
- vi. melantik panel peguam bagi urusan penghantaran Surat Peringatan Terakhir, *Letter Of Demand (LOD)*, saman dan penghakiman.

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 5 Mei 2010, Kerajaan telah bersetuju supaya pengurusan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui LHDNM menggunakan kaedah potongan gaji berdasarkan gaji yang diterima oleh peminjam dilaksanakan.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan yang melibatkan LHDNM, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Peguam Negara dan PTPTN bagi memperhalusi pelaksanaannya seperti penetapan had *threshold* bagi permulaan bayaran balik pinjaman pendidikan, menetapkan kadar bayaran balik atas pendapatan bulanan peminjam, pemberian nombor fail cukai kepada pelajar baru dan pindaan akta PTPTN

(Akta 566) dan akta-akta lain yang berkaitan. Pindaan akta berkenaan perkara tersebut dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun ini.



NO. SOALAN : 19  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HENRY SUM AGONG

TARIKH 15 JUN 2011 (RABU)

**SOALAN**

DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa jumlah kes rompakan kapal di lautan pantai bagi tempoh 3 tahun yang lepas iaitu 2008 - 2010.

**JAWAPAN** YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang Dipertua,

Kes rompakan yang berlaku di perairan Malaysia boleh dibahagikan kepada 5 perairan iaitu Selat Melaka, Selatan Johor, Pantai Timur Semenanjung, perairan Sabah dan perairan Sarawak. Jumlah keseluruhan kes rompakan dari tahun 2008 hingga 2010 adalah 38 kes di mana pada tahun 2008, jumlah rompakan yang berlaku di semua perairan ini adalah sebanyak 12 kes, tahun 2009 sebanyak 10 kes dan pada tahun 2010 sebanyak 16 kes.

Di Selat Melaka, hanya 2 kes rompakan berlaku pada tahun 2008, 1 kes pada tahun 2009 dan tiada rompakan dilaporkan pada tahun

2010. Di Selatan Johor pula, tiada kes rompakan yang berlaku di perairan Tanjung Piai pada tahun 2008 dan 2009 sementara tahun 2010 mencatatkan 3 kes. Sebanyak 5 kes rompakan dicatatkan berlaku di perairan Pengerang pada tahun 2008, 3 kes pada tahun 2009 dan 9 kes pada tahun 2010. Bagi Pantai Timur Semenanjung, kes rompakan yang dicatatkan pada tahun 2008 adalah sebanyak 4 kes dan masing-masing 3 kes pada tahun 2009 dan 2010. Tiada kes rompakan dilaporkan berlaku di perairan Sarawak pada tahun 2008 dan 2009 sementara hanya 1 kes rompakan dicatatkan berlaku pada tahun 2010. Di perairan Sabah pula, hanya 1 kes rompakan dilaporkan pada tahun 2008, 3 kes rompakan pada tahun 2009 yang melibatkan rompakan terhadap penghantaran wang tunai dan barang-barang persendirian warga kapal yang melalui perairan tersebut, sementara tiada kes rompakan dilaporkan pada tahun 2010.

APMM telah berusaha untuk mengurangkan kes rompakan di perairan Malaysia dengan menempatkan vesel dan pesawat udara di lokasi strategik, melaksanakan rondaan dan pengawasan 24 jam sehari, menggerakkan sumber-sumber perisikan serta perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasa maritim dalam dan luar negara. Melalui usaha dan tindakan yang dilaksanakan itu, pada 9 Mac 2011 APMM telah berjaya menangkap 7 orang perompak di perairan Pulau Mungging, Johor. Kesemua perompak tersebut telah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman 12 tahun penjara dan 3 sebatan. Dengan tangkapan dan hukuman yang telah dijatuhkan ini telah memberi impak yang positif di mana setakat ini kejadian rompakan tidak lagi berlaku di perairan Malaysia. Usaha ini akan terus dilaksanakan dan dipergiatkan lagi. Secara keseluruhannya, keselamatan perairan negara adalah terkawal.

Sekian, terima kasih.

**STATISTIK ROMPAKAN DAN PELANUNAN DI PERAIRAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN 2008-2010**

Kawasan	Tahun		
	2008	2009	2010
<b>Selat Melaka</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	-
<b>Selatan Johor</b>	-	-	<b>3</b>
i) Tanjung Piai			
ii) Pengerang	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>9</b>
<b>Pantai Timiur</b>	<b>A</b>	<b>o</b>	
<b>Semenanjung</b>	<b>H</b>	<b>o</b>	<b>o</b>
<b>Perairan Sabah</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	-
<b>Perairan Sarawak</b>	-	-	<b>1</b>
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>10</b>	<b>16</b>

*pi© SOALAN  
H0:44~*

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** LISAN  
**DARI PADA** TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]  
**TARIKH** 15 JUN 2011(RABU)

#### **SOALAN**

Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pandangan Kerajaan ke atas Laporan Bank Dunia terhadap kejadian "Brain Drain' di Malaysia. Adakah Kerajaan bersedia menangani persepsi ketidaksaksamaan sosial seperti yang telah dilaporkan dalam kajian tersebut.

#### **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada laporan Malaysia Economic Monitor: Brain Drain yang dikeluarkan oleh The World Bank pada April 2011, “Brain Drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned” dan bukanlah satu fenomena yang unik kepada negara Malaysia sahaja. Kadar emigrasi modal insan adalah paling tinggi di kalangan negara berpendapatan sederhana kerana seseorang mempunyai insentif dan keupayaan untuk bermigrasi.

Menurut laporan tersebut, pemindahan pengetahuan di antara negara asal dan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains dan teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap, seterusnya menstimulasi perdagangan dan pelaburan asing di sebuah negara.

|



Justeru, fenomena emigrasi modal insan tidak semestinya hanya negatif dan berpotensi memberi kesan positif terhadap sesebuah negara, khususnya dalam menarik kepulangan rakyat Malaysia di luar negara yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi barang dan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Bagi tujuan tersebut, TalentCorp telah ditubuhkan pada Januari 2011 untuk memberi fokus kepada usaha menarik balik modal insan Malaysia yang berkepakaran tinggi dan memaksimumkan jaringan tempatan di luar negara melalui kumpulan tersebut. Antara pendekatan yang telah dikenalpasti adalah menganalisa isu-isu berkaitan dengan diaspora Malaysia dan mekanisme yang boleh digunakan untuk mengoptimumkan kepakaran mereka walau di manapun mereka berada seperti Program Pakar dan program promosi dan outreach di luar negara.

Laporan tersebut juga mengatakan bahawa “The results suggest that Malaysia has so far been spared from the detrimental type of brain drain” kerana stok modal insan berkepakaran sedia ada tidak terhakis dan dapat dikekalkan. Seterusnya, laporan tersebut juga mencadangkan supaya isu emigrasi modal insan dapat ditangani dengan meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pembangunan secara inklusif. Hal ini jelas telahpun diambil kira dalam polisi pembangunan negara yang telah mula dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

NO.SOALAN : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>OSMAN (LIPIS)</b>
	<b>15.06.2011(RABU)</b>

**DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [ LIPIS ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan apakah Kementerian mengenal pasti kaedah dan pendekatan terbaik menangani kenaikan harga barang dan perkhidmatan berikut harga bahan api yang membebankan rakyat khususnya golongan berperndapat rendah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengawal harga sebilangan barang secara undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga 1946 seperti gula putih bertapis kasar dan halus.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah melaksanakan beberapa langkah kawalan bagi menangani kenaikan harga barang dan perkhidmatan antaranya ialah:

**Meminta pihak pengeluar meningkatkan kapasiti pengeluaran kerana jika pengeluaran meningkat berbanding permintaan, harga barang akan rendah;**

**Mewujudkan Jawatankuasa Harga dan Bekalan bagi menghasilkan kerjasama dengan semua agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan bekalan berterusan pada harga yang berpatutan;**

**Meneruskan Projek Pengedaran Barang-Barang Perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman di seluruh negara terutamanya Sabah dan Sarawak supaya penduduk pedalam dapat menikmati harga barang kawalan pada harga yang di wartakan.;**

**Menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barang yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang (*value for money*)]**

**Menjalankan kempen penurunan harga dengan kedai-kedai runcit, pasaraya dan pasaraya besar;**

**Mengadakan perbincangan secara berkala dengan industri makanan dan minuman supaya tidak menaikan harga produk akhir sekiranya harga barang bahan mentah dan kos operasi meningkat; dan**

**Memperketatkan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi melindungi melindungi kepentingan pengguna daripada peniaga yang mengambil keuntungan secara berlebihan.**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**SOALAN NO: 23**

**DARI PADA**

**TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[JELUTONG]**

**TARIKH**

**15 JUN 2011**

**SOALAN**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah perkembangan dan mercu kejayaan terkini dalam Projek 1 Malaysia Netbook yang menelan belanja RM1 billion yang dibiayai menerusi tabung Universal Service Provisioning (USP) yang merupakan sumbangan wajib para pelesen SKMM.



**SOALAN NO: 22**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) Pelaksanaan Pemberian Netbook 1 Malaysia melibatkan tiga fasa. Sehingga kini, ianya telah memasuki fasa 2 dan pengagihan netbook 1 Malaysia sedang dijalankan.
- b) Pelaksanaan projek Netbook 1 Malaysia telah membantu dalam peningkatan kadar penembusan isi rumah jalur lebar negara yang telah meningkat melebihi 60%.
- c) Selain itu, ianya telah meningkatkan kadar celik IT terutamnya kepada para pelajar dari luar bandar dengan pemberian netbook 1 Malaysia yang lengkap dengan program *Microsoft Office* bagi memudahkan para pelajar menggunakan netbook dengan berkesan.

**Soalan No: 23**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUABELAS**

**PEMBENTANGAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**TARIKH 15.6.2011**

**SOALAN**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan pencapaian dan pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) luar bandar dan wilayah terutama di negeri Sabah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bermula tahun 2010 hingga tahun 2011, sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) infrastruktur asas luar bandar di Sabah merangkumi pembinaan jalan luar bandar (**JALB**) **sepanjang 559.25km**, penyaluran bekalan air bersih/terawat (**BALB**) kepada **35,206 buah rumah**, penyambungan bekalan elektrik (**BELB**) kepada **16,745 buah rumah** dan penyediaan serta menaik taraf rumah (**PBR**) sebanyak **5,158 buah rumah**.

Status pencapaian projek-projek NKRA infrastruktur asas luar bandar di Sabah sehingga **30 April 2011** adalah seperti berikut:

- i. Pembinaan **JALB** sepanjang **285.06km**;
- ii. Penyaluran **BALB** kepada **12,489 buah rumah**;
- iii. Penyambungan **BELB** kepada **14,251 buah rumah**; dan
- iv. Pembinaan dan menaik taraf PBR sebanyak **2,274 buah rumah**.

Bagi tempoh yang sama, projek NKRA infrastruktur asas luar bandar juga telah memberi **manfaat kepada penduduk di Sabah** dengan pecahan seperti berikut:

- i. Seramai 177,438 orang untuk Program JALB;
- ii. Seramai 62,445 orang di bawah Program BALB;
- iii. Hampir 71,255 orang penduduk menerima manfaat di bawah Program BELB; dan
- iv. Sejumlah 11,370 orang penduduk mendapat manfaat di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Kerajaan akan terus berusaha memastikan pelaksanaan projek-projek infrastruktur asas NKRA di Sabah dapat disiapkan mengikut jadual dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

**SOALAN NO:**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN**

**LISAN**

**Dato' Rashid Bin Din (Merbok)**

**15 Jun 2011**

**Dato' Rashid Bin Din minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah subsidi yang disalurkan oleh Kementerian kepada rakyat (terutama kepada petani padi, pekebun kecil getah, kelapa sawit, sayur dan tanaman kontan lain) melalui pelbagai skim subsidi dan geran dari tahun 2008 hingga 2010, dan apakah subsidi tersebut akan dirasionalisasikan.**

**JAWAPAN**

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**

**ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah subsidi yang disalurkan oleh Kerajaan kepada rakyat terutamanya kepada petani padi, pekebun kecil getah dan kelapa sawit dari tahun 2008 hingga 2010 adalah berjumlah RM5.34 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM5.14 bilion disalurkan kepada petani padi, RM54.54 juta bagi pekebun kecil getah dan RM 148.34 juta kepada pekebun kecil kelapa sawit. Bagi sayur dan tanaman kontan, tiada subsidi atau geran yang diberikan.

Dari segi rasionalisasi subsidi, Kementerian sedang meneliti beberapa cadangan kajian yang telah dijalankan oleh juru perunding yang dilantik Kerajaan seperti Universiti Putra Malaysia dan Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER). Cadangan yang telah dikemukakan tersebut meliputi penstrukturkan semula subsidi, penambahbaikan sistem penyampaian subsidi dan insentif Kerajaan dan lain-lain kaedah yang dirasakan perlu bagi menjamin kelangsungan industri padi dan beras negara.

PERTANYAAN-  
PERTANYAAN  
PERSIDANGA  
N DEWAN  
RAKYAT  
MESYUARAT  
KEDUA,  
**Pertanyaan**  
PENGGAL  
KEEMPAT,  
Dari pada  
PARLIMEN KE-  
12, 2011

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

Tarikh Menjawab  
Soalan

**PERTANYAAN LISAN**

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]

15 Jun 2011 (Rabu)

No.^ as-

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan perkembangan cadangan menggunakan biofuel sebagai tenaga alternatif untuk kendaraan. Apakah usaha Kementerian untuk mengimbangi permintaan minyak sawit berbanding dengan penggunaannya untuk dijadikan bahan bakar yang akan menjelaskan harga pasaran dan penawaran; dan

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan:

- (a) implementasi cadangan menjual mandatori biofuel mulai bulan Jun 2011 (tahun ini) di bawah program B5 Kerajaan mengikut jadual; dan
- (b) anggaran kurangnya kebergantungan kepada *fossil fuels* tiap- tiap tahun dalam lima tahun akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tanjung Malim ini bersekali dengan soalan dari Yang Berhormat Telok Kemang yang dijadualkan pada 28 Jun 2011 memandangkan ianya berkaitan perkara yang sama.

Kerajaan telahpun melaksanakan program B5 yang melibatkan penggunaan adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum bermula di stesen-stesen minyak di Putrajaya pada Rabu, 1 Jun 2011. Susulan pelaksanaan program B5 di Putrajaya, ianya akan diperluaskan di Melaka mulai 1 Julai 2011, Negeri Sembilan pada 1 Ogos 2011, Kuala Lumpur pada 1 September 2011 dan Selangor pada 1 Oktober 2011. Bagi lain-lain kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, ia akan dilaksanakan secara berperingkat.

Berhubung dengan pengimbangan penggunaan minyak sawit untuk tujuan dijadikan bahan bakar, Kerajaan telah menetapkan bahawa penggunaan minyak sawit mentah sehingga 30% daripada jumlah pengeluaran minyak sawit negara akan digunakan untuk tujuan pengeluaran biobahan api. Ini adalah untuk memastikan keperluan minyak sawit untuk sektor makanan diberi keutamaan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelaksanaan Program B5 di Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor sepenuhnya mulai 1 November 2011 akan melibatkan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011**

**penggunaan biodiesel sawit sebanyak 155,440 tan atau 178 juta liter setahun. Ini akan menyumbang kepada penjimatan hampir 180 juta liter diesel fosil setahun.**

**Adalah dijangkakan sekiranya Program B5 ini dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara, penggunaan biodiesel sawit adalah sebanyak 500,000 tan setahun dan penjimatan 580 juta liter diesel fosil setahun.**



**NO.AUM : 34**

**NO. AUP : 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN      LISAN**

**DARIPADA      TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [ IPOH BARAT ]**

**15 JUN 2011**

**TARIKH            3681**

**RUJUKAN**

**SOALAN:**

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah laporan Polis yang direkodkan terhadap Akhbar Utusan dan mengapakah akhbar tersebut diberikan layanan berlainan sehingga tiada tindakan undang-undang dikenakan.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, setakat ini terdapat sebanyak 63 laporan polis telah dibuat terhadap akhbar Utusan Malaysia. Pada masa ini PDRM telah selesai menjalankan siasatan berkenaan laporan oleh akhbar tersebut dan hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan selanjutnya.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada istilah layanan istimewa yang diberikan kepada mana-mana pihak yang didapati melanggar undang-undang negara seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                    **LISAN**

**DARIPADA**                    **Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL  
RAHMAN [ PASIR SALAK ]**

**TARIKH**                    **15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Y.B. Dato<sup>1</sup> Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ] minta PERDANA MENTERI menyatakan rancangan untuk melibatkan usahawan Bumiputera secara besar-besaran dalam projek mega yang bernilai RM 60 bilion milik PETRONAS di Johor yang telah diumumkan baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek *Refinery and Petrochemical Integrated Development* (RAPID) adalah satu projek yang telah dikenalpasti di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP) yang diterajui oleh *Performance Management & Delivery Unit* (PEMANDU). Projek ini yang akan dibangunkan oleh PETRONAS dijangka menelan belanja sebanyak kira-kira USD20 bilion atau RM60 bilion. Peluang untuk memperolehi lesen-lesen perniagaan di dalam bidang minyak dan gas di Malaysia adalah terbuka kepada semua yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk berlesen dan berdaftar dengan PETRONAS. PETRONAS memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat tempatan di dalam pemberian kontrak di mana PETRONAS beroperasi selaras dengan aspirasi PETRONAS untuk membangunkan keupayaan tempatan. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh



**PETRONAS** untuk memastikan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera di dalam industri minyak dan gas negara adalah seperti berikut:

- (i) Menghadkan pemberian lesen dan pendaftaran dalam bidang-bidang tertentu kepada syarikat-syarikat Bumiputera sahaja;
- (ii) Mengenakan syarat penyertaan Bumiputera yang meliputi pegangan ekuiti, ahli lembaga pengarah, pengurusan dan tenaga kerja semasa permohonan dan pembaharuan lesen dan pendaftaran;
- (iii) Memastikan penyertaan Bumiputera yang tulen untuk membasmikan syarikat yang menjadi 'front companies' dan 'commission agent' sahaja;
- (iv) Mengenalpasti dan menghadkan kerja-kerja sub-kontrak tertentu supaya diperuntukan kepada syarikat-syarikat Bumiputera;
- (v) Mengenakan syarat kepada syarikat-syarikat asing untuk menujuhkan konsortium atau syarikat usahasama dengan syarikat Bumiputera atau tempatan sebelum dipelawa untuk menyertai projek-projek besar; dan
- (vi) Memperkenalkan Program Pembangunan Vendor (VDP).

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN  
IBRAHIM  
[BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH**

**15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**Y.B. Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ] minta**

## NO. SOALAN: 28

PERDANA MENTERI menyatakan mengikut Laporan Tahunan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2009, sektor SME telah teruk terjejas oleh krisis kewangan global di mana permintaan produk dan perkhidmatan menurun sebanyak 50% - 80%. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi perkembangan SME di Wilayah Iskandar.

### CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah mengambil beberapa langkah bagi menghadapi situasi tersebut. Di antaranya adalah IRDA dengan kerjasama Kementerian/Agensi berkaitan sektor SME telah menganjurkan perbincangan '*Focused Result Delivery Group*' pada 31 Mei 2010 untuk menilai perkembangan semasa SME di Iskandar Malaysia. Lanjutan daripada itu, sejumlah 9 program pembangunan SME dan usahawan-usahawan telah dilancarkan. Program-program ini memberi fokus kepada SME untuk berkembang dan memperolehi kemahiran baru dalam penggunaan alat-alat IT dan platform mengembangkan pengetahuan dan peluasan pasaran produk. Pada Januari 2011, IRDA dengan kerjasama SME Corporation menganjurkan Program "*IM-SME Outreach Dialogue/Awareness*" untuk mempertingkatkan kapasiti dan kemahiran SME.

IRDA juga mengenalpasti peluang-peluang baru untuk perniagaan SME melalui peningkatan hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia yang mana membuka peluang untuk meluaskan lagi pasaran barang sektor SME. Penubuhan '*Special Taskforce*' pada Ogos 2010 telah memudahkan pelaburan-

**pelaburan dari SME Singapura bagi menempatkan semula dan mengembangkan perniagaan mereka di Iskandar Malaysia . Ini akan menawarkan peluang-peluang perniagaan yang baru untuk SME tempatan.**

**Seterusnya, IRDA dengan kerjasama SME akan menumpukan dan melengkapkan sistem sokongan bagi lima teras sektor ekonomi sedia ada iaitu sektor elektrik & elektronik, petro kimia & oleo kimia, makanan & pemprosesan agro, logistik & perkhidmatan berkaitan, pelancongan dan empat sektor perkhidmatan iaitu perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan kewangan dan industri-industri kreatif.**



**Soalan No : 17**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>	
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN</b>	<b>MOHAMED</b>
	<b>(PULAI)</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>15.06.2011</b>	

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [ PULAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan objektif program penajaan pelajar Malaysia di *Beijing Foreign Studies University* di negara China. Sila nyatakan jumlah dan kos program tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menaja pelajar-pelajarnya ke luar negara melalui pelbagai program sebagai usaha untuk melahirkan guru berkualiti yang menguasai pelbagai bidang ilmu dan kemahiran. Mulai tahun 2007, KPM mula menghantar pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke *Beijing Foreign Studies University* (BFSU), China.

Objektif program penajaan pelajar Malaysia di BFSU, China adalah untuk menghasilkan guru-guru yang akan membawa pembaharuan, iklim baru yang berbeza serta inovasi kepada pendekatan dan metodologi pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina. Pelajar yang mengikuti program ini akan berpeluang berinteraksi dengan penutur jati berkenaan disamping mendapat pelbagai manfaat dengan pendedahan yang diberi selain mempelajari budaya dan sejarah negara berkenaan. Banyak kajian dan literatur menekankan kepentingan pendedahan di negara penutur jati dalam mempelajari sesuatu bahasa. Selain



itu, pelajar juga berkesempatan untuk membuat perbandingan antara sistem pendidikan negara penutur jati dengan Malaysia serta mempelajari teknik pengajaran dan pembelajaran yang terkini dengan lebih berkesan. Program luar negara ini juga dapat membantu menarik lebih ramai calon dalam kalangan rakyat Malaysia untuk memilih profesi guru Bahasa Cina sebagai kerjaya yang menarik. Pelaksanaan program ini dapat membekalkan guru-guru yang bertauliah dan berkualiti untuk mengisi keperluan guru Bahasa Cina di sekolah seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar di BFSU adalah seramai 84 orang dan kos bagi setiap pelajar ialah sebanyak RM58,353.00 setahun atau RM291,765.00 sepanjang tempoh pengajian (5 tahun).

**NO. AUM : 8**

**NO. AUP : °>°**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN            LISAN**

**DARIPADA            DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]**

**15 JUN 2011**

**TARIKH                3675**

**RUJUKAN**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status kes pembunuhan peguam G Balasunderam pada 17/11/2010. Adakah Menteri setuju bahawa kegagalan pihak polis untuk mendakwa sesiapa pun berkaitan pembunuhan Balasunderam akan menggalak penjenayah lain memilih kaedah pembunuhan untuk menyelesaikan masalah mereka.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis masih menjalankan siasatan terhadap kes pembunuhan peguam G Balasunderam yang berlaku pada 17 November 2010. Sehingga kini seramai lima belas (15) orang saspek telah ditangkap untuk membantu siasatan.

Daripada jumlah itu, seramai sebelas (11) orang telah dikenakan tindakan di bawah Undang-Undang Pencegahan bersabit penglibatan mereka dalam jenayah bunuh dan samun. Dua (2) orang saspek masih lagi direman dan disiasat di bawah Ordinan Darurat (E.O), manakala dua (2) lagi saspek telah pun dibebaskan. Tiga (3) orang saspek utama masih lagi bebas. Setakat ini masih tiada keterangan yang mencukupi diperolehi untuk mendakwa saspek-saspek tersebut di Mahkamah. Pihak polis masih lagi menjalankan siasatan terhadap kes tersebut.



**Tuan Yang di-Pertua,**

Dari aspek pendakwaan, adalah amalan dan merupakan *prerogatif* Peguam Negara untuk mempraktikkan prinsip “90% evidence rule” bagi mengelakkan kes tersebut dibuang oleh Mahkamah. Pihak polis diarahkan untuk terus mengumpul bukti-bukti yang lebih kukuh bagi menuduh dan membuktikan kesalahan saspek-saspek di Mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kenyataan bahawa pihak polis gagal melakukan pendakwaan di Mahkamah adalah tidak tepat kerana kes ini masih lagi dalam siasatan. Siasatan pihak polis pula tidak akan dihentikan sehingga sesuatu kes tersebut telah berjaya diselesaikan.

**NO. AUM : 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**NO. AUP : 11**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP BUMBURING [ TUARAN ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15 JUN 2011</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3676</b>

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [ Tuaran ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan ke atas status warga negara Datu Akjan yang telah menabalkan diri sebagai Sultan Sulu kerana beliau telah menderhaka kepada Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua ,**

**Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kes Datu Akjan yang telah menabalkan dirinya sebagai Sultan Sulu sedang disiasat oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sekiranya terbukti beliau telah menderhaka kepada Malaysia tindakan sewajarnya akan diambil di bawah undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan.**

**Walau bagaimanapun, kes ini masih dalam siasatan PDRM dan adalah tidak wajar untuk mengeluarkan sebarang kenyataan mengenainya buat masa ini.**

**SOALAN NO : 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN WONG    HO LENG  
                                       [ SIBU ]**

**TARIKH                      15 JUN 2011**

**SOALAN**

**Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan untuk merawat penyakit berkaitan rokok seperti kanser tiap-tiap tahun, apakah pendapatan yang telah dikutip dari produk tembakau dan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam usaha mengurangkan penyakit berkaitan rokok.**

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil dari kajian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, kos kesihatan akibat tembakau (*Study on Healthcare Cost From Tobacco*) yang dijalankan pada tahun 2006, didapati bahawa pihak Kerajaan telah membelanjakan purata sejumlah hampir RM2 bilion (iaitu RM1,974,950,532.78) untuk rawatan pesakit bagi hanya tiga jenis penyakit yang disebabkan oleh tembakau iaitu, penyakit kronik obstruktif pulmonari (COPD), penyakit jantung dan kanser paru-paru. Sebenarnya penggunaan tembakau boleh menyebabkan lebih banyak penyakit berat termasuk strok, gangren dan sekurang-kurangnya 53 jenis kanser.

Sementara itu,

I

pendapatan yang dikutip melalui hasil percukaian tahunan daripada produk-produk tembakau adalah lebih kurang RM3 bilion (RM3,119,286,074.00) untuk tahun 2009.

Kerajaan Malaysia sememangnya komited dalam usaha mengurangkan beban penyakit akibat rokok. Komitmen ini terbukti apabila Kerajaan meratifikasi satu perjanjian global yang bergelar *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC) pada tahun 2005. Sebagai negara parti kepada FCTC, Malaysia terikat untuk meneruskan semua usaha dan strategi kawalan tembakau yang jelas berkesan.

Dalam menekang impak negatif tembakau yang kian membebani Negara, usaha kawalan tembakau secara komprehensif perlu dilaksanakan serentak yang melibatkan pelbagai pendekatan. Antara usaha-usaha itu adalah peningkatan cukai dan harga rokok, promosi kesihatan (atau kempen Tak Nak Merokok), ketetapan perundangan seperti pewartaan kawasan atau zon-zon larangan merokok (baru-baru ini 5 zon yang seluas 338 hektar di Melaka telah

diwartakan sebagai kawasan larangan merokok berkuatkuasa 15 Jun 2011) dan penguatkuasaan kawasan-kawasan larangan merokok, larangan iklan, tajaan dan promosi rokok, peruntukan pembungkusan dan pelabelan rokok (atau Amaran Kesihatan Bergambar), larangan merokok oleh orang belum dewasa (OBD) dan penyediaan khidmat bantuan berhenti merokok. Kesemua kaedah ini bukannya alternatif bagi satu sama lain, tetapi perlu berjalan seiringan bagi mencapai kesan yang optima.

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)
TARIKH	15 JUN 2011 (RABU)
SOALAN	Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta
PERDANA MENTERI	menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam usaha penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan ( <i>Government Delivery System</i> ) buat masa kini.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan berusaha untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan oleh semua kementerian dan agensi kerajaan supaya dapat memanfaatkan rakyat dan komuniti perniagaan. Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP), hala tuju dan program-program agensi Kerajaan telah dijajarkan dengan *National Key Result Area* (NKRA), Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam.

Di samping penjajaran hala tuju, pelbagai usaha penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan juga kerajaan tempatan. Antaranya adalah melaksanakan semakan semula proses dan prosedur kerja sedia ada supaya lebih mudahkan, terus relevan dengan persekitaran semasa dan memenuhi ekspektasi rakyat dan pelanggan.

Kerajaan turut memperkenalkan kerjasama strategik atau perkongsian pintar (*smart partnership*) di antara agensi-agensi bagi mencari penyelesaian kreatif (*creative solution*) ke arah

meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Sebagai contoh, kerjasama strategik di antara Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia untuk melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah telah menyumbang kepada penurunan insiden jenayah sebanyak 13.9% berbanding sasaran 5% NKRA.

Selain itu, input dan maklum balas daripada rakyat dan komuniti perniagaan turut diambil kira melalui penglibatan (*engagement*) dengan sektor swasta melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH), Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) dan juga di peringkat perancangan program-program di agensi Kerajaan. Ini bagi memastikan penambahbaikan yang diperkenalkan dapat dinikmati sepenuhnya dan memenuhi ekspektasi pelanggan. Selain itu, pendekatan *customer-centric* turut dilaksanakan yang melibatkan pelanggan bagi mendapatkan maklum balas untuk terus menambahbaik penyampaian perkhidmatan awam.

Kerajaan juga melaksanakan program promosi penyampaian perkhidmatan awam melalui pelbagai saluran seperti media elektronik, media cetak dan juga melalui pameran-pameran bergerak. Promosi penyampaian perkhidmatan awam ini dilaksanakan bertujuan untuk mewar-warkan usaha-usaha penambahbaikan yang telah diperkenalkan oleh agensi-agensi Kerajaan serta meningkatkan kesedaran rakyat dan komuniti perniagaan akan wujudnya usaha-usaha penambahbaikan ini.

Adalah diharapkan agar melalui usaha-usaha promosi seperti ini, lebih ramai rakyat dan komuniti perniagaan akan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan dan lebih banyak kejayaan dapat dicapai untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15 JUN 2011 ( RABU )</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan siapa yang harus bertanggungjawab terhadap kesilapan penterjemahan Bahasa Melayu kepada Bahasa Cina semasa sambutan rasmi rombongan Wen Jiabao oleh Kerajaan Pusat dan apakah tindakan yang diambil terhadap kakitangan Kerajaan tersebut.</b>

**JAWAPAN : (YB SENATOR TAN SRI DR KOH TSU KOON)**

Lawatan rasmi Perdana Menteri Republik Rakyat China (RRC), TYT Wen Jiabao ke Malaysia pada 27-28 April tahun ini pada keseluruhannya merupakan satu kejayaan yang cemerlang bagi pucuk pimpinan dan rakyat kedua-dua negara kerana telah merapatkan hubungan dua hala serta mencapai perjanjian dan persetujuan dalam beberapa bidang yang penting.

Memandangkan lawatan ini adalah amat penting, pegawai-pegawai yang berkenaan dari pelbagai kementerian, khasnya Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Perdana Menteri (JPM), telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan beberapa langkah tambahan, misalnya dari segi hiasan semasa sambutan rasmi, pemasangan banting secara lebih banyak sepanjang jalan-jalan protokol, liputan media yang meluas, persembahan semasa jamuan makan tengah hari dan sebagainya. Ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 April supaya sambutan kepada semua Tetamu Negara diadakan dengan meriah dan lebih bersifat *personalised*, dengan mengambil contoh layanan yang diterima oleh YAB Perdana Menteri kita semasa lawatan rasmi beliau ke Negara Korea pada awal bulan April.

Di antara hiasan istimewa untuk sambutan rasmi di Dataran Putra pada pagi 28 April ialah pemasangan buat kali pertamanya satu papan tanda (*billboard*) yang besar dan berwarna-warni dengan perkataan “Istiadat Sambutan Rasmi Sempena Lawatan Rasmi TYT Wen Jiabao Ke Malaysia”, dengan terjemahan dalam tulisan bahasa Cina. Ini merupakan inisiatif para pegawai

Jabatan Perdana Menteri, mengikut apa yang diamalkan di Negara Korea. Papan tanda itu dipasang pada lewat malam 27 April.

Walau bagaimanapun, sebelum ketibaan Tetamu Negara pada pagi 28 April, telah diperhatikan bahawa terdapat kesilapan dalam tulisan Cina yang berbentuk: “  
Penterjemahan semula ayat ini ke dalam Bahasa Malaysia berbunyi “Istiadat sambutan rasmi, bersama beliau TYT Wen Jiabao rasmi melawat Malaysia”. Susunan perkataan dan ayat sedemikian sebenarnya adalah kurang tepat mengikut struktur ayat dan nahu bagi bahasa Cina tetapi, tidak membawa maksud yang berunsur kasar atau lucah.

YB Menteri Pengiring telah dengan segera memaklumkan kesilapan ini kepada YAB Perdana Menteri dan mengarahkan supaya siasatan dibuat dengan segera. Di mesyuarat dua hala selanjutnya, YAB Perdana Menteri sendiri telah meminta maaf kepada TYT Perdana Menteri Republik Rakyat China atas kesilapan tersebut. Permintaan maaf ini diterima dengan baiknya oleh pihak tetamu. Insiden seumpama itu tidak sama sekali menjelas hubungan baik di antara dua negara.

Siasatan dalaman mendapati bahawa pegawai-pegawai yang terlibat memang berhasrat baik kerana ingin memasukkan kata-kata aluan dalam bahasa Cina. Akan tetapi, oleh kerana kesuntukan masa, maka penterjemahan telah dibuat melalui “*Google Translate*”, tanpa merujuk kepada anggota pentadbiran atau pegawai JPM yang fasih dalam bahasa Cina. Pegawai kanan bahagian yang berkenaan telah menulis laporan kepada YAB Perdana Menteri melalui Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan meminta maaf.

Satu laporan mengenai perkara ini telah dibentangkan di mesyuarat Jemaah Menteri selanjutnya. Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa, untuk memastikan kesilapan seumpama ini tidak berulang lagi pada masa depan, khidmat pakar dalam bahasa yang berkenaan hendaklah digunakan apabila melibatkan sebarang terjemahan dalam bentuk penulisan atau percakapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**

**[HULU TERENGGANU]**

**PERTANYAAN :LISAN**

**TARIKH : 15/06/2011**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [ HULU TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM) untuk membersihkan imej yang telah tercalar hasil daripada operasi 3B oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**JAWAPAN DILULUSKAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa mengambil langkah untuk memperkasakan integriti dan akauntabiliti perkhidmatan setiap lapisan perkhidmatan pegawai JKDM. Antara langkah terkini adalah dengan menggubal tujuh inisiatif yang mengandungi pelan tindakan JKDM, iaitu:

- i. Mempertingkatkan kawalan dalaman melalui pelaksanaan sistem E-Penempatan bagi memantapkan sistem pusingan kerja (*Job rotation*) pegawai di tempat kerja yang berisiko tinggi berlakunya *hot job* dan *hotspot*,

NO SOALAN :4D

- ii. Meningkatkan penggunaan automasi bagi mengurangkan *human intervention* dalam urusan perkastaman;
- iii. Memantapkan penggunaan saluran komunikasi yang sedia ada untuk pihak awam (*public*) dan warga JKDM melaporkan aktiviti rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam Jabatan;
- iv. Memantau aktiviti pegawai di tempat kerja, gaya hidup dan pemilikan harta serta memberi nasihat/bimbingan kepada pegawai yang terlibat dalam masalah integriti di peringkat negeri;
- v. Mempertingkatkan keupayaan dan memaksimumkan penggunaan *database harga* sebagai *risk indicator* untuk semakan penilaian;
- vi. Menambah baik aspek kawalan dan pelaksanaan tugas-tugas perkastaman melalui Pindaan Undang-Undang Jabatan, prosedur dan sistem serta tindakan pemantauan; dan
- vii. Mengembalikan keyakinan dan kepercayaan orang awam serta memulihkan imej JKDM melalui beberapa pendekatan yang komprehensif melalui penubuhan badan penasihat Kastam, melaksana *public private partnership* dan lain-lain.

2. Selain itu, lima tonggak utama yang telah, sedang dan akan terus diperkasakan seiring dengan strategi mengukuhkan integriti dalam JKDM serta membantu membersihkan imej JKDM. Lima tonggak utama berkenaan ialah:

- i. pelaksanaan program Gagasan IKastam, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan iaitu gagasan yang mengandungi kerangka integriti dan akauntabiliti yang menjadi neraca pertimbangan JKDM mencapai visi dan misinya;
- ii. Pelaksanaan Pelan Strategik JKDM iaitu satu inisiatif pengurusan JKDM bagi melaksanakan agenda pemodenan dan transformasi sistem penyampaian perkhidmatannya untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2010 hingga 2014 dengan menyediakan program memperkasa nilai integriti dan

akauntabiliti dalam kalangan warga JKDM;

- iii. Pelaksanaan Program Transformasi JKDM iaitu suatu program transformasi yang digubal dengan matlamat untuk mentransformasikan JKDM agar menjadi lebih efektif dalam melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan dan memperkasa tadbir urus terbaik keseluruhannya dengan cara baru termasuk memperkasa elemen integriti dan akauntabiliti dalam kalangan warga JKDM;
- iv. Pelaksanaan Pelan Integriti JKDM iaitu pelan yang meletakkan elemen integriti dan akauntabiliti sebagai pamacu kejayaan visi dan misi JKDM; dan
- v. Pelan Pengurusan Sumber Manusia iaitu pelan yang digubal untuk melahirkan sumber manusia JKDM yang baik dan berkualiti melalui program pengukuhan integriti, mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Di samping itu, Program Turun Padang juga dilaksanakan melalui:

- i. Program Pemantapan Sahsiah JKDM iaitu program untuk meningkatkan semangat dan kekuatan jati diri warga JKDM dalam menghadapi cabaran masa kini di seluruh negara; dan
- ii. Program Bicara Eksekutif iaitu program pihak pengurusan tertinggi JKDM menyampaikan mesej pengurusan dalam menangani isu-isu integriti.

NO. AUP : 36

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

[ PARIT BUNTAR ]

**NO. AUM : 18**

**TARIKH**                   **15 JUN 2011**

**RUJUKAN**               **3678**

**SOALAN:**

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang telah diambil ke atas surat khabar Utusan Malaysia kerana laporan bersifat provokatif pada keluarannya bertarikh 7hb Mei 2011 tentang Kristian agama rasmi.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit Buntar yang mengemukakan soalan.

Kementerian telah mengeluarkan surat teguran kepada akhbar Utusan Malaysia pada 12 Mei 2011 kerana menyiarkan berita yang menggemparkan fikiran orang ramai bertajuk '*Kristian Agama Rasmi?*' pada keluaran 7 Mei 2011.

Pada masa ini PDRM telah selesai menjalankan siasatan berkenaan laporan oleh akhbar tersebut dan hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan, nasihat dan arahan selanjutnya.

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [ LEDANG ]

**TARIKH** 15 JUN 2011

**RUJUKAN** 3677

**NO. AUM : 17**

**SOALAN:**

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah kajian kualitatif dan kuantitatif yang dibuat serta apakah penemuannya dari sudut penguatkuasaan ke atas kes-kes seperti di Seremban, 11 Mei (Bernama)- seorang wanita China yang diberkas di sini malam tadi kerana dipercayai bekerja sebagai pelayan pelanggan (GRO) didapati memegang kad pelajar Universiti Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Ledang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam kes berkenaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat serbuan ke atas sebuah premis dan menangkap sejumlah warga asing dan warga tempatan kerana disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Hasil dari siasatan yang dilakukan, PDRM mendapati bahawa seorang warga asing tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah manakala seorang lagi memiliki visa yang telah tamat tempoh. Kes ini telah dirujuk ke pihak Timbalan Pendakwaraya dan kedua-dua orang warga asing berkenaan telah dituduh dibawah Seksyen 6(1 )(c) dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63. Manakala lain-lain suspek termasuk yang disyaki bekerja sebagai pegawai perhubungan pelanggan (*Guest Relations Officer - GRO*) telah dibebaskan tanpa syarat kerana tiada keterangan yang mencukupi untuk

membuat pertuduhan terhadap mereka.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN  
JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]

**TARIKH** 15 JUN 2011 [ RABU ]

**SOALAN :**

Dato' Seri Mohammad Nizar Bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kekeliruan fatwa poco-poco yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia baru-baru ini.

**JAWAPAN:** ( Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam yang bersidang kali ke-94 pada 20 hingga 22 April 2011 telah membincangkan isu tarian poco-poco dan keputusannya seperti berikut:

- i. Setelah meneliti **keterangan, hujah-hujah dan pandangan** yang dikemukakan, Muzakarah **berpandangan** bahawa berdasarkan dapatan daripada kajian awal yang dikemukakan, fatwa yang menunjukkan bahawa tarian poco-poco yang dipraktikkan di Malaysia mempunyai kaitan secara langsung

dengan ritual penganut agama Kristian **masih belum dapat dibuktikan** sepenuhnya dan kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan bagi memastikan fakta sebenar asal usul tarian tersebut. walaupun demikian, Muzakarah **mengambil perhatian dan menghormati** keputusan pengharaman tarian poco-poco yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.

- ii. Sehubungan itu, bagi **memastikan apa juu bentuk tarian sama ada poco-poco atau sebagainya tidak bertentangan dengan ajaran Islam**, Muzakarah **memutuskan** supaya sebarang bentuk tarian yang dilakukan **hendaklah meruiuk Garis Panduan Hiburan Dalam Islam** yang telah diputuskan sejak tahun 2007 seperti berikut, antaranya :
  - a) berpakaian menutup aurat, sopan serta tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan diri kepada eksplorasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam ;
  - b) gerak tari yang dipersembahkan tidak menimbulkan fitnah ;
  - c) tidak berlaku percampuran antara lelaki dengan perempuan yang boleh menimbulkan fitnah ;
  - d) tidak bertujuan pemujaan atau penyembahan agama bukan Islam ; dan
  - e) tidak dipersembahkan dengan gaya yang memberahikan.

Berkenaan kekeliruan yang wujud terhadap isu tarian poco-poco ini, ia sebenarnya boleh dijernihkan jika penilaian dibuat secara menyeluruh dan mendalam terhadap keputusan Muzakarah serta konsep dan tujuan pengamalan tarian tersebut.

Berdasarkan kepada keputusan Muzakarah tersebut, pandangan yang dikemukakan oleh Muzakarah adalah bersifat memberikan panduan umum yang melihat kepada semua aktiviti atau bentuk tarian yang ingin dilaksanakan termasuk tarian poco-poco dan sebagainya dengan merujuk kepada Garis Panduan Hiburan Dalam Islam. Oleh itu, keharusan tarian ini bergantung kepada sejauh mana ia dilaksanakan selari dengan garis panduan yang telah disebutkan. Hal ini selari dengan fungsi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang tidak hanya sebagai badan yang mengeluarkan pandangan hukum tetapi lebih daripada itu sebagai pembimbing dan pemberi panduan dalam hal ehwal agama kepada masyarakat.

Ingin juga ditegaskan di sini, kuasa memberi dan mengeluarkan fatwa adalah terletak pada negeri-negeri seperti yang termaktub dalam Undang- Undang. Justeru itu, fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri patut dihormati.  
Sekian, terima kasih



NO:AUM:34  
NO:AUP:74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

	<b>LISAN</b>
<b>PERTANYAAN</b>	:
DARIPADA	DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG]
	15 JUN 2011
<b>TARIKH</b>	3680
<b>RUJUKAN</b>	

**SOALAN:**

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kaedah yang diguna pakai Polis Diraja Malaysia (PDRM) di dalam meningkatkan kapasiti penyelidikan forensik untuk membantu di dalam penyelesaian kes- kes berprofil tinggi dan apakah kepakaran ini di tahap yang setanding atau lebih baik daripada yang terdapat di negara-negara maju.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sepang yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Makmal Forensik PDRM sentiasa memastikan mutu perkhidmatan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Antara langkah yang diambil oleh pihak PDRM untuk meningkatkan kapasiti penyelidikan forensik adalah mengadakan hubungan strategik dengan Universiti tempatan yang menawarkan kursus berkaitan forensik untuk melatih pegawai-pegawai dari Makmal Forensik PDRM disamping berkongsi pengalaman dan pengetahuan antara satu sama lain. Kerjasama ini dilihat dapat membantu pegawai-pegawai PDRM khasnya, untuk mengikuti perkembangan terkini teknologi forensik disamping menambah ilmu pengetahuan mereka serta kemahiran dalam bidang forensik. Kerjasama dengan pihak Universiti seperti Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia juga diadakan untuk mencari dan menemukan kaedah baru dalam siasatan forensik.**

**PDRM juga turut menghantar pegawai-pegawai untuk menghadiri kursus-kursus, seminar dan latihan bersama dengan agensi-agensi lain yang terlibat dalam bidang forensik sama ada didalam negara maupun luar negara. Buat masa ini Makmal Forensik PDRM mempunyai teknologi yang setanding dengan makmal di negara maju**



dimana Makmal Forensik PDRM mempunyai perkakasan dan perisian yang terkini yang juga turut digunakan oleh negara maju bagi membantu menyelesaikan penyiasatan kes. Sehubungan dengan ini, dengan adanya peralatan yang terkini dan canggih serta latihan bersepada yang berterusan, Makmal Forensik PDRM akan dapat membantu menyelesaikan kes dengan cepat dan betul.

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN**

**DEWAN RAKYAT BAGI  
JAWAB LISAN  
TUAN WONG HO LENG [ SIBU ]  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
15 JUN 2011 (RABU) 40**

**N0:40**

Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan perancangan infrastruktur lapangan terbang di Sibu bagi 5 tahun ke depan.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sibu, perancangan infrastruktur Lapangan Terbang Sibu bagi 5 tahun ke depan adalah berdasarkan kepada Pelan Induk Lapangan Terbang Sibu.

Dalam hubungan ini, Lapangan Terbang Sibu sedang dalam proses dinaiktaraf seperti berikut:

- (i) pembesaran bangunan terminal daripada 8,040 meter persegi ke 15,240 meter persegi untuk mengendalikan 900 penumpang sejam berbanding 851 penumpang sejam pada waktu puncak;
- (ii) pembesaran kawasan pemarkiran pesawat untuk operasi dua (2) pesawat Airbus 330-200 berbanding dengan hanya satu (1) yang sedia ada atau empat (4) pesawat Boeing 737-400 berbanding dua (2) yang sedia ada; dan
- (iii) pembesaran tempat letak kereta daripada 300 petak kepada 500 petak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dengan siapnya penaiktarafan ini adalah dijangkakan Lapangan Terbang Sibu dapat menampung sebanyak 1.79 juta penumpang setahun berbanding 0.7 juta penumpang setahun.

Buat masa ini, status kemajuan projek adalah mendahului jadual sebanyak 3.57%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE**

**[TENGGARA]**

**TARIKH 15 JUN 2011**

**SOALAN:**

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sejauh manakah kejayaan langkah yang diambil Kerajaan dalam menubuhkan konsortium membabitkan 24 syarikat berlesen pemberi perkhidmatan kemudahan dan rangkaian individu untuk menurunkan bayaran melanggan jalur lebar kepada pengguna.



**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

Pada masa ini, terdapat 37 pemegang lesen Penyedia Perkhidmatan Rangkaian atau *Network Facilities Provider* (NFP). Daripada jumlah ini, 24 pemegang lesen NFP telah bekerjasama di bawah Konsortium Rangkaian Serantau Sdn. Bhd. (KRSSB) dengan objektif utama untuk menurunkan kos perkhidmatan jalur lebar.

Sebagai langkah pertama untuk menurunkan kos perkhidmatan jalur lebar, KRSSB akan mengumpul agregrat permintaan jalur lebar dan membuat pembelian secara pukal bagi mendapatkan harga yang lebih rendah daripada pembekal jalur lebar di dalam dan di luar negara.

Kos jalur lebar yang lebih rendah ini seterusnya akan dinikmati oleh pengguna melalui harga perkhidmatan langganan jalur lebar yang lebih berdaya saing.

Pada tahun ini, pihak KRSSB sedang dalam proses untuk mengukuhkan penstrukturran konsortium dan operasi serta penyediaan pelan perniagaan bagi memastikan strategi perniagaan yang terbaik. Proses pengagregatan dan pembelian jalur lebar secara pukal dijangka akan dimulakan pada suku ke-4, 2011. Dalam hubungan ini, pengguna dijangka akan mula mendapat faedah pada pertengahan tahun 2012.

**Soalan No : 42**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN (ALOR GAJAH)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15.06.2011</b>

**SOALAN:**

Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ ALOR GAJAH ] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah sebarang kajian diadakan untuk menyelesaikan kemerosotan disiplin pelajar di sekolah dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan keselamatan pelajar di sekolah

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan dalam menangani disiplin murid termasuklah pandangan-pandangan yang berkaitan bagi mendapat idea dan kaedah terbaik menangani masalah tersebut. Antara kajian-kajian yang telah dilakukan oleh KPM adalah;

- i. **Kajian Pengesanan Amalan Peraturan-Peraturan Disiplin Pelajar Di Peringkat Sekolah (1998)**
- ii. **Kajian Gengsterisme Di Sekolah Menengah Harian (1999)**
- iii. **Kajian Disiplin Penghuni Asrama Sekolah Menengah Harian (2004)**
- iv. **Kajian Masalah Sosial Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Di Rancangan Tanah Felda**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil rumusan dan cadangan daripada kajian-kajian tersebut, KPM pada tahun 2004 telah menubuhkan Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid yang melibatkan pelbagai pihak. Pelbagai cadangan daripada jawatankuasa tersebut telah dilaksanakan dan hasilnya didapati isu ini masih terkawal. Statistik salah laku disiplin murid yang direkodkan oleh KPM dalam tempoh 5 tahun (2006 hingga 2010) menunjukkan isu ini berada pada kadar purata 2.08 peratus. Hal ini bermakna sekitar 2 hingga 3 peratus bilangan murid yang masih perlu diberi perhatian sewajarnya. Pada tahun 2011, KPM telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang dalam usaha merekayasa (*reengineering*) pengurusan Disiplin di sekolah. Untuk itu satu *Task Force* telah diwujudkan yang berfokus kepada;

- i. usaha membentuk budaya sekolah yang melibatkan nilai, sikap, komunikasi serta kehendak-kehendak baru agar dapat disesuaikan dengan perubahan pemikiran, nilai, amalan serta perwatakan anak muda kita hari ini.
- ii. Meminda peraturan-peraturan sekolah yang dianggap lapuk agar dapat disesuaikan dengan perubahan sikap anak-anak kita pada hari ini.
- iii. melaksanakan sistem merit dan demerit di mana tingkah laku murid akan diberi ganjaran berbentuk markah sekiranya mengamalkan tingkah laku berdisiplin.
- iv. Menambah baik Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dengan lebih menfokuskan perkhidmatan tersebut kepada usaha meningkatkan pembangunan sahsiah dan disiplin serta pembinaan karektor murid di sekolah.



PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA :**

Dato' Seri Haji Azmi Bin Khalid [ Padang Besar ]

**TARIKH  
SOALAN**

15 JUN 2011 (RABU)

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [

Padang Besar ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah faedah ekonomi yang telah diperolehi oleh rakyat Negeri Perlis dan berapakah sumbangan kepada GDP negeri Perlis, dari ladang rusa dan burung unta, di sebuah negeri yang amat kekurangan tanah untuk menampung keperluan ekonomi rakyat.

**JAWAPAN :**

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Projek ladang ternakan rusa dan burung unta masing-masing dijalankan di atas kawasan seluas 50 ekar dan 3 ekar di Batu 20, Padang Besar. Kedua-dua projek ini dikendalikan oleh Pusat Perkhidmatan Veterinar, Padang Besar, Perlis. Pelaksanaan projek dijalankan di bawah Program Agropelancongan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Pada tahun 2010, sebanyak RM 14,435 telah diperoleh hasil daripada jualan daging rusa daripada pusat ini. Jualan pada tahun 2011 sehingga bulan Mei adalah sebanyak RM8,920. Hasil jualan adalah dikutip sebagai hasil kepada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada jualan dibuat bagi ternakan burung unta.

**PERTANYAAN**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING)**

**TARIKH**

**15.06.2011**

**SOALAN:**

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE [ MAS GADING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan keutamaan Kerajaan untuk memperbaiki pembelajaran Bahasa Inggeris di seluruh negara (dengan persetujuan untuk menggunakan tenaga pengajar American Peace Corp), bolehkah sekiranya PPSMI diimbas kembali dengan perlaksanaan PPSMI di sekolah-sekolah tertentu (dengan persetujuan PIBG sekolah-sekolah berkenaan). Kaedah tersebut boleh dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak sekiranya bercanggah dengan dasar pendidikan nasional memandangkan kewujudan perjanjian "20 point/18 point" semasa penubuhan Malaysia pada 1963 dan kegunaan Bahasa Inggeris yang masih meluas di kalangan masyarakat di kedua buah negeri tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang diputuskan pada 8 Julai 2009 dan mengantikannya dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan kualiti pengajaran & pembelajaran (p&p) itu sendiri dan keupayaan penguasaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid-murid sekolah.

Dalam konteks ini, Kementerian telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha dan strategi bagi meningkatkan kemahiran dan penguasaan dalam bahasa Inggeris, walau pun PPSMI dimansuhkan. Di antara program dan aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh KPM termasuklah

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Dasar MBMMBI yang bertanggungjawab sepenuhnya menjayakan dasar tersebut yang dipengerusikan oleh saya sendiri;
- ii. Melakukan transformasi kurikulum dengan melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011 iaitu tahun ini bagi tahun 1, bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan menggubal Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang sedang dilaksanakan;
- iii. Melalui KSSR ini, pendekatan modular, asas berbahasa ‘back to basics’ serta elemen didik hibur diperkenalkan;
- iv. Penambahan waktu sebanyak 90 minit untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris di tahap 1 dan tahap 2 di sekolah rendah. Ini memberi penambahan masa kepada pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris sebanyak 300 minit seminggu untuk sekolah kebangsaan (SK) dan 150 minit seminggu bagi sekolah jenis kebangsaan (SJK);
- v. Membawa masuk 375 penutur jati Bahasa Inggeris dari luar negara untuk melaksanakan program peningkatan profesionalisme pensyarah dan guru bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut, 360 penutur jati dilantik sebagai mentor kepada guru bahasa Inggeris bagi 1800 buah sekolah rendah. Manakala 15 orang lagi dilatih sebagai *training fellows* di lima (5) buah Institut Pendidikan Guru (IPG). Antara KPI yang ditetapkan dalam program ini adalah 75 jam sesi input profesional bagi setiap guru, mentoring secara individu serta latihan dan bengkel. Program ini sedang berjalan dan baru dua bulan dilaksanakan, namun pemantauan awal menunjukkan bahawa penglibatan guru dan

mentor amat memberangsangkan.

- vi. Mewujudkan kerjasama antara Kementerian pelajaran Malaysia dengan Kerajaan Amerika Syarikat melalui program *Fulbright English Teaching Assistant (Fulbright ETA)*. Program ini mula dilaksanakan pada Januari 2012 dengan menempatkan 50 orang sukarelawan dari Amerika Syarikat ke sekolah-sekolah pada kedudukan band 5 hingga 7 di seluruh negara. Penempatan sukarelawan ini tidak bertindih dengan program penutur jati bahasa Inggeris sebelum ini;
- vii. Kementerian juga telah menyedia dan melaksanakan program latihan khusus untuk guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris. Sehingga kini, hampir 12,000 orang guru telah terlibat dalam program tersebut pada tahun 2010, manakala KPM mensasarkan 10,000 orang guru Bahasa Inggeris diberikan latihan yang sama pada tahun ini;
- viii. Pengambilan guru bersara bahasa Inggeris secara kontrak akan dilaksanakan. KPM mensasarkan dari tahun 2011 hingga 2013 seramai 600 orang guru bersara bahasa Inggeris akan dilantik secara kontrak di seluruh negara. Sehingga Mac 2011, 168 orang guru bersara bahasa Inggeris telah menerima tawaran ini;
- ix. KPM juga telah menjalin kerjasama dengan *British Council* melalui projek *Virtual Teacher Support Network (VTSN)*, sebagai platform kepada guru untuk mengakses maklumat serta berkongsi idea bersama guru bahasa Inggeris di peringkat antarabangsa, terutamanya dalam penyediaan dan pembinaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Setakat ini, tiga siri bengkel bina bahan telah dilaksanakan iaitu pada bulan Ogos dan September 2010;
- x. KPM juga telah memperkenalkan penggunaan bahan digital English Language Tahun 1 sebagai bantu mengajar. Pemantauan yang dibuat untuk tiga bulan pertama sesi persekolahan 2011, mendapati bahawa penggunaan bahan ini memberikan kesan

amat positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah;

- xii. Meningkatkan kapasiti bilik komputer di sekolah sebagai makmal bahasa. Pada tahun 2010, sebanyak 20 buah sekolah telah dipilih sebagai projek rintis makmal bahasa ini dan perluasan akan dilaksanakan di 700 sekolah pada tahun 2011;
- xiii. Unsur seni bahasa dalam sastera juga diterapkan melalui Komponen Sastera dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Mulai tahun 2010, murid Tingkatan 1 mula mempelajari teks komponan sastera Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam pelbagai genre seperti puisi, cerpen, drama dan novel;
- xiv. Membekalkan bahan bacaan tambahan dalam Bahasa Inggeris di pusat sumber sekolah rendah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM6 juta bagi tahun tahun 2011; dan
- xv. Membudayakan dan mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris melalui aktiviti kokurikulum dengan menglibatkan murid-murid dalam aktiviti kelab dan persatuan seperti pertandingan kuiz, pidato, bahas dan sebagainya di peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

## **SOALAN NO: 88**

### **PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN** **DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15 Jun 2011 ( Rabu )</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah tahap sara diri dari segi makanan bagi setiap rakyat iaitu beras, ayam, iembu, kambing, ikan dan sayur - sayuran. Apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran komoditi tersebut.</b>

<b>JAWAPAN</b>	<b>Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b>
----------------	---

**Tuan Yang Dipertua,**

Tahap sara diri bagi beras pada tahun 2010 adalah 71.4% dan dijangkakan meningkat kepada 72.2% pada tahun 2011 dengan kadar purata kenaikan tahunan sebanyak 1.1%. Kenaikan ini adalah sejajar dengan kenaikan pengeluaran beras sebanyak 2.8% daripada 1.64 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 1.69 juta tan metrik pada tahun 2011.

Selain itu, tahap sara diri bagi komoditi-komoditi makanan lain seperti daging lembu, daging kambing dan sayur - sayuran juga dijangka turut meningkat pada tahun 2011. Manakala tahap sara diri bagi ikan kekal pada tahap yang sama dan daging ayam yang menurun seperti perincian berikut:

- i. daging lembu meningkat 1.4% kepada 29.0%;
- ii. daging kambing meningkat 6.6% kepada 11.3%;
- iii. sayur-sayuran meningkat 0.8% kepada 66.3%;

- iv. ikan kekal pada 101.7%; dan
- v. daging ayam menurun 1.2% kepada 100.5%.

Secara keseluruhannya, pengeluaran daging ayam dan ikan dijangka mencapai tahap sara diri yang mencukupi bagi menampung permintaan dan keperluan domestik pada tahun 2011. Manakala pengeluaran komoditi seperti beras, sayur - sayuran, buah - buahan, daging lembu dan kambing mengalami tahap sara diri masih tidak mencukupi untuk keperluan dalam negeri.

Langkah - langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan lagi pengeluaran komoditi tersebut adalah dengan:

- i. memperluaskan penggunaan varieti baru termasuk hibrid dan benih padi sah; mempertingkatkan penyatuan tanah sawah dan pengurusan secara estet bagi komoditi padi;
- ii. memberi tumpuan kepada usahawan ternakan lembu daging dan kambing ke tahap komersial; memantapkan Kawasan Tumpuan Sasaran (TAC) yang berteraskan sistem integrasi, Pusat Fidlot Negara dan ladang satelit; serta melibatkan pihak swasta dan GLC dalam aktiviti penternakan lembu pedaging dan tenusu secara integrasi dan fidlot;
- iii. menambah kawasan untuk pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA) dalam tempoh 10 tahun dan menguruskan sumber perikanan tangkapan secara mampan;
- iv. membangunkan kawasan baru, tanaman integrasi getah atau kelapa sawit serta kawasan luar jelapang padi serta memberi tumpuan dan galakkan kepada pembukaan kawasan oleh pihak swasta dan GLCs.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)
TARIKH	15.06.2011
SOALAN:	

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [ KULAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan selain daripada SJK(C) Tun Tan Siew Sin di Putra Height serta 19 buah SJK(C) baru dan perpindahan SJK(C) yang diumumkan oleh bekas Menteri Pelajaran melalui suratnya [Ruj:SUS/MPM//08/02(16)] bertarikh 30 Januari 2008 kepada bekas Presiden MCA, adakah terdapat sebarang SJK(C) baru diluluskan di Semenanjung Malaysia selepas itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Hasrat Kerajaan adalah untuk menyediakan peruntukan secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaik taraf semua jenis sekolah di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun pertama RMKe-10 sehingga kini, SJKC Tun Tan Siew Sin merupakan SJKC baru yang terkini diberi peruntukan berjumlah RM6 juta untuk pembinaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat SJKC baru yang belum disalurkan peruntukan kerana isu kelulusan tapak yang belum selesai oleh pihak lembaga pengelola sekolah. Manakala



**baru-baru ini KPM juga telah meluluskan permohonan sebuah SJKC baru di Gua Musang. Sejumlah RM2.5 juta telah diperuntukkan bagi membiayai pembinaan SJKC baru ini.**

Rjm 22

**SOALAN NO: 47**

**LISAN**

**YB. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI  
MAHAL [LABUAN ]**

**RABU, 15 JUN 2011**

**04 [PR-1242-L43562]**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN DARIPADA**

**TARIKH RUJUKAN SOALAN**

**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan untuk Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bagi Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2010 hingga 2011 dan senaraikan jumlah kelulusan peruntukan mengikut projek.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Labuan, jumlah peruntukan untuk Program Pembasmian Kemiskinan Bandar bagi Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2010 hingga Mei 2011 adalah seperti berikut:

**i. Bantuan sewa rumah:**

Pada tahun 2010, seramai 32 penerima bantuan dengan jumlah peruntukan berjumlah RM47,616.00, sementara bagi tahun 2011, 14

**SOALAN NO: 48**

penerima bantuan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20,832.00.

- ii. **Program jana pendapatan**

**Sejumlah RMJ.,000,000.00 diperuntukkan untuk membina 50 unit kiosk penjaja.**

**Selain bantuan sewa rumah dan pembinaan kiosk penjaja, seramai 73 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin menerima saham Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW-Bandar) dan mereka telahpun menerima dividen daripada pelaburan ini. KIR ini akan menerima dividen setiap tahun selagi mereka layak.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**NO.AUM : 34**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN  
[ ALOR GAJAH ]

**TARIKH** 15 JUN 2011

**RUJUKAN** 3869

**SOALAN:**

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik perkahwinan melibatkan pasangan warga asing yang telah berlaku di Malaysia sejak tahun 2000 mengikut negara asal.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara perkahwinan yang melibatkan pasangan warga asing sejak tahun 2000 sehingga Mei 2011 adalah seramai 94,722 orang. Daripada jumlah tersebut 71,025 melibatkan lelaki warganegara Malaysia berkahwin dengan perempuan warga asing dan 23,697 melibatkan perempuan warganegara Malaysia berkahwin dengan lelaki warga asing.

NO. AUP : 1'

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [ SETIU ]

TARIKH                    15 JUN 2011

RUJUKAN                3682

**SOALAN:**

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pendekatan Kerajaan bagi menyelesaikan masalah 'Mat Rempit' yang berleluasa dan bangsa manakah yang paling ramai merempit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Setiu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Masalah Lumba Haram dianggap sebagai salah satu penyakit sosial yang menyumbang kepada kemudaratan sama ada kepada pelumba itu sendiri dan orang awam yang lain. PDRM telah mengambil tindakan dengan perancangan yang teliti melibatkan jabatan dan cawangan dalam PDRM untuk membenteryas kegiatan tersebut. Antara jabatan dan cawangan yang terlibat ialah Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP), Tugas Am, Jabatan Narkotik, Jabatan Siasatan Jenayah dan Unit Udara Polis.

Tindakan yang diambil dalam usaha membenteryas kegiatan lumba haram ini adalah:-

- i)     Menubuhkan unit khas yang berperanan menangani masalah ini di setiap kontinjen dan Bukit Aman bagi memastikan operasi yang

dijalankan adalah berterusan;

- ii) Menangkap dan mendakwa penunggang-penunggang motosikal yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987, Seksyen 45 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Seksyen 279 Kanun Keseksaan.



- iii) Mengambil tindakan menyaman pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan lalu lintas terutamanya penunggang motosikal.
- iv) Mengambil tindakan merampas dan menyita motosikal yang terlibat.
- v) Memastikan kelancaran lalu-lintas di sekitar Bandaraya seluruh Malaysia.
- vi) Menahan untuk ujian air kencing penunggang dan pembonceng yang disyaki mengambil dadah.
- vii) Mengambil tindakan keatas penonton-penonton yang memberi galakkan kepada pelumba haram.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh 5 bulan pertama tahun 2011, jumlah tangkapan yang dibuat adalah seramai 104 orang dan dari jumlah tersebut kaum Melayu mencatat jumlah tertinggi iaitu seramai 93 orang.

Kepelbagaiannya strategi pencegahan pihak polis yang dilakukan secara berterusan dalam menjalankan operasi mencegah lumba haram seperti mengadakan rondaan, operasi terancang, menggunakan teknik bantuan peralatan yang canggih perlu disertai publisiti mengenai gejala ini. Kerjasama oleh semua pihak termasuk Jabatan Keselamatan Jalan Raya dalam usaha kempen kesedaran dalam menangani gejala ini perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan keberkesanannya.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

NO. SOALAN: 50

DARIPADA : YB.TAN SRIDATUK SYED HAMID BIN  
SYED JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]

TARIKH : 15 JUN2011

SOALAN:

PR-1242-L44804

**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mengenakan  
syarat yang sama kepada penganut agama lain sebagaimana penganut agama  
Islam memberi syaranan mengenai agama masing-masing bagi mengelakkan  
sikap pelampau diterapkan sejajar dengan cita-cita Kerajaan bagi mewujudkan  
suasana harmoni dan kesefahaman di antara agama dan kaum.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN BERKENAAN.

**NO SOALAN :**  
**51**

<b>PEMBERITAHUAN</b>	
<b>PERTANYAAN</b>	
<b>DEWAN RAKYAT</b>	
<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISA</b>
	<b>N</b>
	<b>YB DATO' HAJI</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB</b>
	<b>(MARAN)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15.06.2011</b>
	<b>(RABU)</b>

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah bilangan anggota keselamatan kita yang terlibat bersama misi Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (5) lima tahun terdahulu dan berapakah bilangan anggota yang terlibat dalam kemalangan semasa menyertai misi tersebut. Apakah langkah-langkah pihak Kementerian dalam menjaga kebajikan anggota keselamatan tersebut selain daripada faedah-faedah insurans yang telah sedia ada.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ketika ini adalah di dalam 10 misi PBB dalam bentuk aturgerak Anggota Pengaman, Pegawai Pemerhati, Pegawai Staf di Markas misi-misi yang berkenaan dan pegawai tumpangan di Markas PBB di New York. Kekuatan anggota ATM yang terlibat di dalam semua bentuk misi PBB dalam tempoh lima tahun adalah seramai 4159 anggota dari ketiga-tiga perkhidmatan ATM.



Dalam tempoh tersebut, hanya terdapat tiga insiden semasa bertugas yang mengakibatkan enam anggota tercedera dan seorang meninggal dunia. Kesemua anggota tersebut telah pun menerima pampasan dan faedah serta ganjaran mengikut peraturan perkhidmatan ATM dan sumbangan dari pihak Kerajaan, ini termasuk bayaran pampasan dari PBB.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari aspek kebajikan anggota yang tercedera atau meninggal dunia semasa melaksanakan tugas misi PBB, ATM sentiasa memberi perhatian dan mengambil berat terhadap mereka mahupun ahli keluarga mereka berhubung dengan faedah dan ganjaran yang mereka layak terima. Selain daripada insuran kelompok yang diwajibkan, langkah-langkah yang diambil oleh ATM dan Kerajaan untuk menjaga kebajikan anggota-anggota ATM adalah seperti berikut:

- a. **Anggota Cedera.** Faedah dan ganjaran yang disediakan adalah seperti berikut:
  1. Rawatan perubatan secara percuma berterusan jika diperlukan.
  2. Menempatkan anggota yang terlibat ke jawatan yang bersesuaian dengan keupayaan mereka.
  3. Peluang kenaikan pangkat juga masih terbuka kepada mereka berdasarkan kepada kelayakan masing-masing.
  4. Menyediakan khidmat kaunselor jika diperlukan.
  5. Memberi pencen kadar khas (Lembaga Perubatan) kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan.
  6. Pampasan dari PBB (Kecederaan semasa bertugas)
- b. **Anqqota Meninggal Dunia.** Manakala anggota yang meninggal dunia semasa di dalam tugas, ATM tidak pernah melupakan mereka malah sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap

**kebijakan balu dan anak-anak mereka. Keperluan mereka sentiasa dipantau dan dibantu oleh perkhidmatan ATM. Disamping penerimaan pampasan insuran Kelompok, pihak Kerajaan dan ATM telah mengadakan beberapa langkah bagi memastikan kesejahteraan ahli-ahli keluarga mereka melalui skim-skim seperti berikut:**

- 1. Pencen Terbitan dan Ganjaran terbitan serta Pencen Orang Tanggungan dan Ganjaran Orang Tanggungan.**
- 2. Ex-Gratia Orang Tanggungan (EXOT) di bawah PMAT 9/2008 berkuatkuasa mulai 1 Jan 2001.**
- 3. Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR).**
- 4. Bayaran Ex-Gratia, Bencana Kerja. Kadarnya adalah sebanyak 36 bulan gaji pokok.**
- 5. Bayaran saguhati Derma Tabung Amanah Perwira Pertahanan Negara (DTAPPN), bagi kematian anggota disebabkan tugas Operasi/Latihan. Kadar bayaran adalah sebanyak RM18,000.00.**
- 6. Elaun Pelajaran (Anak-anak balu).**
- 7. Caruman sendiri serta dividen dari LTAT.**
- 8. Pampasan dari PBB (Kematian dalam tugas).**



**NO SOALAN : 52**

**PEMBERITAHU**  
**AN**  
**PERTANYAAN**  
**PERTANYAAN**  
**DARIPADA** ~~DEWAN~~  
**RAKYAT** **LISA**  
**N** **DATO' HAJI ISMAIL HAJI MOHAMED**  
**SAID**

**TARIKH** **15MEI 2011**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah jualan produk keluaran usahawan peneroka FELDA sejak 10 tahun dan apakah jenis produk yang dipasarkan di peringkat domestik dan antarabangsa.

**JAWAPAN** **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah menubuhkan Jabatan Pembangunan Usahawan pada 1 April 2005 melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Industri (JKMPPK 2005) yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri. Sebelum tahun 2005, aktiviti ini merupakan aktiviti ekonomi sampingan dan dilaksanakan di bawah program Pembangunan Masyarakat. Menyedari pentingnya aktiviti keusahawanan dalam

meningkatkan taraf ekonomi warga peneroka, maka program keusahawanan dikembangkan dan diperkuuhkan lagi dibawah Jabatan yang baru.

Jumlah jualan produk usahawan warga peneroka di rancangan FELDA direkodkan bermula pada tahun 2005. Jumlah keseluruhan nilai jualan yang diperolehi daripada aktiviti keusahawan ini sejak tahun 2005 ialah RM4.317 billion. Jumlah jualan pada tahun 2005 ialah sebanyak RM415 juta, tahun 2006 ialah sebanyak RM550 juta, tahun 2007 ialah sebanyak 539 juta, tahun 2008 ialah sebanyak RM842 juta, tahun 2009 ialah sebanyak RM911 juta dan tahun 2010 ialah sebanyak RM1.06 billion meningkat dua (2) kali ganda berbanding tahun 2005.

FELDA juga telah mewujudkan outlet jualan bagi membantu memasarkan produk keluaran peneroka di samping membimbing para usahawan mempraktikkan sistem dokumentasi dan juga transaksi jual beli yang sistematik. Lokasi outlet tersebut ialah di Galeri Kraf Jalan Conlay, Kuala Lumpur; Kedai SAWARI Wisma FELDA dan juga Kiosk SAWARI Sg. Klah, Trolak Perak. Selain itu, FELDA turut membina dan menguruskan Pusat Pembungkusan Makanan di Pasak, Johor bagi menaik taraf *packaging* dan *labelling* produk peneroka kepada jenama f-Best Foods. Selain daripada outlet jualan, FELDA turut memasarkan produk-produk keluaran warga peneroka ke 25 cawangan *hypermarket* Carrefour, empat (4) cawangan *hypermarket* Mydin, tujuh (7) cawangan *supermarket* AEON Jusco, 12 cawangan *minimarket* D'Mart dan juga sembilan (9) buah hotel sekitar Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Produk-produk yang dipasarkan oleh FELDA di peringkat domestik merangkumi pasaran *hypermarket*, hotel dan juga outlet FELDA ialah produk makanan seperti makanan sejuk beku (Karipap Kentang, Karipap Daging, Samosa Kentang, Samosa Daging, Popia Otak-otak, Roti Canai, Donat, Pau Kacang Merah, Pau Sambal, Murtabak, Satay); Produk makanan kering (Kerepek Pisang, Kerepek Ubi, Popia Manis, Popia

Gulung, Serunding, Rempeyek Mini, Cakar Ayam, Kuih Kapit. Kuih Karas, Dal Goreng, Kuih Siput); Pelbagai Produk Air Berkarbonat; Pelbagai biskut, kek dan bahulu dan beraneka Coklat. Selain itu juga FELDA turut memasarkan Produk Kraf yang terdiri daripada Tenun Pahang (Kemeja Lelaki dan Perempuan, Neck-Tie, Gift Boxes, Shawl, Baju Kurung Lelaki & Perempuan); Songket; Batik; Kraf Rotan; Kraf Kayu; Kraf Ribu-ribu; Kraf Sulaman dan Kraf Buluh.

Pada tahun 2011 program eksport merupakan fokus utama FELDA bagi meluaskan pasaran produk-produk peneroka. Pihak Tesco telah menjemput FELDA menyertai program promosi di Tesco Beijing pada 8 dan 9 Mei 2011. Perjanjian telah ditandangani dengan pihak Tesco bagi memasarkan produk peneroka ke Tesco Beijing dan kini dua (2) jenis produk peneroka iaitu produk *banana chips* dan *tapioca chips* sedang dijual di Tesco Beijing. Selain itu, pihak FELDA juga sedang merangka kerjasama dengan pihak Tesco untuk memasarkan produk peneroka ke Tesco United Kingdom. Kerjasama juga sedang diadakan dengan pihak AEON Jusco bagi memasarkan produk peneroka ke Jepun pada bulan Oktober 2011. Produk yang akan dibawa ke Jepun ialah pelbagai produk kraf batik.

oooooooooooooooooooo

**PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA                   **JAWAB LISAN**  
TARIKH                      **DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB 15 JUN 2011**  
SOALAN                      **(RABU)**  
                                **NO. 53**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan daripada tahun 2006 hingga tahun 2011, berapakah bilangan pensyarah yang mempunyai kelayakan Master dan PHD meninggalkan IPTA untuk berkhidmat di IPTS atau ke sektor lain. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya situasi demikian.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bilangan pensyarah di 20 buah IPTA yang meletak jawatan setiap tahun bermula tahun 2006 adalah seramai 200-300 orang. Jumlah ini merupakan 0.7% daripada jumlah keseluruhan pensyarah di IPTA. Peletakan jawatan pensyarah IPTA adalah disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya hal-hal peribadi dan penawaran yang semakin berkembang dalam sektor pengajian tinggi swasta. Walau bagaimanapun, bilangannya adalah kecil dan tidak menjaskan operasi IPTA keseluruhannya.



**PERTANYAAN BERITAHUAN DENGAN ISU DAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA**

**DATO' SERI TIONG KING SING**

**[BINTULU ]**

**TARIKH**

**15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- (a) Sejauh manakah pelaksanaan perkampungan WiFi yang telah dilaksanakan di Sarawak.
- (b) Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak Kementerian di dalam pelaksanaan projek tersebut dan bagaimana pihak Kementerian bertindak untuk mengatasi masalah tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Sebanyak 600 Kampung Tanpa Wayar (KTW) dirancang untuk dilaksanakan di Sarawak bagi tempoh 2011 sehingga 2012 menggunakan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat dan Dana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Daripada jumlah tersebut, 322 buah KTW akan dilaksanakan pada tahun 2011 manakala 278 buah KTW lagi akan

**JAWAPAN:**

dilaksanakan pada tahun 2012. Ia merangkumi kampung-kampung yang terpilih di semua kawasan Parlimen di Sarawak. Sehingga awal Jun 2011 sebanyak 178 buah KTW telah siap dilaksanakan, 9 dalam proses pelaksanaan dan 135 buah KTW lagi dijadual untuk mula dilaksanakan dalam pertengahan 2011.

- (b) Antara masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Kampung Tanpa Wayar adalah seperti berikut:
- (i) lokasi kampung yang agak jauh daripada sumber capaian rangkaian jalur lebar terdekat;
  - (ii) keadaan bentuk muka bumi (geografi) yang sukar untuk kerja- kerja pemasangan infrastruktur rangkaian jalur lebar;
  - (iii) bekalan elektrik tidak mencukupi; dan
  - (iv) kesukaran mendapat *Line of Sight* bagi liputan tanpa wayar yang berkesan.

Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi melicin dan mempercepatkan pelaksanaan Kampung tanpa wayar di seluruh negara termasuk di Sarawak.



NO SOALAN =#rr

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]  
: LISAN**

**PERTANYAAN : 15/06/2011**

**TARIKH**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [ PARIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengkaji semula insurans yang dikenakan kepada kereta-kereta yang melebihi 10 tahun (insurans kelas ketiga) di mana insurans lebih mahal daripada road tax dan apabila terjadi kemalangan pemilik kenderaan (pemilik insurans) tersebut tidak dapat menuntut kerosakan kereta daripada syarikat insurans tersebut.

**JAWAPAN DILULUSKAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, pemilik kenderaan di Malaysia wajib membeli perlindungan insurans motor dan membayar cukai jalan. Cukai jalan dikenakan oleh pihak Kerajaan dikira berdasarkan kapasiti kubik kenderaan sahaja. Manakala, perlindungan insurans motor pula melindungi pemilik kenderaan daripada liabiliti kewangan apabila berlakunya kemalangan dikira berdasarkan Tarif Motor yang mengambil kira profil risiko sesuatu kenderaan. Secara umum, terdapat dua jenis perlindungan insurans motor iaitu perlindungan Komprehensif dan perlindungan Pihak Ketiga.

2. Sekiranya pemandu terlibat dalam kemalangan dan didapati tidak bersalah, pemandu boleh meminta pampasan bagi kerosakan pada kenderaan

' dan kecederaan atau kematian yang dialami daripada pemandu lain. Ini merupakan komponen perlindungan pihak ketiga yang ditawarkan untuk kedua-dua polisi iaitu perlindungan Pihak Ketiga dan Komprehensif. Namun begitu, jika pemandu didapati bersalah, penanggung insurans hanya akan membayar pampasan pada kerosakan kenderaan sendiri jika pemilik kenderaan mempunyai perlindungan Komprehensif. Oleh kerana skop perlindungan Komprehensif yang lebih luas, premium yang dikenakan adalah lebih tinggi daripada perlindungan Pihak Ketiga. Bagi pemilik kenderaan yang memiliki perlindungan Pihak Ketiga pula, mereka tidak dapat menuntut apa-apa pampasan daripada penanggung insurans sendiri.

3. Namun begitu, ketidaksejajaran dalam harga premium dengan risiko yang diunderit menyebabkan penanggung insurans semakin berhati-hati menawarkan perlindungan insurans motor. Ini menyebabkan sebahagian kenderaan terpaksa mendapatkan perlindungan motor daripada Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP) pada harga yang lebih tinggi. Kenderaan yang tersisih ini merangkumi kurang daripada 3% daripada jumlah kenderaan yang diinsuranskan dan kebanyakannya adalah kenderaan persendirian yang berusia lebih daripada 10 tahun.

4. Bagi menangani isu ini, beberapa inisiatif diperkenalkan mulai Mei 2011 untuk memudahkan akses dan meningkatkan kemampuan untuk memperoleh perlindungan insurans motor seperti berikut:

- (i) Semua cawangan penanggung insurans am telah memberi komitmen untuk menawarkan perlindungan motor, sama ada diunderit sebagai perniagaan sendiri ataupun bagi pihak MMIP. Oleh itu, semua permohonan pemilik kenderaan untuk mendapatkan perlindungan motor daripada cawangan penanggung insurans am tidak akan ditolak;
- (ii) Kereta persendirian, termasuk kereta berusia lebih daripada 10 tahun, dan motosikal yang mendapatkan perlindungan MMIP akan menikmati harga premium pasaran dan bukan pada kadar premium MMIP yang lebih tinggi;
- (iii) Kereta persendirian dan motosikal juga tidak lagi perlu menjalani pemeriksaan di Puspakom setiap tahun; dan



Penanggung insurans am tidak boleh memaksa pemilik kenderaan supaya membeli perlindungan bukan motor sebagai pra-syarat untuk mendapatkan perlindungan motor.

**SOALAN NO: 56**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**LISAN**

<b>DARIPADA</b>	<b>PE RT AN YA AN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>YB. TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]</b>
<b>RUJUKAN</b>	
<b>SOALAN</b>	<b>RABU, 15 JUN 2011</b>
	<b>05 [PR-1242-L44514]</b>

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]**  
minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN**  
**KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan skim penjualan rumah Projek  
Perumahan Rakyat (PPR) menawarkan sebanyak 44,905 unit semenjak ianya

**SOALAN NO: 57**

dilancarkan pada Oktober 2009. Sehingga kini berapa unitkah yang telah dijual mengikut kaum.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak, jumlah tawaran yang dikeluarkan sehingga 31 Mei 2011 adalah sebanyak 13,557 bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan 8,883 bagi Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Manakala jumlah penyewa yang bersetuju untuk membeli adalah seramai 6,929 bagi Projek Perumahan Rakyat dan 5,582 bagi Perumahan Awam DBKL.

Perkara ini adalah menjurus kepada unit-unit yang telah berjaya dijual, iaitu unit yang telah diberi pemilikan kosong, setelah pembeli-pembeli selesai membuat bayaran harga rumah dan menandatangani surat perjanjian jual beli.

Daripada jumlah yang telah bersetuju, sehingga 3 Jun 2011, terdapat seramai 993 kaum Melayu, 683 kaum Cina dan 242 kaum India bagi PPR telah diberi pemilikan kosong setelah mereka selesai membuat pembayaran dan menandatangani surat perjanjian jual beli.

Manakala bagi PA DBKL, seramai 888 kaum Melayu, 402 kaum Cina dan 298 kaum India telah diberi pemilikan kosong setelah mereka selesai membuat pembayaran dan menandatangani surat perjanjian jual beli.

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**NO.AUM : 34**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN CHONG CHIENG JEN

[ BANDAR KUCHING ]

**TARIKH** 15 JUN 2011

**RUJUKAN** 3683

**SOALAN:**

Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan akan diambil untuk menyiasat pengeluaran saman trafik yang ternyatanya salah, misalnya saman trafik dikeluarkan di Semenanjung mengenai sebuah kereta padahal kereta yang disamankan adalah di Sarawak pada masa berkenaan. Sama ada pegawai penguatkuasa berkenaan akan diambil tindakan tata-tertib.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya Cawangan Trafik akan menjalankan siasatan terhadap aduan-aduan yang dikemukakan termasuklah kes-kes tersalah saman. Bagi tujuan itu, orang ramai boleh tampil atau menghubungi mana-mana Pegawai Kanan Polis di ibu Pejabat Polis Daerah, Kontinjen mahupun Bukit Aman. Senarai nombor telefon semua pegawai yang berkenaan juga boleh didapati dari Laman Web Rasmi PDRM iaitu [www.rmp.gov.my](http://www.rmp.gov.my). Sekiranya aduan yang diterima mempunyai asas dan bukti yang disahkan, maka saman tersebut akan dibatalkan berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 120 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu penggunaan kuasa budi bicara Pegawai Kompaun. Walau bagaimanapun, sekiranya hasil siasatan mendapati kesilapan atau kecuaian itu sengaja dilakukan oleh anggota PDRM sendiri, maka tindakan disiplin akan dikenakan terhadap anggota tersebut.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISAN**

**KAWASAN**

**Y.B. TUAN DING KUONG HUNG SARIKEI**

**TARIKH**

**15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN NO.: 58**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status penambahbaikan jalan raya dari Bukit Kayu Malam hingga ke Simpang jalan Bulat, Sarikei seperti mana yang dinyatakan dalam sesi parlimen yang lepas berdasarkan kepada situasi sepanjang lebuh raya yang berkenaan cukup bahaya dan teruk.**



## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya pada masa kini masih lagi sedang berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri mengenai cadangan senarai projek yang akan diberikan keutamaan untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10.

Cadangan projek Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 tersebut termasuklah Projek Membina dan Menaik Taraf jalan dari Bukit Kayu Malam hingga ke Simpang jalan Bulat, Sarikei, Sarawak. Projek dengan anggaran kos RM85 juta ini merupakan antara projek berkeutamaan tinggi Negeri Sarawak yang dicadangkan kementerian ini dalam Tempoh Separuh Kedua, RMKe-10. Walau bagaimanapun, untuk tempoh jangka pendek, Kementerian Kerja Raya akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan secara intensif di sepanjang laluan tersebut pada tahun ini, bertujuan bagi mengurangkan risiko kemalangan. Anggaran kos penyelenggaraan yang terlibat ialah sebanyak RM2.3 juta, melibatkan kerja-kerja pemberian rutin, termasuk memperelokkan geometri jalan dan pemasangan perabot jalan.

**Sekian. Terima kasih.**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF 15 JUN**

**TARIKH  
SOALAN**

**2011 (RABU)**

**NO. 59**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan secara terperinci nilai pinjaman untuk setiap IPT awam dan swasta yang terlibat dalam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dari tahun 2008 sehingga tahun 2010 dan jumlah tunggakan bayaran balik mengikut institusi berkenaan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2008 hingga 2010, PTPTN telah meluluskan 588,754 pembiayaan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di IPT dengan jumlah amaun sebanyak RM15.18 bilion. Daripada jumlah tersebut, 365,365 pembiayaan diluluskan kepada pelajar IPTA yang melibatkan amaun keseluruhan sebanyak RM6.36 billion. Manakala 223,389 pembiayaan diluluskan kepada pelajar IPTS yang melibatkan amaun keseluruhan sebanyak RM8.82 billion.

Untuk tempoh 2008 hingga 2010, jumlah tunggakan bayaran balik adalah sebanyak RM1.62 bilion. Manakala jumlah tunggakan keseluruhan sehingga 30 April 2011 adalah berjumlah RM2.59 bilion.

**SOALAN NO: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN</b>
	<b>[ KINABATANGAN ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15 JUN 2011(RABU)</b>
<b>SOALAN</b>	

**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) langkah-langkah konkrit Kerajaan dalam membawa pulang serta menawarkan tempat bagi golongan pakar dalam bidang-bidang tertentu di negara kita; dan
- (b) langkah Kerajaan dalam memastikan golongan usahawan Bumiputera turut serta dan berkongsi sama menikmati kek ekonomi dalam Program Transformasi Ekonomi Kerajaan yang dilancarkan baru-baru ini.

**JAWAPAN:**

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

Antara fokus utama TalentCorp adalah untuk menggalak rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi pulang ke Malaysia. Para pelajar yang sedang menyambung pelajaran di luar negara dan juga para

profesional Malaysia yang sedang bekerja di luar negara merupakan talent pool yang harus diberi perhatian.

Bagi menarik minat para pelajar Malaysia di luar negara, TalentCorp telah mengambil bahagian dalam Career Fair di United Kingdom dan United States of America. Seterusnya, TalentCorp juga akan mengambil bahagian dalam Career Fair di Australia.

Objektif utama TalentCorp adalah memberi gambaran yang lebih jelas dan meningkatkan kesedaran para pelajar tersebut tentang peluang kerjaya profesional yang kini semakin kompetitif. TalentCorp juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya sebilangan pemegang biasiswa JPA dapat berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat swasta yang lain untuk menyumbang kearah kejayaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Selain itu, Program Pakar (Returning Expert Program - REP) telah dipindahkan ke TalentCorp pada tahun 2011. Pada bulan April 2011, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan insentif yang telah ditambahbaik. Semenjak itu, bilangan permohonan yang diterima sangat menggalakkan dan semakin meningkat dan dijangka akan mendapat sambutan yang lebih baik berbanding tahun 2010. Kerajaan melalui ETP berhasrat untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan seterusnya peluang kerjaya yang lebih kompetitif supaya lebih ramai tenaga kerja profesional pulang ke negara kita dan juga mengekang tenaga pakar berhijrah ke luar negara.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil pendekatan inklusif dalam memastikan golongan usahawan Bumiputera turut serta dalam bidag ekonomi yang di laksanakan melalui Program Transformasi Ekonomi Kerajaan (ETP). Ini melibatkan dan memerlukan orientasi semula instrumen dasar antaranya:

- 1) Perspektif 1 Malaysia bertujuan untuk menyediakan peluang yang saksama kepada rakyat Malaysia untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi;
- 2) Perspektif geografi, dimana rakyat, tanpa mengira lokasi, berpeluang menikmati akses yang saksama kepada infrastruktur dan perkhidmatan asas;
- 3) Perspektif pendapatan, dimana tumpuan di fokuskan kepada isi rumah 40% terendah untuk meningkatkan pendapatan purata selaras dengan pendapatan purata negara, prinsip inklusif ini adalah berdasarkan pendekatan mesra pasaran, berasaskan keperluan, merit dan telus.

Manakala strategi dan program untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi memberi tumpuan kepada 3 bidang utama antaranya memperkuuhkan keusahawanan, memperluas dan mempertingkatkan pemilikan kekayaan dan menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi.

Pihak Kerajaan telah menubuhkan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) pada bulan Februari 2011. TERAJU telah merencana pendekatan yang dinamakan SME Bumiputera Berprestasi Tinggi (HPBS) yang akan di gunapakai dalam pembangunan usahawan Bumiputera. Ini merupakan pendekatan yang disasarkan akan melahirkan usahawan Bumiputera yang berdayasaing, berdayamaju dan resilien.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera secara terancang dimana sasaran sumbangan sebanyak 20 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) yang akan dicapai pada tahun 2020.

TERAJU menjalankan program tersebut secara kerjasama dan kolaborasi dengan agensi-agensi yang fokus untuk membangun usahawan Bumiputera antaranya enterpris pembangunan Bumiputera (EDO) yang bertanggungjawab terhadap pembangunan enterpris berskala mikro dan SME, Institusi Pembiayaan Pembangunan (DFI) yang bertanggungjawab dalam kemudahan pembiayaan pembangunan SME, Ekuinas yang bertanggungjawab dalam pelaburan ekuiti pembangunan swasta dan MITI yang bertanggungjawab dalam program-program groom big serta program khusus yang lain.

Bagi mencapai sinergi yang tinggi, agensi Kerajaan memainkan peranan penting sebagai pemudahcara manakala pihak swasta akan memainkan peranan masing-masing sebagai pemacu serta membuka peluang perniagaan. Pihak NGO, persatuan-persatuan dan dewan-dewan perniagaan akan juga di libatkan secara integrated supaya program-program ini lebih inklusif dan hasil dapatan program ini akan menjadi lebih komprehensif.



**SOALAN NO: 61**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN**

**RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA                  TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN**

**[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH                  15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan pemahaman komprehensif rakyat tentang Perlembagaan Persekutuan. Adakah wujud kempen-kempen bagi menggalakkan rakyat memahami dan menghormati Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan kefahaman masyarakat Malaysia terhadap Perlembagaan Persekutuan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah merangka dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti, kempen serta promosi, dari masa ke semasa.

Di antara aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh KPKK melalui Jabatan Penerangan ialah seperti Info Bestari, Sepakat Bestari, Ceramah, Khemah Kerja,

Aktiviti Sivik, Layar Bestari, Pameran, Syarahan Berencana/Sembang Warung dan Persembahan PENTARAMA. Pengisian program dan aktiviti tersebut adalah khusus untuk memberikan penjelasan dan penerangan terhadap kepentingan Institusi Raja-Raja Melayu, kepentingan Perlembagaan Persekutuan dan penghayatan pengisian Rukun Negara yang merupakan tunggak kepada Gagasan 1 Malaysia.

Selain daripada aktiviti bersemuka dan penerbitan bahan bercetak dan buku, Kementerian juga menggunakan saluran media baru seperti *Facebook*, laman sesawang Kementerian dan *blog* dalam usaha menyebar luas kempen dan promosi berkaitan perkara ini.

Melalui pendekatan Pakatan Strategik, Kementerian telah bekerjasama dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menyampaikan ceramah 1 Malaysia yang menerapkan elemen Perlembagaan Persekutuan dan Khidmat Komuniti kepada semua pelatih di Kem PLKN dan anggota polis di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA :</b>	<b>TUAN WONG HO LENG</b> [ SIBU ]
<b>TARIKH</b>	<b>15 JUN 2011</b>
<b>SOALAN</b>	

**Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kanak-kanak yang menghidapi kanser di setiap negeri di dalam Malaysia dan rancangan Kerajaan untuk membantu kanak-kanak tersebut dan juga OKU.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kanser berlaku disemua peringkat umur dan kanak-kanak adalah tidak terkecuali. Leukaemia merupakan kanser yang paling kerap berlaku bagi kumpulan umur ini. Sejumlah 1,283 kes kanser di kalangan kanak-kanak (0-14 tahun) telah dilaporkan ke Registri Kanser Kebangsaan dari tahun 2007-2010.

Bagi membantu kanak-kanak yang menghadapi kanser dan menjadi OKU, program kesihatan adalah berlandaskan Plan Tindakan bagi Penjagaan Kesihatan OKU 2011-2020 (*Plan of Action on Health Care for Persons with Disabilities 2011-2020*).

Secara ringkas plan tindakan ini bertujuan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang mencukupi di semua peringkat penjagaan, memperkasa keluarga dalam penjagaan kanak-kanak OKU serta pembangunan khidmat sokongan oleh komuniti.

Strategi utama adalah melaksanakan program-program kesihatan mengikut ketidakupayaan spesifik iaitu kebutaan, kepekakkan, ketidakupayaan fizikal, mental dan masalah pembelajaran. Bagi setiap ketidakupayaan dijelaskan aktiviti pencegahan, rawatan, promosi kesihatan, penjagaan pesakit dan rehabilitasi yang mana bersesuaian dengan dasar dan objektif KKM.

Strategi lain dalam melaksanakan program kesihatan bagi kanak-kanak OKU adalah meningkatkan akses kepada perkhidmatan, menyediakan perkhidmatan sokongan, penglibatan masyarakat, pembangunan sumber manusia dan penyelidikan.

Plan tindakan ini juga mengambil pendekatan kerjasama pintar dengan agensi- agensi lain, individu dan komuniti. Plan tindakan ini selaras dengan Polisi dan Plan Tindakan Negara bagi OKU 2007, Akta OKU 2008 dan Konvensyen Mengenai Hak OKU (*Convention On The Rights Of Persons With Disabilities*)

**NO. AUM : 60**

**NO. AUP : ^**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**DATUK MD. SIRAT BIN ABU [ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH**

**15 JUN 2011**

**RUJUKAN**

**3916**

**SOALAN:**

**Datuk Md. Surat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang berkesan yang diambil bagi menghentikan segera propaganda-propaganda perkauman yang menghasut bagi menimbulkan kebencian rakyat kepada Kerajaan oleh beberapa pihak termasuk blogger dan pejuang NGO perkauman serta akhbar-akhbar harian yang sangat merbahaya dan boleh mengancam keamanan negara ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Katil yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan amat serius dan akan mengambil tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana individu termasuklah blogger-blogger, pejuang-pejuang NGO dan pengamal-pengamal media yang mengeluarkan sesuatu kenyataan sensitif berunsur perkauman yang menghasut bagi menimbulkan kebencian rakyat kepada Kerajaan sehingga boleh menjaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

Tindakan ini termasuk kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dalam penyebaran artikel-artikel berbaur perkauman dan hasutan sama ada melalui surat khabar, majalah, internet, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan mesej bergambar (MMS).

Di antara undang-undang yang boleh diguna pakai untuk menangkap, mendakwa dan menahan mereka yang terlibat ialah penggunaan Akta Hasutan 1948, Kanun Kesiksaan, Akta Pertubuhan 1966, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Manakala tindakan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri hanya digunakan sekiranya sesuatu tindakan oleh mana-mana pihak tejah sampai ke tahap kritikal yang boleh menggugat keselamatan

**negara.**



SOALAN NO.: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN                    Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI  
: DARIPADA :                    BIN HAJI SAMSURI  
LISAN  
KAWASA                         BAGAN SERAI 15JUN 2011 (RABU)  
N  
TARIKH**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN  
SERAI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan kenapa pihak  
yang mengendalikan kad Touch sc Go tidak menyediakan kemudahan  
untuk top-up di lorong Plaza Tol sedangkan promosi penggunaannya  
amatlah hebat.**



**JAWAPAN:**  
**Tuan Yang Di-Pertua;**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum bahawa lorong tambah nilai di plaza tol merupakan saluran yang paling mudah kepada para pengguna lebuh raya untuk membuat transaksi tambah nilai kad Touch 'n Go mereka.

Pada masa kini terdapat sebanyak 18 lorong tambah nilai Touch 'n Go yang disediakan di plaza-plaza tol di Lebuh Raya Utara- Selatan (PLUS), Lebuh Raya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuh Raya Seremban-Port Dickson dan Lebuh Raya Laluan Kedua Malaysia -Sngapura (LINKEDUA). Lorong tambah nilai ini dibuka setiap hari, iaitu dari pukul 9.00 pagi hingga 8.00 malam, kecuali di beberapa plaza tol tertentu yang dibuka sehingga pukul 4.30 petang sahaja.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mendapati bahawa transaksi tambah nilai di lorong khas plaza-plaza tol turut memberikan impak terhadap masalah kesesakan trafik di plaza tol. Keadaan ini secara tidak langsung telah menimbulkan kesulitan kepada para pengguna lebuh raya lain disebabkan berlaku limpahan kenderaan (traffic backflow) yang serius di plaza-plaza tol, khususnya pada waktu puncak dan musim cuti persekolahan dan perayaan.

Sehubungan itu, syarikat Touch 'n Go Sdn. Bhd. telah

menyediakan perkhidmatan tambah nilai 'Touch 'n Go Spot<sup>7</sup> melalui pembukaan kaunter Touch 'n Go di stesen-stesen petrol yang terpilih di sepanjang lebuh raya. Ini merupakan antara inisiatif yang diambil oleh syarikat berkenaan dengan kerjasama dari pengendali stesen-stesen petrol bagi memudahkan pengguna membuat transaksi, termasuk penebusan rebat PLUSMiles. Di samping itu, pengguna juga mempunyai alternatif lain untuk menambah nilai kad Touch 'n Go mereka, iaitu di pusat-pusat perkhidmatan Touch 'n Go sedia ada seperti hab Touch 'n Go, mesin-mesin ATM, stesen LRT dan kedai serbaneka terpilih yang mengambil bahagian di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] TARikh : 15

JUN 2011

## **SOALAN:**

**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebagai Kerajaan yang komited dengan falsafah "mendahulukan rakyat", apakah Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan sistem gaji bagi kakitangan awam yang anjal (*flexible*) mengikut tuntutan kos hidup semasa.

**JAWAPAN:** **YB DATO'SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**NO SOALAN : 65**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya komited dengan falsafah ‘mendahulukan rakyat’ termasuk di kalangan penjawat awam yang mana penambahbaikan perkhidmatan mereka dikaji secara berterusan. Antara lain, faedah penambahbaikan yang diperoleh dari semasa ke semasa adalah semakan sistem saraan yang meliputi struktur perkhidmatan, syarat- syarat perkhidmatan, struktur gaji, elaun dan kemudahan serta pelarasan gaji.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :Y.B. TUAN TAN TEE BENG**

**[NIBONG TEBAL]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15/06/2011**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN TAN TEE BENG [ NIBONG TEBAL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kementerian di dalam menangani subsidi-subsidi petrol sekiranya harga berterusan meningkat dan bolehkah Kerajaan menguruskan subsidi-subsidi sekiranya negara terlalu bergantung kepada pendapatan semasa berdasarkan bajet Kerajaan.

**JAWAPAN DILULUSKAN**

**NO SOALAN :4D**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan. Selaras dengan prinsip tersebut, pengurusan subsidi minyak untuk kumpulan sasar dilaksanakan mengikut keupayaan kewangan negara. Dalam kedudukan *trend* harga minyak dunia yang meningkat, Kerajaan sedaya-upaya cuba mengekalkan subsidi petrol yang diberikan bagi manfaat rakyat.

Justeru, bagi memastikan sumber pendapatan serta kedudukan kewangan dan ekonomi negara tidak terlalu terjejas, Kerajaan akan berusaha menguruskan subsidi petroleum dengan keupayaan kewangan yang sedia ada secara lebih kreatif dan berhemat.

SOALAN NO.: 67

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN

LISA  
N

DARI PAD A

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR  
[ JERAI]

TARIKH

15 JUN 2011

SOALAN

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kenapakah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyediakan peruntukan RM2 juta bagi mengatasi banjir di kawasan Parlimen Barisan Nasional Kedah sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap masalah banjir yang berlaku di negara kita. Sehubungan itu, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan Program Jangka Panjang seperti Program Tebatan Banjir (RTB) dan Program Jangka Pendek seperti pembersihan sungai dan pembinaan sistem perparitan bagi menangani masalah tersebut. Peruntukan yang disediakan bergantung kepada bajet yang telah diluluskan dan keutamaan diberikan kepada kawasan-kawasan yang menghadapi masalah banjir yang mempunyai keperluan yang lebih mendesak.

Kerajaan akan mengkaji agihan peruntukan ini dari semasa ke semasa bagi memastikan kawasan yang mempunyai keutamaan yang tinggi diberi perhatian terlebih dahulu termasuklah di negeri Kedah.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN NO : 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

<b>PERTANYAA</b>	<b>LISAN</b>
<b>N DARI PAD</b>	<b>DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH</b>
<b>A :</b>	<b>AHMAD</b>
<b>TARIKH</b>	<b>[KANGAR]</b>
	<b>15JUN</b>
	<b>2011</b>

**SOALAN**

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [ Kangar ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa masalah obesiti, berbagai penyakit seperti kencing manis adalah berpunca daripada pemakanan yang dibuat dan diproses yang mengandungi kandungan gula yang berlebihan. Oleh itu adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan peraturan bagi menetapkan had kandungan gula dalam semua jenis makanan yang dibuat dan diproses di dalam negara.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Memang tidak dinafikan bahawa pengambilan makanan yang tinggi kandungan gula, sama ada makanan tersebut diproses ataupun tidak, merupakan salah satu faktor yang boleh menyebabkan masalah berlebihan berat badan dan obesiti.

Walau bagaimanapun obesiti berlaku bukan hanya disebabkan oleh satu-satu faktor. Pelbagai faktor lain seperti pengambilan kalori yang berlebihan, makanan yang tinggi lemak serta gaya hidup yang sedentari juga boleh menyumbang kepada masalah ini. Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan rundingan bersama industri-industri makanan dan minuman bagi

Tuan Yang Di-Pertua mengurangkan kandungan gula dalam produk yang dihasilkan. Pihak industri telah memberi persetujuan untuk mengurangkan sekurang-kurangnya 10% kandungan gula tambahan dalam produk minuman yang ada di pasaran.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia juga memberikan perhatian yang serius dalam pengurusan gula di dalam produk-produk makanan dan memberi penekanan agar rakyat diberikan maklumat dalam membuat pilihan yang bijak. Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, beberapa jenis makanan perlu menyatakan jumlah kandungan gula pada label produk makanan tersebut. Produk ini ialah minuman ringan, jus buah dan sayur yang sedia diminum, susu malt dan susu berperisa.

Selain daripada itu, mana-mana produk makanan yang mempunyai kandungan gula yang rendah boleh membuat akuan pemakanan seperti "rendah gula" atau "bebas gula" mengikut syarat-syarat yang tertentu.

Secara berperingkat, beberapa standard makanan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah dikaji semula dan sedang dalam proses pewartaan. Antara standard makanan yang terlibat adalah:

- (a) Peraturan 390. Makanan berdasarkan bijirin untuk bayi dan kanak-kanak (pindaan):  
Pindaan standard melibatkan penetapan had penggunaan sukrosa, fruktosa, glukosa, sirap glukosa atau madu jika digunakan dalam produk tersebut.
- (b) Peraturan 91B. Susu tepung yang diformulakan untuk kanak-kanak (peraturan baru):  
Standard tersebut mengandungi penetapan had bagi penggunaan gula yang disebut sebagai sukrosa jika digunakan dalam produk tersebut.

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	PUAN FONGPO KUAN (BATU GAJAH)
TARIKH	15 JUN2011 (RABU)
SOALAN	Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta
PERDANA MENTERI	menyatakan senarai urusan Kerajaan melalui saluran elektronik atau e-khidmat yang telah di outsource kepada syarikat swasta serta

bayaran yang dikenakan oleh syarikat tersebut sejak 2005-2011.

**JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)**

Kini urusan di antara rakyat dan Kerajaan menjadi lebih mudah melalui lima (5) jenis perkhidmatan atas talian (e-khidmat) yang disediakan oleh pihak Kerajaan iaitu semakan, pembayaran, permohonan, cetakan dan pembaharuan. Senarai urusan Kerajaan melalui saluran elektronik atau e-Khidmat yang telah di *outsource* adalah sebanyak 25 perkhidmatan seperti berikut:

a. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

1. Semakan kompaun;
2. Pembayaran kompaun;
3. Semakan cukai taksiran;
4. Pembayaran cukai taksiran;
5. Semakan lesen premis papan iklan;
6. Pembayaran lesen premis papan  
.. .

b. Jabatan Imigresen Malaysia

7. Pembaharuan permit pembantu rumah.

c. Jabatan Insolvensi Malaysia

8. Semakan status kebankrapan individu; dan
9. Semakan status penggulungan syarikat.

d. Jabatan Pendaftaran Negara

10. Muat turun maklumat lesen memandu dan pasport ke dalam MyKad;
11. Cetakan kandungan cip MyKad; dan
12. Permohonan untuk penggantian MyKad.

e. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

13. Semakan saman JPJ;
14. Pembayaran saman JPJ;
15. Penjadualan ujian teori berkomputer Bahagian 1 undang-undang;
16. Pengambilan ujian teori berkomputer Bahagian 1 undang-undang;
17. Pengeluaran Lesen Belajar  
Memandu - Provisional Driving  
License (PDL);
18. Pembaharuan Lesen Memandu  
Kompeten - Competent Driving License  
(CDL); dan

19. Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor.
- f. Polis Di Raja Malaysia
20. Semakan saman trafik; dan
21. Pembayaran saman trafik.
- g. Telekom Malaysia Berhad
22. Semakan bil telefon.
23. Pembayaran bil telefon.
- h. Tenaga Nasional Bhd
24. Semakan bil elektrik; dan
25. Pembayaran bil elektrik.

Pelaksanaan e-Khidmat tersebut adalah melalui model *build, own and operate* (BOO) iaitu Kerajaan tidak menyediakan sebarang peruntukan untuk pelaksanaan e-Khidmat.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

#### **PERTANYAAN: LISAN**

**DARI PAD A : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 15 JUN 2011**

#### **SOALAN**

**TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang ditugaskan dalam pelbagai jabatan Kerajaan yang didapati mudah berlaku amalan rasuah dan apakah

## **SOALAN**

pencapaiannya setakat ini.

**JAWAPAN: YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menempatkan secara khusus pegawainya dalam mana-mana jabatan Kerajaan yang paling kerap menjadi sasaran aduan orang awam berhubung amalan rasuah. Lagipun, pada masa kini setiap agensi Kerajaan terutama agensi penguatkuasaan telah mempunyai mekanisme untuk memantau dan menjalankan penguatkuasaan terhadap pesalah secara berkesan.

SPRM melalui Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan terus membantu agensi/jabatan untuk memperbaiki sistem dan prosedur kerja bagi menutup ruang dan peluang perlakuan jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta bagi mengelakkan pegawai mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi dari kelemahan sistem dan prosedur kerja berkaitan.

SPRM juga mengadakan Memorandum Persefahaman (Moll) /Rundingan Meja Bulat antara SPRM dan agensi-agensi penguatkuasaan serta jabatan yang terdedah kepada risiko gejala rasuah bagi mengenal pasti, merancang, dan mengambil tindakan sewajarnya mengekang jenayah rasuah daripada berleluasa.

Antara langkah-langkah yang diambil pihak Kerajaan bagi menangani masalah jabatan-jabatan yang paling kerap menjadi sasaran aduan orang awam berhubung amalan rasuah adalah dengan mewujudkan:

- (i) Inisiatif Memantapkan dan Memperkuuhkan Unit-unit Integriti (Pematuhan) (Compliance Unit) juga sedang giat dilaksanakan dan dimulakan dengan agensi-agensi penguat kuasa utama Negara iaitu Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan

Pengangkutan Jalan (JPJ), Kastam Di Raja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan seterusnya akan diperluaskan kepada agensi-agensi penguat kuasa dan jabatan-jabatan yang lain.

- (ii) Melaksanakan program latihan perintis bagi Program Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer (CeIO)* (dengan izin) yang melibatkan peserta agensi-agensi penguat kuasa serta agensi sektor awam dan swasta yang akan bertanggung jawab bagi merancang, melaksanakan dan memantau program-program integriti di organisasi masing- masing.
- (iii) Kewujudan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) yang berfungsi antaranya ialah menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan



secara amnya dan menyiasat serta mengadakan prosiding tertentu mengenai aduan sedemikian dan melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa.

- (iv) Kewujudan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) di kementerian, jabatan dan agensi sebagai mekanisme kawalan dalaman untuk memperbaiki sistem amalan kerja sera mengurangkan kerena birokrasi untuk menyekat sebarang amalan rasuah daripada berleluasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A                    TUAN LIM LIP ENG  
                                      [SEGAMBUT]**

**TARIKH                        15 JUN 2011  
SOALAN**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta MENTERI KESIHATAN**

## **SOALAN NO**

menyatakan secara teliti senarai makanan yang berkhasiat dan senarai makanan yang dilarang penjualan di kantin sekolah. Dasar apakah yang menyatakan nasi lemak, mi goreng dan nasi ayam adalah makanan kurang berkhasiat.

/

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang begitu prihatin terhadap penjualan makanan di kantin sekolah dan kesannya terhadap status pemakanan murid-murid sekolah khususnya.

Garis Panduan Pemakanan Sihat Di Sekolah telah dibentuk bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong pemakanan yang sihat. Pelaksanaan garis panduan tersebut menunjukkan komitmen kerajaan dalam melindungi kesihatan murid-murid sewaktu mereka berada di sekolah.

Makanan yang berkhasiat adalah makanan yang rendah kandungan lemak, garam, gula dan tinggi fiber (contoh: mi sup, sandwic, jagung rebus, buah-buahan segar), manakala makanan yang dilarang penjualan di kantin sekolah adalah seperti makanan dan minuman yang melanggar Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (contoh: makanan yang melampaui tarikh luput, makanan yang dijual bersama permainan), makanan yang dijeruk, makanan ringan yang mengandungi bahan perisa dan pewarna tiruan, makanan dan minuman yang mangandungi alkohol dan gula-gula.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Nasi lemak, mi goreng dan nasi ayam, kebiasaannya, mengandungi kandungan lemak yang agak tinggi. Ianya boleh menyebabkan kegemukan jika dimakan setiap hari atau dimakan secara berlebihan. Pengambilan makanan yang tinggi kalori dan lemak perlu dikurangkan untuk kehidupan yang lebih sihat. Kajian Status Pemakanan dan Amalan Pemakanan di kalangan Kanak-Kanak Sekolah Rendah di Malaysia yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2007/2008 menunjukkan bahawa 86.6% kanak-kanak membeli makanan dan minuman di kantin sekolah. Tiga jenis makanan yang menjadi kegemaran mereka adalah nasi lemak, mee goreng dan nasi ayam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

YB TUAN NGA KOR MING (TAIPING)

15.06.2011

(RABU)

PERTANYAAN

DARI PAD A

SOALAN:

TARIKH

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan secara terperinci rancangan Kerajaan membelanjakan sebanyak RM6 bilion untuk membeli 6 Offshore Patrol Vessels (OPVs) dan sama ada tender antarabangsa pernah dilaksanakan sebelum kontrak dianugerahkan kepada Boustead Shipping Dockyard.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan Littoral Combatant Ship atau singkatannya LCS tidak dibuat secara tender antarabangsa kerana ianya merupakan kesinambungan daripada Perjanjian Penswastaan yang ditandatangani di antara Kerajaan dan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) pada 11 Disember 1995. Melalui perjanjian tersebut, Kerajaan telah bercadang untuk membina 27 buah kapal peronda generasi baru.

Keputusan ini adalah berdasarkan kepada pengalaman, kepakaran, kemampuan dan kejayaan BNS yang telah terbukti dengan kejayaan pembinaan enam buah kapal peronda (*Patrol Vessel - PV*) yang digunakan oleh TLDM sekarang ini. Ia sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk membangunkan industri maritim negara dengan menggunakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan kepakaran yang ada dalam negara serta menjadi pemangkin kepada perkembangan teknologi dan industri berat negara. Ianya juga menyediakan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan kepada vendor-vendor tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh mengenai harga, pada masa ini, pihak Kerajaan masih belum memuktamadkan harga. Sejumlah RM6 bilion telah diperuntukkan dalam RMK-10 dan sebahagiannya akan melimpah ke RMK-11. Tinjauan pasaran antarabangsa terhadap kapal yang mempunyai keupayaan setanding LCS adalah di antara RM1.5 bilion ke RM2.7 bilion sebuah kapal.

**SOALAN NO. 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARI PADA YB PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)**

**TARIKH 15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan:-

- (a) langkah-langkah untuk meningkatkan kelayakan pemohon JKM di kawasan Bandaraya dari RM740 ke RM1200 sebulan; dan
- (b) jelaskan sistem pembayaran JKM kepada penerima yang tidak mengikut jadual sehingga menimbulkan masalah lambat bayar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin terhadap peningkatan kos hidup khususnya di kawasan bandar raya dan sentiasa mengkaji kadar skim bantuan dan syarat kelayakan bagi semua jenis bantuan dari semasa ke semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi penerima bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah pun dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM830 (Sarawak) dan RM960 (Sabah) mulai tahun 2009.

Syarat pemberian bantuan kebajikan bukan semata-mata bergantung kepada pendapatan keluarga. Selain pendapatan keluarga sebagai kelayakan asas dalam pemberian bantuan kebajikan, JKM juga mengambil kira faktor-faktor lain seperti jumlah ahli isi rumah yang perlu ditanggung, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Bidang Keberhasilan Utama Negara dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9 April 2009, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang dilantik sebagai Kementerian Peneraju Untuk Bidang Keberhasilan Utama Negara Bagi Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Berpendapatan Rendah telah mula melaksanakan pembayaran bantuan kebajikan pada setiap 1 hari bulan setiap bulan mulai 1 Januari 2010 di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini JKM menggunakan dua kaedah pembayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan iaitu melalui bayaran secara tunai dan melalui bank. Kaedah pembayaran secara tunai dibuat kepada penerima bantuan di pusat- pusat bayaran seperti di balai raya, pusat khidmat masyarakat setempat, Unit Khidmat Penyayang (UKP) dan juga di Pejabat

Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian. Dalam kes-kes tertentu seperti kes pesakit terlantar dan tidak mampu hadir ke pusat- pusat bayaran yang ditetapkan, bayaran secara tunai dilaksanakan di rumah klien berkenaan. Bayaran melalui bank pula dikreditkan terus ke dalam akaun penerima bantuan.

Sungguhpun begitu, masih terdapat sebilangan kecil kes penerima bantuan secara tunai lewat menerima bayaran bantuan. Perkara ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- i. klien tiada di rumah semasa bayaran ingin dilakukan; atau
- ii. klien tidak datang apabila dipanggil untuk menerima bantuan di pusat bayaran.

JKM sentiasa mengambil inisiatif bagi meminimumkan kes kelewatan bayaran kepada klien-kliennya. Usaha ini termasuklah menggalakkan penerima bantuan yang masih berupaya untuk menukar cara penerimaan bantuan daripada secara tunai kepada melalui bank.

Soalan No : 74

## **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

## **PERTANYAAN**

**DARIPADA** **LISAN** Y.B. TUAN SALLEH BIN  
**KALBI (SI LAM)**

TARIKH 15.06.2011

## **SOALAN:**

**Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]** minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) berapakah jumlah pesakit muda di peringkat sekolah rendah dan menengah yang mengalami masalah kesihatan dan terpaksa tinggal lama di hospital pada tahun 2009 dan 2010; dan

(b) apakah perancangan Kementerian pendidikan untuk membantu murid yang menghadapi masalah kesihatan dan terpaksa meneruskan rawatan di hospital terutamanya yang menduduki peperiksaan.

JAWAPAN

- (a) dan (b)

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian khusus terhadap keperluan pendidikan kepada semua kanak-kanak termasuklah pendidikan bagi murid yang mempunyai masalah kesihatan yang ditahan (masuk wad) di hospital untuk menjalani rawatan secara berterusan. Dalam kajian yang dibuat di tiga (3) buah hospital di kawasan Lembah Klang, purata sebulan murid yang menjalani rawatan berterusan pada tahun 2010 di Hospital Kuala Lumpur ialah seramai 858 orang, 40 orang di Hospital Ampang dan 239 orang di Hospital Serdang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM dalam perancangan untuk melaksanakan program rintis Sekolah Dalam Hospital di Hospital Ampang, Hospital Serdang dan Hospital Kuala Lumpur bagi menyokong kemudahan pendidikan untuk membantu murid yang menghadapi masalah kesihatan dan terpaksa duduk lama di hospital. Program ini akan dirintis pelaksanaannya di ketiga-tiga hospital tersebut bermula Julai tahun ini (2011).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, program ini merupakan program kerjasama antara agensi Kerajaan dan NGO. Melalui program ini, perkhidmatan pendidikan akan dibekalkan kepada pesakit yang mempunyai kesediaan dan keupayaan untuk belajar. Proses pembelajaran yang diberikan bersifat fleksibel dan menyeronokkan dengan bimbingan guru yang terlatih sebagai pemudahcara. Program rintis ini akan berlangsung selama 2 tahun dan akan diperluaskan pada tahun seterusnya mengikut kesesuaian.

Rjm 25

**NO:75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA :**

**DATO'SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN**

**[BESUT]**

**TARIKH**

**15 JUN2011 (RABU)**

**SOALAN**

**75**

Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mendidik

pengguna jalan raya terutama pelajar sekolah supaya mematuhi undang-undang jalan raya.

### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif dan program dalam mendidik pengguna jalan raya terutamanya pelajar-pelajar sekolah supaya mematuhi undang-undang jalan raya yang ditetapkan. Antara program utama yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran ialah dengan memperkenalkan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah mulai tahun 2007. Sehingga kini, PKJR telah diajar kepada semua murid dari darjah 1 sehingga darjah 6 dan seterusnya akan diperkembangkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Selain pembelajaran PKJR, aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan bagi menerapkan nilai murni dan budaya pematuhan peraturan lalu lintas adalah seperti berikut:

- (i) Ko-Kurikulum; mewujudkan Kelab Keselamatan Jalan Raya bagi aktiviti Warden
- (ii) mengadakan program-program sokongan di sekolah seperti Trafik Sekolah, pertandingan lalu lintas dan program keredaan trafik; dan
- (iii) mengadakan ceramah dan kempen Keselamatan Jalan Raya di sekolah.

Pendidikan Keselamatan Jalan Raya di kalangan kanak-kanak dan remaja perlu

diperhebatkan bagi melahirkan pengguna jalan raya yang berhemah dan pemandu yang kompeten serta mematuhi peraturan lalu lintas pada masa hadapan.

**NO. AUM :**  
**NO. AUP**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                    LISAN**

**DARI PADA    TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]**

**T ARIKH                        15 JUN 2011**  
**3871**  
**RUJUKAN**

**SOALAN:**

Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pelan Kerajaan mengenai tapak lama penjara Kuching di Jalan Tabuan Kuching yang bangunannya telah dirobohkan.

**Jawapan:**

Tuan Yang Di Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Bandar Kuching yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tapak lama penjara Kuching seluas 0.1983 hektar atau 1983 meter persegi telah diserahkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara kepada kerajaan negeri Sarawak melalui agensi wakilnya iaitu Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (PELITA) pada 5 Julai 2010.

Setelah Penjara Kuching diserahkan dan dimiliki oleh kerajaan Negeri Sarawak, Kementerian Dalam Negeri mahupun Jabatan Penjara tidak lagi mempunyai apa-apa hak serta sebarang perancangan pembangunan ke atas tapak tanah berkenaan.

**NO:77**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARI PADA : YB DATUK AARON AGOANAK  
DAGANG  
(KANO  
WIT)  
TARIKH : 15.6.2011  
SOALAN : 77

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan kepada kawasan-kawasan pendalaman yang belum mempunyai kemudahan asas seperti jalan raya, supaya dapat menolong penduduk di sana meningkatkan pendapatan mereka selaras dengan konsep IMalaysia dan negara yang berpendapatan tinggi.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sedar dan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang sempurna kepada penduduk di kawasan luar bandar terutamanya jalan raya. Objektif utama pembinaan dan menaiktaraf jalan raya di kawasan luar bandar ini adalah untuk meningkatkan hubungan rangkaian jalanraya yang berkualiti dan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi penduduk di kawasan luar bandar.

Sehubungan itu, di bawah Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PILB), Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB) telah ditubuhkan yang berperanan sebagai penyelaras dalam isu-isu pembangunan luar bandar. Majlis ini bertanggungjawab di dalam menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar termasuklah kemudahan jalan raya bagi memastikan keberkesanan program pembangunan terutama dalam aspek meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar. Untuk makluman, MPLB ini

dianggotai oleh agensi-agensi di bawah Kementerian serta agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat dengan pembangunan luar bandar di setiap kawasan parlimen.

Selain daripada itu, bagi meningkatkan jaringan perhubungan terutamanya di kawasan pendalaman, kerajaan melalui program NKRA akan membina jalan-jalan gravel dan premix untuk penduduk kampung. Di samping itu, pengenalan kepada teknologi baru dalam pembinaan jalan yang dapat mengurangkan kos turut digunakan.

NO. AUM : 7flT^6

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG [ BATU]**

**15 JUN 2011**

**TARIKH**

**3684**

**RUJUKAN**

**SOALAN:**

Tuan Chua Tian Chang [ Batu ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pemberian Pemastautin Tetap (PR) kepada warga asing dari tahun 2005 hingga 2011 mengikut kategori dan negara asal; dan
- (b) berapakah jumlah pemberian taraf warganegara daripada taraf Pemastautin Tetap dari tahun 2005 hingga 2011 mengikut negara asal.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemberian Pemastautin Tetap (PR) kepada warga asing dari tahun 2005 hingga 2011 adalah sebanyak 23,487. Jumlah ini adalah merujuk kepada jumlah pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) yang telah dikeluarkan kepada warga asing yang telah diluluskan Permit Masuk.

Manakala, jumlah penganugerahan Taraf Kewarganegaraan Malaysia yang diberikan kepada Pemastautin Tetap Malaysia daripada tahun 2005 hingga April 2011 adalah sebanyak 15,627 orang. Walaubagaimanapun, Kementerian ini tidak menyimpan maklumat mengikut negara asal pemohon.

**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN**

<b>DARIPADA</b>	<b>LISAN</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>TANJONG MALIM 15 JUN 20ft (RABU)</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM) minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan**

- (a) Rancangan Kementerian untuk menaik taraf/mengganti jambatan satu lorong kepada 2 lorong di Sungai Sungkai, Sungai Slim, Sungai Balun dan Sungai Behrang; dan
- (b) Cadangan pembinaan jejantas pejalan kaki di hadapan Sekolah Menengah Dato' Zulkifli Muhammad, Slim River dan Politeknik Sultan Azlan Shah.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk menggantikan jambatan-jambatan sempit dan usang di sepanjang Jalan Persekutuan 1 di Tanjung Malim, Perak sememangnya merupakan antara projek yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di bawah Program Penggantian jambatan-jambatan Usang di seluruh negara. Anggaran kos bagi setiap jambatan berkenaan ialah antara RM3.5 juta hingga RM6 juta, bergantung kepada struktur jambatan yang terlibat.

Dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 ini, Kementerian Kerja Raya akan memohon peruntukan keseluruhan sebanyak RM500 juta untuk melaksanakan program Penggantian jambatan- jambatan Usang di seluruh negara. Pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) baru sahaja selesai menjalankan kajian terhadap 564 jambatan di jalan Persekutuan seluruh negara dan mendapati terdapat 90 jambatan sempit dan usang yang perlu digantikan secara berperingkat-peringkat dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM313 juta. Waiau bagaimanapun, pelaksanaan program ini tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri dan peruntukan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

- (b) Mengenai permohonan cadangan pembinaan jejantas pejafan kaki di

hadapan Sekolah Menengah Dato<sup>1</sup> Zulkifli Muhammad, Slim River dan Politeknik Sultan Azlan Shah di Behrang, Kementerian Kerja Raya akan mengarahkan pihak JKR untuk menjalankan audit keselamatan terlebih dahulu di lokasi yang terlibat. Sehubungan itu, tertakluk kepada hasil laporan audit berkenaan, peruntukan bagi tujuan meningkatkan ciri-ciri keselamatan di laluan berkenaan, termasuk pembinaan jejantas jika terdapat keperluan, akan disalurkan kepada JKR untuk tindakan selanjutnya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. So

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]

TARIKH 15 JUN 2011

SOALAN:

DATO' JOHARI BIN ABDUL minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan menimbangkan cadangan pewujudan Tabung Amanah Pilihan Raya yang akan menyalurkan peruntukan tetap kepada calon yang bertanding dalam pilihan raya untuk mengelak dari rasuah dan politik naungan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan tabung amanah bagi tujuan berkenaan. Ini kerana mengikut amalan yang dilaksanakan di Malaysia, Kerajaan tidak pernah mewujudkan sebarang tabung atau memperuntukkan dana kepada parti-parti politik dan calon-calon bebas bagi tujuan untuk berkempen dalam pilihan raya atau pun tujuan-tujuan politik yang lain. Sebaliknya dana tersebut diuruskan sendiri oleh mereka atau parti, yang mana akaun parti-parti politik yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1976 ini, diaudit sendiri oleh badan tersebut (Pendaftar Pertubuhan).

Tambahan pula, Undang-undang Pilihan Raya yang sedia ada seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5), Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 dan seumpamanya, sudah mencukupi untuk memastikan pilihan raya telus, adil dan bersih daripada sebarang penyelewengan dan rasuah. Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :

?9t PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ  
[SRI GADING]  
TARIKH : 15 JUN 2011

**SOALAN :**

DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pihak JPA bercadang memberikan biasiswa Kerajaan secara terus kepada setiap pelajar yang mendapat keputusan cemerlang 8A dalam SPM.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

**NO SOALAN : m**

Penajaan pelajar-pelajar adalah bermatlamatkan pembangunan modal insan holistik yang dapat menyediakan sumbertenaga manusia mahir yang berdaya saing dan berdaya tahan berteraskan pengetahuan dan inovatif bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara berpendapatan tinggi. Bilangan pembiayaan di peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan di dalam dan luar negara adalah berasaskan kepada keperluan unjuran guna tenaga dalam pelbagai bidang yang diperlukan oleh perkhidmatan awam dan negara.

Di samping itu, penajaan biasiswa JPA setiap tahun adalah tertakluk kepada tempat yang boleh ditawarkan setelah mengambilkira kemampuan kewangan Kerajaan pada tahun berkenaan. Perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa turut mempengaruhi penentuan bilangan penajaan dan bidang yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA (BACHOK)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15.06.2011</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [ BACHOK ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan Kerajaan untuk menghargai peranan yang telah dilaksanakan oleh guru-guru terutama bagi mereka yang telah berkhidmat lebih 10 tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada sambutan Hari Guru yang telah diadakan pada 16 Mei 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan pangkat dalam pelbagai gred jawatan perkhidmatan perguruan khusus bagi guru pengajaran dan pembelajaran. Pengumuman tersebut merupakan sebahagian penghargaan kerajaan terhadap jasa dan pengorbanan guru yang dicurahkan dalam membangunkan modal insan di negara ini.

Berdasarkan pengumuman tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang menghalusi kaedah baru kenaikan pangkat dalam sektor perkhidmatan pendidikan negara.

NO. AUM : 81

NO. AUP : 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** DR. HIEW KING CHEU [ KOTA KINABALU ]

**TARIKH** 15 JUN 2011

**RUJUKAN** 3685

**SOALAN:**

Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk memupuk sikap disiplin di kalangan anggota polis di negara ini yang terlibat dengan beberapa kes melanggar disiplin dan penyalahgunaan senjata yang dilaporkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota

Kinabalu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian sentiasa serius dalam menjaga keselamatan negara dan sentiasa berusaha untuk mengurangkan kadar jenayah sejajar dengan aspirasi negara. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, anggota keselamatan dan penguatkuasa sentiasa terdedah kepada pelbagai ancaman. Oleh yang demikian mereka perlu sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang ancaman.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga komited dalam memastikan tahap disiplin pasukan keselamatan sentiasa berada pada tahap yang tertinggi terutama sekali berkenaan perkara yang melibatkan penggunaan senjata. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan SOP mengenai tatacara pengendalian senjata api , sebagai contoh^membuat pindaan ke atas Arahan Tetap Ketua Polis Negara;

- (ii) memantapkan pengetahuan mengenai peraturan penggunaan senjata api kepada anggota melalui latihan dan kursus penggunaan senjata api;
- (iii) sentiasa memberi peringatan tentang tatacara penggunaan senjata api berdasarkan Arahan Tetap Ketua Polis Negara terutamanya semasa takiimat operasi harian (*roll call*)]
- (iv) memantapkan disiplin anggota dengan mengadakan kursus-kursus pembinaan keperibadian;
- (v) menerapkan nilai-nilai murni dan kemanusiaan melalui ceramah dan program motivasi; dan
- (vi) menyiasat dan mengambil tindakan tatatertib sekiranya didapati bersalah berdasarkan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

NO. SOALAN : 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA TUAN FONG KUI LUN  
TARIKH (BUKIT BINTANG)  
15.06.2011 (RABU)  
TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan kesan ke atas rakyat berikutan beberapa siri kenaikan harga petrol yang dipersetujui Kerajaan baru-baru ini.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Langkah Kerajaan dalam melaraskan harga runcit petrol adalah berikutan daripada kenaikan harga minyak mentah dunia. Ia merupakan faktor di luar kawalan Kerajaan. Walaubagaimanapun, pelarasian yang dilaksanakan telah mengambil kira faktor-faktor yang akan memberi kesan minimum kepada rakyat.

Kenaikan harga runcit bagi produk petrol RON95 adalah pada kadar yang paling minimum. Pada tahun 2010 hanya terdapat dua (2) kali pelarasian harga runcit yang diumumkan oleh Kerajaan iaitu pada 16 Julai 2010 sebanyak 5 sen seliter dan 4

Disember 2010 juga sebanyak 5 sen seliter. Sehingga kini Kerajaan masih mengekalkan harga runcit RON95 pada harga RM1.90 seliter dengan tanggungan subsidi Kerajaan sebanyak 90 sen seliter. Manakala produk RON97 yang diapungkan secara terkawal berdasarkan harga pasaran semenjak 16 Julai 2010 telah beberapa kali dilakukan pelarasan harga. Ini kerana penetapan harga produk ini dilakukan secara bulanan.

Untuk makluman ahli dewan, pada tahun 2010, penggunaan petrol RON97 hanyalah sebanyak 13% di Malaysia. Oleh itu, kesan perubahan harga produk ini ke atas rakyat tidak begitu ketara disebabkan penggunaan yang sedikit di negara ini.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN JAWAB LISAN DATUK RAIME BIN UNGGI 15 JUN 2011  
DARI PADA (RABU)  
TARIKH NO. 85  
SOALAN**

**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI**

menyatakan jumlah pelajar Bumiputera daripada keluarga miskin bagi mengikuti kursus ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah menerusi Program Mengubah Destinasi Anak Miskin (MDAB).

JAWAPAN

## Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pelajar Bumiputera daripada keluarga miskin yang mengikuti Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) di bawah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah adalah sebanyak 887 orang. Dari jumlah tersebut, seramai 849 orang merupakan pelajar yang menuntut di UiTM Cawangan Kota Kinabalu dan 38 orang UiTM Cawangan Tawau.

PERTANYAAN-PERTANYAAN  
PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011  
**DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan	<b>PERTANYAAN LISAN</b>
Daripada	Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai]
Tarikh Menjawab	15 Jun 2011 (Rabu)
Soalan	No. 86

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta  
**MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**  
menyatakan sumbangan industri perladangan kepada pembangunan ekonomi dan apakah inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan permintaan terhadap komoditi daripada Malaysia kekal pada tahap memberangsangkan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menggalakkan penyertaan rakyat Malaysia dalam sektor perladangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, sumbangan industri perladangan dan komoditi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak RM37.9 billion iaitu 6.77 peratus daripada jumlah KDNK negara. Industri ini merupakan penyumbang ketiga terbesar selepas sektor

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

perkhidmatan dan pembuatan, dan menyediakan sebanyak 880,000 peluang pekerjaan di dalam negara.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam memastikan permintaan terhadap komoditi daripada Malaysia kekal pada tahap memberangsangkan, termasuk:

- i. Menalin kerjasama strateqik dengan lain-lain negara pengeluar komoditi bagi menstabilkan harga komoditi, menggalakkan pelaburan timbal balik dan menyelesaikan isu-isu halangan perdagangan seperti kempen anti minyak sawit oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan luar negara.
- ii. Memeterai Perianjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Area - FTA*) dengan negara-negara rakan-niaga di peringkat serantau dan dua hala bertujuan meningkatkan kemasukan eksport komoditi ke negara-negara tersebut. Faedah daripada termeterainya perjanjian-perjanjian tersebut ialah pengurangan atau penghapusan tarif import yang dikenakan ke atas keluaran komoditi di negara rakan-niaga. Ini menjadikan keluaran komoditi negara lebih kompetitif dan berdaya saing berbanding dengan keluaran komoditi dari negara pengeksport yang tidak mempunyai hubungan FTA dengan negara terbabit.
- iii. Meneroka pasaran-pasaran baru bagi menjamin kesinambungan pasaran produk-produk komoditi supaya tidak terlalu bergantung kepada pasaran-pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat, China, Eropah, India dan Jepun. Antara pasaran

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

baru yang dikenalpasti termasuklah Asia Barat, Afrika, Amerika Latin dan Negara-negara Bekas Kesatuan Rusia (*Commonwealth of Independent States - CIS*).

- iv. Meningkatkan penvelidikan bagi menghasilkan produk baru berasaskan komoditi. Dengan meningkatnya pengeluaran produk baru, eksport komoditi Malaysia akan dapat diperkembangkan dan membuka peluang untuk menguasai pasaran antarabangsa.
- v. Menjadikan industri komoditi negara bercorak mesra alam. Ini termasuk memastikan industri ini bersifat pembuangan sifar atau ‘zero waste’.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menggalakkan rakyat tempatan melibatkan diri dalam sektor perladangan dan komoditi, Kementerian telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i) menganjurkan *Malaysia International Commodities Conference and Showcase* (MICCOS) yang dilaksanakan dua tahun sekali di mana masyarakat berpeluang untuk meninjau peluang-peluang perniagaan atau mengembangkan perniagaan mereka sama ada melalui penyertaan dalam pameran, persidangan dan *business matching*, malah untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan ahli- ahli Yang Berhormat, MICCOS pada tahun ini akan diadakan pada 28 hingga 30 Oktober 2011;

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

- ii) menganjurkan seminar pemindahan teknologi dan pameran oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk memperkenal dan mendidik masyarakat mengenai peluang-peluang perniagaan dalam industri hiliran dan nilai tambah terhadap produk-produk sawit;
- iii) menyediakan latihan kemahiran dan kursus keusahawanan yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Perkayuan (WISDEC) seperti kursus kemahiran teknologi pembuatan perabot dan kursus rekabentuk perabot;
- iv) mengadakan kursus perusahaan coklat buatan tangan yang dianjurkan oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM) pada setiap bulan;
- v) menganjurkan pameran coklat dan koko di pusat-pusat membeli belah bagi tujuan mendedahkan peluang-peluang penglibatan dalam perusahaan coklat buatan tangan; dan
- vi) menganjurkan kursus pengeluaran produk lada bernilai tambah seperti Lada Berkualiti Eksport (LBE), Lada Putih Krim; dan Lada Hitam Bersih Asli.

**NO. SOALAN: 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH 15 JUN 2011 (RABU)  
SOALAN**

**Y.B. Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah perkembangan SME di Wilayah Iskandar yang terjejas teruk sehingga 80% berikutan krisis ekonomi dunia.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah mengambil beberapa langkah bagi menghadapi situasi tersebut. Di antaranya adalah IRDA dengan kerjasama Kementerian/Agensi berkaitan sektor SME telah menganjurkan perbincangan '*Focused Result Delivery Group*' pada 31 Mei 2010 untuk menilai perkembangan semasa SME di Iskandar Malaysia. Lanjutan daripada itu, sejumlah 9 program pembangunan

SME dan usahawan-usahawan telah dilancarkan. Program-program ini memberi fokus kepada SME untuk berkembang dan memperolehi kemahiran baru dalam penggunaan alat-alat IT dan platform mengembangkan pengetahuan dan peluasan pasaran produk. Pada Januari 2011, IRDA dengan kerjasama SME Corporation menganjurkan Program “*IM-SME Outreach Dialogue/Awareness*” untuk mempertingkatkan kapasiti dan kemahiran SME.

IRDA juga mengenalpasti peluang-peluang baru untuk perniagaan SME melalui peningkatan hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia yang mana membuka peluang untuk meluaskan lagi pasaran barang sektor SME. Penubuhan ‘*Special Taskforce*’ pada Ogos 2010 telah memudahkan pelaburan-pelaburan dari SME Singapura bagi menempatkan semula dan mengembangkan perniagaan mereka di Iskandar Malaysia . Ini akan menawarkan peluang-peluang perniagaan yang baru untuk SME tempatan.

Seterusnya, IRDA dengan kerjasama SME akan menumpukan dan melengkapkan sistem sokongan bagi lima teras sektor ekonomi sedia ada iaitu sektor elektrik & elektronik, petro kimia & oleo kimia, makanan & pemprosesan agro, logistik & perkhidmatan berkaitan, pelancongan dan empat sektor perkhidmatan iaitu perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan kewangan dan industri-industri kreatif.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

DARIPADA                   **LISAN Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN  
CHE NIK (SIK)**

TARIKH                   **15.06.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan Puteri UMNO masuk sekolah untuk mengajak pelajar menyertai Puteri UMNO. Pegawai di IAB, Kementerian dan JPN turut memainkan peranan meminta guru-guru di sekolah menyokong dan mengekalkan Kerajaan yang ada. Adakah ini arahan Kementerian atau sekadar usaha persendirian pengawai tertentu di peringkat berkenaan sahaja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih mengawal penglibatan aktiviti politik di sekolah dengan mengeluarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/2008**, iaitu Mengundang Orang-orang Kenamaan ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah oleh Pihak Luar dan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2010**, iaitu Garis Panduan Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil.9 Tahun 2010 : Permohonan Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 hingga DG48 yang bertugas di Institusi Pendidikan, KPM. Pegawai kerajaan juga terikat dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan yang telah ditetapkan.



NO. SOALAN: 89

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN MOHD YUSMADI BINMOHD YUSOFF  
[BALIK PULAU]**

**TARIKH                    15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan data terperinci berkaitan jumlah migrasi penduduk-penduduk desa ke kawasan bandar mengikut bandar-bandar utama di setiap negeri dari tahun 1990 hingga 2010.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Peratusan penduduk yang berhijrah dari luar bandar ke bandar dalam negeri yang sama ialah 22.7 peratus bagi tempoh 1991—1992. Peratusan ini menurun kepada 11.5 peratus bagi tempoh migrasi 2009—2010. Bagi tempoh 1991—1992, peratusan penduduk yang berhijrah dari luar bandar ke bandar adalah paling tinggi di negeri Sarawak (31.7%), diikuti oleh Perak (30.0%). Peratusan penduduk yang berhijrah dari luar bandar ke bandar bagi tempoh 2009—2010 pula adalah paling tinggi di negeri Perlis (55.8%), diikuti oleh Kedah (37.0%).



**1. Jadual 1: Taburan peratus migran dalam negeri dari luar bandar ke bandar mengikut negeri, 1991—1992 hingga 2002—2003 dan 2006—2007 hingga 2009—2010**

Negeri	1991	1992	1994	1995	1996	1997	Tempoh miarasi			2001	2002	2006	2007	2008	2009
	1992	1993	1995	1996	1997	1998	1998	1999	2000	2002	2003	2007	2008	2009	2010
							1999	2000	2001						
<b>Malaysia</b>	22.7	23.8	19.7	20.8	19.2	20.1	21.4	19.1	18.3	15.1	16.5	19.4	15.6	15.2	11.5
<b>Johor</b>	24.8	22.7	23.1	20.9	24.9	27.8	23.7	16.0	19.4	11.5	17.7	15.6	5.9	14.3	8.9
<b>Kedah</b>	24.9	23.9	20.5	8.8	13.4	11.0	20.5	18.6	21.2	10.6	6.2	18.4	19.4	16.4	37.0
<b>Kelantan</b>	18.4	44.2	22.0	17.1	24.3	29.6	18.8	34.2	26.9	20.2	27.0	47.0	14.4	15.7	8.6
<b>Melaka</b>	18.6	4.7	11.8	22.3	23.7	11.1	10.9	26.8	17.3	11.3	6.3	31.7	0.0	0.0	0.0
<b>Negeri Sembilan</b>	20.4	45.8	22.1	24.6	18.5	33.0	37.3	26.9	31.3	12.2	33.5	20.4	23.8	22.4	4.2
<b>Pahang</b>	26.9	17.5	8.2	21.7	18.1	28.2	31.8	21.6	15.1	21.0	20.9	30.1	4.0	12.3	4.9
<b>Perak</b>	30.0	30.4	12.7	22.6	14.7	33.2	16.4	23.4	17.1	10.8	12.5	14.8	34.7	10.3	16.4
<b>Perlis</b>	11.3	0.0	35.1	6.1	21.3	7.2	36.9	27.7	11.9	17.7	28.3	10.5	48.0	30.5	55.8
<b>Pulau Pinang</b>	9.4	9.1	19.1	30.3	9.9	9.1	5.2	8.2	1.7	1.8	1.6	1.9	0.4	3.1	3.0
<b>Sabah</b>	24.7	18.7	12.8	18.8	17.2	14.8	19.4	17.5	19.4	20.4	19.3	13.4	26.9	18.7	14.7
<b>Sarawak</b>	31.7	36.7	28.8	30.5	25.7	25.7	32.0	24.3	33.7	29.6	27.2	13.9	21.4	32.9	24.9
<b>Selangor</b>	14.7	12.1	19.7	15.7	14.5	20.8	19.0	15.1	2.0	0.0	1.4	25.0	0.0	0.0	0.0
<b>Terengganu</b>	15.8	8.5	27.1	13.5	8.7	14.2	10.7	17.7	29.0	22.1	26.9	19.3	20.7	24.6	16.2
<b>W.P. Labuan</b>	13.3	18.5	0.0	34.6	0.0	0.0	100.0	100.0	0.0	5.5	29.6	0.0	0.0	0.0	0.0

**2. Jadual 2: Taburan peratus migran antara negeri dari luar bandar ke bandar mengikut negeri, 1991—1992 hingga 2002—2003 dan 2006—2007 hingga 2009—2010**

Negeri	Temooh migrasi																
	1991	1992	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2006	2007	2008	2009	2009	2010
	1992	1993	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2007	2008	2009	2010	2010	2010
<b>Malaysia</b>	<b>18.4</b>	<b>20.6</b>	<b>17.1</b>	<b>16.0</b>	<b>16.8</b>	<b>15.1</b>	<b>15.4</b>	<b>15.6</b>	<b>11.9</b>	<b>8.3</b>	<b>11.0</b>	<b>6.8</b>	<b>5.7</b>	<b>5.2</b>	<b>4.7</b>		
Johor	19.0	28.5	13.9	16.2	26.7	24.9	18.6	23.3	16.8	20.9	38.7	20.6	35.8	7.3	13.8		
Kedah	15.6	30.6	12.8	1.2	4.7	14.8	6.5	13.6	6.9	4.0	1.9	9.1	4.0	9.9	4.3		
Kelantan	18.6	10.8	12.9	17.3	16.2	14.1	8.2	5.9	3.8	6.8	8.5	11.2	3.4	2.0	2.0		
Melaka	7.8	8.1	8.0	12.7	17.5	9.5	11.4	10.9	26.4	11.8	3.3	0.0	0.0	0.0	0.0		
Negeri Sembilan	21.9	25.8	21.5	21.1	18.6	17.2	26.1	21.2	16.2	11.6	19.8	11.4	7.6	14.7	4.2		
Pahang	18.1	5.5	8.7	14.1	10.4	11.0	3.9	15.4	11.3	7.7	12.1	0.8	0.3	3.7	1.2		
Perak	15.8	6.9	11.3	7.5	10.6	11.2	10.1	10.2	13.6	7.9	4.4	3.5	7.3	5.1	11.2		
Perlis	8.4	8.1	3.4	4.8	9.1	31.2	22.9	27.1	8.1	3.1	15.3	14.0	17.4	4.5	13.0		
Pulau Pinang	26.9	25.0	32.9	11.0	12.7	10.4	16.9	17.5	13.8	7.7	11.1	6.9	3.5	7.5	8.1		
Sabah	5.3	16.8	25.6	10.7	9.0	6.7	5.9	12.1	9.6	7.4	7.1	0.0	10.1	0.0	0.0		
Sarawak	16.1	4.2	2.3	13.6	6.6	1.0	2.4	0.0	3.9	4.4	4.2	1.4	5.7	2.7	0.0		
Selangor	20.0	17.2	17.8	21.0	20.8	19.6	26.5	16.9	8.9	5.8	6.9	0.0	0.0	0.0	0.0		
Terengganu	19.2	16.9	16.5	11.2	14.3	20.5	11.7	15.0	16.6	6.6	8.6	14.8	7.7	12.4	4.0		
W.P. Kuala Lumpur	22.1	40.8	34.2	24.6	26.4	7.7	4.9	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	
W.P. Labuan	28.7	9.3	7.2	15.1	35.0	11.8	16.3	50.0	26.7	23.1	21.5	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0	0.0	0.0	0.0	

Soalan No : 90

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** LISAN  
**DARIPADA** Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI  
**(SABAK BERNAM)**

**TARIKH** 15.06.2011

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [ SABAK BERNAM ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah Kerajaan bercadang mengekalkan Bayaran Imbuhan Subjek Penting (BISP) kepada guru-guru selepas dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) digantikan kepada Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan bersedia mendengar dan mengambil kira pandangan dari semua pihak yang berkepentingan dalam pelaksanaan sesuatu dasar. Langkah ini adalah perlu dalam memastikan kelancaran pelaksanaan sesuatu dasar dengan lebih berkesan. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) termasuk dalam komponen berubah dalam emolumen Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan diberikan selaras dengan pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). BISP diberikan kepada PPP yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Selaras dengan perubahan terhadap dasar PPSMI dan pelaksanaan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI), maka pemberian BISP juga sedang diteliti semula oleh KPM. Untuk tujuan tersebut juga, beberapa siri perbincangan telah diadakan oleh KPM termasuk dengan pihak Kesatuan Perkhidmatan Perguruan sebelum sebarang perubahan berhubung pemberian BISP ini dapat dimuktamadkan.

Rjm 28

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH : 15JUN2011

SOALAN :

TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA] minta PERDANA MENTERI menyatakan peratus kenaikan bilangan anggota penjawat awam termasuk polis, tentera, boma dari Mac 2010 hingga Mac 2011.

JAWAPAN: YB DATO' SERIMOHAMEDNAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan penjawat awam (termasuk polis, tentera dan boma) pada Mac 2010 ialah seramai 1,255,848 orang, manakala pada Mac 2011 jumlahnya telah meningkat kepada 1,308,939 orang iaitu peningkatan sebanyak 4.2%.

**NO SOALAN <^>**

Sekian, terima kasih.

**NO:92**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK BILLY ABIT  
JOO  
(HULU RAJANG)

TARIKH : 15.6.2011

SOALAN : 92

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah Kerajaan akan menyediakan bekalan air paip ke kawasan penempatan Penan di Long Urun dan juga membina jambatan besi di Long Laku. Juga apakah rancangan-rancangan pembangunan oleh Kerajaan untuk dua penempatan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian belum menerima permohonan bagi pelaksanaan kedua-dua projek tersebut. Namun begitu, Kementerian akan menyenaraikan pelaksanaan projek ini di dalam Rolling Plan Kedua RMKe-10 (2013-2015) untuk pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN NO SOALAN : 93  
DARIPADA DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]  
TARIKH 15 JUN 2011

## **SOALAN:**

**DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelajar yang menerima basiswa JPA untuk mengikuti kursus di luar negara mengikut kaum dan kursus.**

**JAWAPAN:** **YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**NO SOALAN : 93**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2008 hingga 2010, jumlah pelajar yang ditawarkan berasrama JPA di bawah Program Ijazah Luar Negara (PILN) mengikut pecahan kaum dan bidang pengajian adalah seperti berikut:

<b>JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI LUAR NEGARA DARI TAHUN 2008 HINGGA 2010 MENGIKUT KAUM</b>			
<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN BUMIPUTERA</b>	<b>BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
2008	1,100	900	2,000
2009	1,176	924	2,100
2010	971	779	1,750

NO SOALAN : 93

JUMLAH PELAJAR YANG DI' DI LUAR NEGARA DARI T; MENGIKU1		FAWARKAN BIASISWA JPA ^HUN 2008 HINGGA 2010 BIDANG		
BIDANG		2008	2009	2010
PERUBATAN (PERUBATAN, FARMASI DAN PERGIGIAN)		876	882	1,082
SAINS DAN TEKNOLOGI		903	933	588
SASTERA DAN SAINS SOSIAL		221	285	80
JUMLAH		2,000	2,100	1,750

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 94

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

DARIPADA	PE RTA NY AA N	LISAN
TARIKH		Y.B. DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH AHMAD (KANGAR)
		15.06.2011

**SOALAN:**

Y.B. DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH AHMAD [ KANGAR ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah yang telah terjadi kepada kelulusan yang telah lama diberi untuk membina sebuah sekolah sukan di Negeri Perlis kerana sehingga kini tidak ternampak sebarang perkembangan berlaku, sedangkan proses pengambilan tanah bagi membina sekolah tersebut telahpun selesai dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yakin dengan pelaksanaan dasar IMurid 1 Sukan, pembangunan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani dan intelektual akan lebih mudah dibentuk, selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi tunggak penggubalan dasar pendidikan negara. Dasar ini dilaksanakan di semua sekolah seluruh negara. Manakala bagi memajukan sukan yang berprestasi tinggi serta menggilap potensi dan bakat ahli sukan yang masih di alam persekolahan, penubuhan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) diharap mampu menjana dan merealisasikan hasrat ini. Sehingga kini terdapat 2 buah SSM yang sedang beroperasi iaitu SSM Bukit Jalil dan SSM Tungku Mahkota

Ismail (dahulunya dikenali sebagai SSM Bandar Penawar).

Soalan No : 96

KPM kini sedang merancang peluasan SSM di kawasan utara Semenanjung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek bagi membina sebuah Sekolah Sukan Malaysia (Perlis) telah pun mendapat kelulusan dengan peruntukan awal RMKe-10 berjumlah RM34 juta. Pada masa ini projek tersebut adalah di peringkat penyediaan dokumen tender oleh pihak Juruperunding yang telah dilantik.

Rjm 29

**SOALAN NO:**

**95 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI  
KESIHATAN MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA :</b>	<b>TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG, [SIBUTI]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15 JUN 2011</b>
<b>SOALAN</b>	

**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk membuka perkhidmatan klinik pergigian di kawasan Pariimen Sibuti iaitu Klinik Batu Niah dan Klinik Bekenu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kerana mencadangkan supaya perkhidmatan pergigian disediakan untuk rakyat di kawasan Sibuti. Ini menunjukkan keprihatinan YB dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat kawasan Sibuti. Pada masa ini, Klinik Batu Niah dan Klinik Bekenu tidak mempunyai klinik pergigian.

Walaupun tidak terdapat perkhidmatan pergigian sepenuh masa di Sibuti, oleh kerana beberapa faktor terutama kekurangan tenaga manusia dan fasiliti, penyampaian perkhidmatan pergigian telah disediakan untuk murid sekolah di daerah Subis melalui pasukan pergigian bergerak. Namun begitu, usaha-usaha telah pun diambil untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan pergigian kepada rakyat di kawasan Sibuti.

Antara usaha-usaha tersebut adalah:

1. Menyediakan perkhidmatan pergigian kepada murid sekolah rendah di daerah Subis. Sehingga kini, jumlah sekolah rendah yang dilawati adalah berjumlah 43 buah sekolah di daerah Subis. Pada tahun 2010, seramai 4,554 orang murid sekolah telah menerima rawatan pergigian. Perancangan untuk menyediakan perkhidmatan pergigian untuk 5 buah sekolah menengah di daerah Subis akan laksanakan mengikut kemampuan.
2. Perkhidmatan pergigian yang paling dekat terdapat di Klinik Pergigian Miri yang terletak 63 km dari Bekenu dan 78 km dari Batu Niah.
3. Perancangan jangka pendek adalah untuk menyediakan perkhidmatan pergigian di Klinik Kesihatan Batu Niah dan Klinik Kesihatan Bekenu secara lawatan sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh Pasukan Pergigian Bergerak mengikut kemampuan. Sebagai perancangan jangka panjang, pembinaan klinik pergigian akan diusahakan untuk Batu Niah dan Bekenu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan amat prihatin diatas kesedaran rakyat yang meningkat mengenai pentingnya kesihatan pergigian. Kementerian Kesihatan berhasrat untuk mencari lokasi yang lebih strategik untuk membina Klinik Kesihatan baru yang mempunyai komponen klinik pergigian bagi menampung keperluan penduduk di Bekenu yang kian bertambah. (Sumber dari <http://theborneopost.com> 7<sup>th</sup> April 2011 New, bigger clinic for Bekenu).

Walau bagaimanapun, pada masa ini usaha akan diambil untuk memberi

perkhidmatan pergigian melalui pasukan pergigian bergerak secara berkala kepada penduduk di kawasan Sibuti.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA :Y.B. TUAN TENG BOON SOON

[TEBRAU]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH :15/06/2011

**SOALAN**

**Y.B. TUAN TENG BOON SOON [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sanggup mengembalikan pelaksanaan "Real Property Gains Tax Act 1976 (Act 169) untuk menyekat kegiatan spekulasi dari luar dan dalam negeri yang menyebabkan peningkatan harga rumah berterusan dan kerisauan rakyat penduduk bandar kerana tidak mampu membeli rumah di kawasan bandar.

**JAWAPAN DILULUSKAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin untuk membendung spekulasi dalam bidang harta tanah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengkaji semula pengecualian daripada Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang telah berkuat kuasa mulai 1 April 2007. Layanan pengecualian CKHT tersebut adalah pada asasnya untuk merangsang pembangunan sektor harta tanah di awal pemuliharaan ekonomi. Berikutan kajian tersebut, pengumuman dalam Bajet 2010 telah menamatkan pengecualian CKHT ke atas keuntungan yang diperoleh daripada semua harta tanah dengan mengenakan CKHT pada kadar tetap 5% mulai 1 Januari 2010. Namun begitu, Kementerian Kewangan telah menerima banyak permohonan daripada pelbagai pihak supaya keputusan tersebut dikaji semula. Ini termasuklah ke arah mengekalkan layanan pengecualian CKHT ke atas keuntungan yang diperoleh

NO SOALAN :97

daripada pelupusan harta tanah oleh mana-mana individu selepas tempoh 5 tahun dari

tarikh perolehan harta tanah.

Setelah mengadakan kajian yang mendalam dan mengambil kira kedudukan semasa pembangunan harta tanah di negara ini yang masih perlu dipergiatkan lagi, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya pengecualian CKHT bagi pelupusan selepas tempoh 5 tahun dari tarikh perolehan harta tanah dikekalkan kepada syarikat dan individu. Kementerian Kewangan juga percaya pengenaan CKHT pada kadar 5% bagi pelupusan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perolehan adalah bersesuaian pada masa ini untuk terus membantu pembangunan jangka panjang dalam sektor harta tanah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**

**[ PADANG TERAP ]**

**TARIKH 15 JUN2011 (RABU)**

**SOALAN**

Y.B. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) rasional pelancaran projek RAPID (*Refinery and Petrochemical Integrated Development*) yang akan dibangunkan oleh Petronas di Pengerang, Johor dengan anggaran kos sebanyak RM60 bilion; dan
- (b) mengapa projek ini tidak dibangunkan di negeri-negeri yang sudah mempunyai prasarana petroleum dan petrokimia seperti Terengganu, Kelantan, Sabah atau Sarawak.

**JAWAPAN**

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek RAPID adalah satu projek yang telah dikenalpasti di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP) yang diterajui oleh *Performance Management & Delivery Unit* (PEMANDU). Projek ini yang akan dibangunkan oleh PETRONAS dijangka menelan belanja sebanyak kira-kira USD20 bilion atau RM60 bilion. Buat masa ini PETRONAS masih lagi menjalankan *feasibility study* mengenai keputusan bagi membangunkan projek tersebut. Kajian ini dijangka akan siap pada akhir tahun 2011.

Projek RAPID, melibatkan pembinaan loji penapisan minyak dengan kapasiti untuk memproses minyak mentah sebanyak 300,000 tong sehari dan komplek *petrochemical*. Di samping itu terminal LNG *Regasification* juga akan dibina bukan sahaja untuk memenuhi keperluan projek RAPID malah dapat mempelbagaikan sumber bekalan gas dalam memenuhi permintaan gas di Semenanjung Malaysia bagi tempoh masa akan datang. Projek RAPID dijangka beroperasi pada akhir tahun 2016 dan dapat menarik pelaburan daripada syarikat-syarikat antarabangsa dalam bentuk *partnership* bagi mempelajari kepakaran-kepakaran teknologi yang ada pada mereka.

Di samping itu, projek RAPID juga merupakan pelengkap kepada pelan pembinaan terminal *independent deepwaterpetroleum* yang dianggarkan bernilai RM5 bilion di Pengerang, Johor, ia juga merupakan terminal *deepwater* yang pertama di Asia Tenggara. Terminal ini mempunyai kemudahan-kemudahan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti seperti *handling*, *storing*, *blending* serta pengagihan dan pemasaran minyak mentah dan produk petroleum dengan keupayaan mengendalikan kargo-kargo besar atau *very large crude carriers* (VLCC).

Lokasi Pengerang yang strategik dan mempunyai kedalaman pantai yang lebih dari 20 meter merupakan salah satu faktor mengapa Pengerang dipilih bagi tujuan pembangunan projek tersebut. Pembangunan projek seumpama ini akan membawa kepada pembangunan yang pesat bagi kawasan Johor selatan yang membangun hasil daripada kegiatan sektor minyak dan gas.



NO. SOALAN: 97

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**TARIKH**

**15 JUN 2011 [ RABU ]**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI  
SAMSURI [ BAGAN SERAI ]**

**SOALAN :**

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pakej Umrah dan Haji penerbangan MAS terutamanya ruang tempat duduk yang sempit.

**JAWAPAN :**

**(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'  
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Lembaga Tabung Haji (*TH*) tidak bertanggungjawab terhadap pengurusan pakej umrah, sebaliknya ia adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan Malaysia yang mengeluarkan lesen

Perniagaan Pelancongan dan Agensi Pengembaraan dibawah Akta Industri Pelancongan 1992 kepada syarikat-syarikat yang menyediakan pakej umrah. Manakala perkhidmatan pakej hajii pula disediakan oleh Agensi Pelancongan

yang diluluskan Lesen Pengelola Jemaah Haji oleh *TH*.

Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pakej haji, *TH* menyediakan Pasukan Pemantau yang memantau dan mengawasi perkhidmatan yang diberikan oleh Pengelola Jemaah Haji kepada jemaah haji masing-masing semasa mereka beroperasi di Tanah Air dan di Tanah Suci. Selepas tamat musim haji, Pasukan Pemantau akan menyediakan laporan untuk dinilai oleh Jawatankuasa Penilai Pengelola Jemaah Haji dan Jawatankuasa Urusan Haji.

Jika terdapat mana-mana Pengelola Jemaah Haji yang gagal menyediakan perkhidmatan seperti yang dijanjikan, *TH* akan mengambil tindakan ke atas Pengelola Jemaah Haji yang berkenaan. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah amaran, denda, atau tidak dilesenkan semula bagi tempoh tidak kurang dari 3 musim haji yang berikutnya.

Mengenai isu ruang tempat duduk penerbangan MAS yang sempit pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempat duduk yang disediakan oleh pihak MAS adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA).

Pilihan jenis tempat duduk sama ada kelas perniagaan (*Business Class*) atau kelas ekonomi (*Economy Class*) adalah bergantung kepada jemaah yang ingin menunaikan umrah di Tanah Suci. Manakala bagi penerbangan carter haji yang dilaksanakan oleh MAS, *TH* mengguna pakai piawaian DCA dalam menentukan kepatuhan kepada piawaian industri penerbangan.

Jika ada tempat duduk yang tidak mencapai piawaian yang telah ditetapkan maka tempat duduk tersebut tidak akan digunakan untuk menempatkan

jemaah haji. Pihak DCA akan membuat pemeriksaan pra-operasi ke atas setiap pesawat yang akan digunakan sebelum operasi penerbangan bermula. DCA juga sekali lagi akan membuat pemeriksaan pemantauan, semasa operasi penerbangan berjalan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 99**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**

**TARIKH: 15 JUN 2010**

**SOALAN:**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan atas alasan apakah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) meluluskan pinjaman sebanyak RM 145.4 juta tahun 2009 sedangkan Kerajaan hanya meluluskan RM90 juta sahaja.**

**PR-1242-L44780**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran telah diwujudkan pada tahun 2001, dan telah diperbadankan pada tahun 2006 melalui Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004. Perbadanan Tabung

Pembangunan Kemahiran (PTPK) diwujudkan bagi membantu pelatih latihan kemahiran mengikuti latihan di 296 Penyedia Latihan yang berdaftar dengan PTPK. Mereka ini akan



mengikuti kursus Persijilan Kemahiran Malaysia Tahap 1 hingga 5 yang meliputi 12 kemahiran.

2. Berdasarkan unjuran dan kapasiti Penyedia Latihan, sekurang-kurangnya sebanyak RM350 juta adalah diperlukan oleh 296 Penyedia Latihan berdaftar dengan PTPK untuk membiayai 25,000 pelatih latihan kemahiran setiap tahun khususnya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Tuan Yang Di Pertua,

3. Pada tahun 2009, peruntukan yang diluluskan Kerajaan sebanyak RM90 juta adalah tidak mencukupi dan peruntukan ini hanya dapat menampung 7,000 pelatih daripada jumlah keseluruhan pelatih yang diunjurkan. Oleh itu, PTPK telah meluluskan penggunaan dana pusingan (Pungutan Bayaran Balik) bagi menampung sebahagian keperluan tersebut iaitu sebanyak RM55.4 juta sebagai memberi peluang kepada 12,205 pelatih. ( iaitu 50% daripada unjuran untuk meneruskan latihan kemahiran yang diikuti pada tahun 2009).

Tuan Yang Di Pertua,

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, dana pusingan tidak mampu menampung keperluan pembiayaan kepada pelatih yang meningkat setiap tahun disebabkan oleh pungutun bayaran balik yang masih rendah. Oleh itu, Kementerian masih memerlukan peruntukan tahunan daripada Kerajaan untuk menampung keperluan

bagi melahirkan pekerja mahir negara.

NO. SOALAN : 100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' DR MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (
	LIPIS)
TARIKH	15.06.2011 (RABU )

DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN ( LIPIS ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan adakah Kementerian di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mempunyai perancangan bagi membantu kira-kira 8,000 koperasi di seluruh negara memperluaskan jaringan pasaran produk ke luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mempunyai perancangan bagi membantu kira-kira 8,146 koperasi di seluruh negara memperluaskan jaringan pasaran produk ke luar negara.

Jalinan kerjasama dengan negara-negara ASEAN telah diadakan dan MOU dengan Indonesia, Brunei, Vietnam dan Thailand akan ditandatangani. Antara perkara yang dipersetujui dalam MOU tersebut ialah perdagangan dua hala bagi produk dan perkhidmatan kedua-dua negara.

Perbincangan dengan NTUC FairPrice Co-operative Ltd. Singapura telah diadakan untuk membolehkan koperasi Malaysia membekalkan barang ke lebih 100 hypermarket/supermarket milik koperasi tersebut di Singapura manakala perancangan lawatan ke Indonesia bagi melawat Koperasi Keluarga Guru Jakarta akan diadakan.

Selain daripada itu, koperasi-koperasi yang mempunyai produk sendiri telah dibawa untuk lawatan kerjasama ke luar negara dan mengambil bahagian dalam ekspo-eksposi di luar negara.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL**

**(LABUAN)**

**TARIKH 15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ] minta MENTERI**

**SOALAN NO. 101**

**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan pencapaian Program NKRA-LIH sejak ia diperkenalkan dan impak program tersebut di Sabah dan Labuan khususnya dalam meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Program Transformasi Kerajaan, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pada 27 Julai 2009. Salah satu NKRA tersebut adalah Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Sehubungan itu, pada tahun 2010, empat (4) sub NKRA telah ditetapkan di bawah NKRA LIH bagi mengukur pencapaian dan memperkemaskan pemantauan inisiatif NKRA. Empat sub NKRA LIH tersebut adalah:

- a) membasmi 44,643 isi rumah miskin tegar di bawah sistem eKasih;
- b) mengurangkan bilangan kemiskinan sebanyak 46,000 kes;
- c) melatih dan membangunkan 2,000 orang usahawan wanita dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia; dan
- d) meningkatkan kadar pemilikan dan penyewaan rumah kepada 50% di kalangan rakyat berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Pencapaian sehingga 31 Disember 2010 mencatatkan 44,535 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar daripada 44,643 KIR telah berjaya dibasmi. Daripada jumlah tersebut, 14,890 KIR adalah bagi Negeri Sabah manakala 69 KIR bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Seterusnya, 2,000 usahawan wanita telah berjaya dilatih dan dibangunkan dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,500 ke atas. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 188 usahawan wanita daripada Sabah dan 1 usahawan wanita daripada Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi sub NKRA yang keempat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berjaya menawarkan 55,864 (91 peratus) daripada 61,136 unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN) untuk disewa kepada golongan berpendapatan rendah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11,031 unit rumah adalah di Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara program lain di bawah NKRA yang memberi fokus kepada peningkatan pendapatan adalah Program 1AZAM. Program 1AZAM ditawarkan kepada golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar di

bawah sistem eKasih. Program 1AZAM terdiri daripada empat (4) projek iaitu AZAM Tani, AZAM Kerja, AZAM Niaga dan AZAM Khidmat. Sehingga 15 Mei 2011, sejumlah 14,864 KIR yang berdaftar di bawah sistem ekasih telah menyertai Program 1AZAM. Pencapaian ini adalah hasil daripada kerjasama bersama Agensi Pelaksana bagi setiap AZAM iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi AZAM Tani, Kementerian Sumber Manusia bagi AZAM Kerja, Amanah Ikhtiar Malaysia bagi AZAM Niaga dan Khidmat. Daripada jumlah tersebut, Negeri Sabah telah mencatatkan sejumlah 3,535 KIR yang menyertai Program 1AZAM di bawah pemantauan Kerajaan Negeri Sabah.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD**

**[PULAI]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15/06/2011**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMAD [ PULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kelebihan perlaksanaan dasar GST untuk rakyat.

**JAWAPAN DILULUSKAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, GST adalah merupakan satu sistem percukaian yang mempunyai banyak kelebihan dan ianya telah dibuktikan di mana lebih 140 buah negara di dunia ini telah melaksanakannya. Selain daripada itu, model GST yang dirancang untuk dilaksanakan di Malaysia juga telah mengambil kira kepentingan dan kebijakan setiap lapisan masyarakat.

2. Melalui pelaksanaan GST, rakyat akan menikmati kelebihan-kelebihan seperti berikut:-

- a) Kadar GST yang berpatutan berbanding kadar cukai kepenggunaan semasa. Pada masa ini, kadar cukai jualan adalah 5% dan cukai perkhidmatan adalah 6% atau 10%;
- b) Barang makanan asas seperti beras, tepung, gula, minyak masak, daging, telur, makanan laut dan banyak lagi tidak dikenakan GST. Ini termasuk juga kemudahan asas seperti perumahan, pendidikan, perubatan dan pengangkutan awam;
- c) GST mempunyai mekanisma yang membenarkan peniaga yang

berdaftar menuntut kembali cukai GST yang dikenakan atas input dan ini menjadikan kos menjalankan peniagaan adalah rendah. Secara tidak langsung penjimatan yang diperolehi oleh peniaga akan dinikmati oleh pengguna di dalam bentuk harga barang dan perkhidmatan yang lebih rendah; dan GST adalah sistem yang telus berbanding dengan sistem cukai jualan sedia ada kerana pengguna boleh mengetahui secara terus sama ada barang yang hendak dibeli dikenakan cukai atau tidak serta amaun yang perlu dibayar.

**NO SOALAN : 103**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ]</b>
<b>TARIKH</b>	
<b>SOALAN</b>	<b>15 JUN 2011</b>

Dato' Sri Ong Tee Keat [ Pandan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat mana kelemahan dan penyelewengan yang dihuraikan dalam Laporan Ketua Pengarah Audit (*Auditor General's Report*) berjaya menebus kembali wang pembaziran yang terbabit sejak tahun 2008. Apakah tindakan susulan yang diambil terhadap kementerian atau pegawai berkenaan di samping perlunya mereka memberi penjelasan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua, Jabatan Audit Negara tidak ada rekod mengenai jumlah keseluruhan yang telah ditebus kembali, Sungguhpun demikian bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009, antara maklumat yang diperolehi daripada siasatan Kementerian, sejumlah RM3.99 juta telah diperolehi melibat 5 kes di 3 Kementerian.

**SOALAN NO: 104**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA:** Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

**TARIKH:** 15JUN2010

**SOALAN:**

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pengangguran setakat 1 Mei 2011 dan perancangan masa depan Kementerian untuk menyediakan peluang pekerjaan pada pelajar lepasan sekolah.

PR-1242-L44365

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut data Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penganggur bagi suku pertama tahun 2011 adalah seramai 381,300 orang atau 3.1%. Kadar ini menunjukkan penurunan jika dibandingkan 3.4% pada tahun 2010 dan 3.7% pada tahun 2009.

2. Jumlah penganggur di kalangan lepasan sekolah pada suku pertama tahun 2011 adalah berjumlah 220,500 orang iaitu 57.83% daripada keseluruhan penganggur.

3. Kementerian menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran menyediakan perancangan bagi golongan pelajar lepasan sekolah dengan menyediakan latihan kemahiran sebagai persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan, antaranya adalah seperti berikut:

**a. Program Latihan Kemahiran**

i. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh,

Kerajaan telah menggariskan perancangan untuk memusatkan pembangunan tenaga mahir dengan mengarusperdanakan dan memperluas akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- menambahbaik persepsi terhadap Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT) dan menarik minat lebih ramai pelajar;
- membangunkan tenaga pengajar TEVT yang lebih efektif;
- mempertingkat dan mengharmonikan kualiti kurikulum TEVT selaras dengan keperluan industri; dan
- memperkemas penyampaian TEVT

ii. Bagi meningkatkan kebolehkerjaan, pelajar lepasan sekolah boleh mengikuti latihan dalam bidang pendidikan vokasional dan latihan kemahiran (TEVT). Sehingga 13 Jun

2011, terdapat 964 Pusat Bertauliah (PB) yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM). Daripada jumlah tersebut, 345 PB adalah daripada agensi Kerajaan dan 619 adalah daripada agensi swasta, industri dan persatuan. Program yang dijalankan di agensi-agensi latihan kemahiran ini merangkumi pelbagai sektor industri seperti pembuatan, perkhidmatan, pertanian dan lain-lain.

Bil	Institut Latihan	Bilangan Institut
1	Kerajaan	345
2.	Swasta	598
3.	Industri	20
4.	Persatuan	1
Jumlah		964

Statistik bilangan Institut latihan di Malaysia

4. Kementerian juga melalui Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mengatasi masalah pengangguran dikalangan lepasan sekolah iaitu :

a. **Peluang Mendapatkan Pekerjaan**

i. **Azam Kerja menerusi Program 3P**

Bagi tahun 2011 Kementerian Sumber Manusia telah diperuntukkan sebanyak RM 3 Juta untuk mengendalikan program 3P Azam Kerja. Sebanyak 178 program telah dirancang dan sehingga sekarang sebanyak 38 Program 3P telah diadakan dan telah berjaya menempatkan 24,878 orang pencari kerja. Sehingga 31 Disember2011

dijangka 120,000 akan berjaya ditempatkan.

### **ii. Pengwujudan Client Account**

Pengwujudan Client Account iaitu majikan terpilih dibantu dan diberi pengawasan seorang pegawai Jabatan Tenaga Kerja untuk membantu mereka mendapatkan pekerja.

### **iii. JobsMalaysia Centre (JMC) & Jobsmalaysia Point (JMP)**

Sebanyak 12 JMC dan 99 JMP telah diwujudkan bagi membantu pencari kerja mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan dan ini membolehkan pihak majikan mendapatkan calon-calon pekerjanya. Pada masa sekarang, terdapat 12 JMC yang terletak di Cyberjaya, Pelabuhan Klang, Kelana Jaya, Sungai Petani, Georgetown, Ipoh, Segamat, Johor Bahru,

Kuala Terengganu, Kota Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu. Manakala 99 JMP pula terletak di semua Pejabat Tenaga Kerja dan Institut Latihan di bawah KSM.

## **V. Kerja Separa Masa**

Bagi menggalakkan pelajar lepasan sekolah bekerja secara separa masa, Kerajaan telah memperuntukan Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 bagi menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak. Pekerja-pekerja yang bekerja separa masa diberi perlindungan dan faedah pekerjaan yang sewajarnya.

5. Melalui Jabatan Tenaga Manusia, di bawah Program Latihan 1Malaysia, anggaran seramai 3,488 pencari kerja akan dilatih melalui Kursus Modular, Kursus *Customised*, Kursus dari Badan Profesional, dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) akan diberi kepada pelatih setelah menghadiri kursus secara jangka pendek / separuh masa / hujung minggu bagi memberi kemahiran untuk memudahkan mendapat pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Pembangunan Sumber Manusia Berhad juga melaksanakan Skim Perantisan untuk lepasan sekolah seperti berikut:-

- (i) Skim Perantisan Mekatronik
- (ii) Skim Perantisan Industri Perhotelan
- (iii) Skim Perantisan Acuan Suntikan Plastik
- (iv) Skim Perantisan Pembuatan Perkakasan (Acuan)
- (v) Skim Perantisan Pembuatan Perkakasan (Alat Tekan)
- (vi) Skim Perantisan Industri Berasaskan Kayu (Perabot)
- (vii) Skim Perantisan Operator Pengangkutan Multimodal
- (viii) Skim Perantisan Juruteknik Industri Mesin Jahit

7. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, melalui program - program dibawah *National Key Economic Area* (NKEA) pula, terdapat 3.3 juta peluang pekerjaan akan diwujudkan iaitu dalam 12 bidang keberhasilan ekonomi utama yakni dalam sektor minyak dan gas, minyak sawit dan produk berkaitan, perkhidmatan kewangan, runcit

dan borong, pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pendidikan, elektrik dan elektronik, perkhidmatan perniagaan, penjagaan kesihatan swasta, pertanian dan pembangunan *Greater Kuala Lumpur* menjelang tahun 2020.

NO. AUP : IoT

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]

TARIKH : 15 JUN 2011

RUJUKAN : 3688

### SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat manakah pemantauan pihak berkuasa terhadap akhbar-akhbar yang menyiaran berita berkaitan artikel yang menyentuh isu-isu sensitif.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Paya Besar yang mengemukakan soalan.

Semua penerbitan yang diluluskan permit penerbitan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah tertakluk kepada Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian iaitu, tidak menyiaran bahan-bahan penerbitan yang:

- a. memudaratkan ketenteraman awam;
- b. memudaratkan kemoralan;
- c. memudaratkan keselamatan;
- d. menggemparkan fikiran orang ramai;
- e. berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
- f. memudaratkan kepentingan awam; atau
- g. memudaratkan kepentingan negara.

Namun demikian, jika mana-mana penerbitan, didapati menyiaran berita atau artikel yang menyentuh isu-isu sensitif, Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan Akta berkenaan.

Antara tindakan yang boleh diambil terhadap penerbitan yang berbuat demikian ialah:

- a) Memberi nasihat, teguran dan amaran bertulis;

- b) Memberi surat tunjuk sebab;
- c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA :**Y.B. DATO<sup>1</sup> IBRAHIM BIN ALI**

[PASIR MAS]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH :**15/06/2011**

**SOALAN**

**Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana dakwaan Kastam Diraja Malaysia bahawa Kastam hanya rugi RM 2.2 bilion daripada RM10 bilion duti import yang dikutip setiap tahun. Ianya bertentangan dengan laporan sesetengah media yang melaporkan akibat kelemahan, ketirisan dan rasuah dalam KDRM, Kerajaan kerugian RM108 bilion.

**JAWAPAN DILULUSKAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, laporan yang menyatakan bahawa Kerajaan kerugian RM108 bilion akibat kelemahan, ketirisan dan rasuah dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah tidak tepat kerana jumlah tersebut merupakan anggaran kehilangan pendapatan negara yang disebabkan oleh kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 yang di dalamnya termasuk juga kesalahan di bawah Akta Kastam.**

**Kerugian RM2.2 bilion adalah merupakan jurang cukai (*tax gap*) di antara amaun cukai import yang dipungut dalam tahun 2010 iaitu sebanyak RM7.8 bilion dengan amaun yang seharusnya dipungut dalam tahun tersebut. Kiraan ini adalah berdasarkan kajian bahawa jurang cukai di kalangan negara-negara membangun adalah dianggarkan sebanyak 20% hingga 25%.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :****LISAN**

DARIPADA : PUAN CHONG ENG

[ BUKIT MERTAJAM - DAP ]

TARIKH : 15 JUN 2011 (RABU)

**Soalan:-**

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam - DAP ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan berapakah peruntukan telah dibelanjakan untuk membangunkan sukan bola sepak dalam negara untuk tempoh masa 20 tahun yang lalu dan apakah kesan dan prestasinya sukan tersebut.

**TAWAPAN**

1. Secara keseluruhannya, kira-kira RM569 juta telah dibelanjakan sejak tahun 1984 hingga tahun 2010 (26 tahun) yang merangkumi perbelanjaan pembangunan bola sepak di negeri-negeri dan penganjuran liga di semua peringkat umur termasuk Liga Malaysia serta persiapan skuad kebangsaan dari segi latihan dan pertandingan dalam dan luar negara.
2. Hasil dari pelaburan tersebut, kita dapat lihat bahawa mutu dan kualiti sukan bola sepak negara semakin meningkat. Umpamanya pasukan bawah 23 tahun kebangsaan telah menjadi juara di temasya Sukan SEA 2009 di Vientiane, Laos serta mencipta sejarah baru bola sepak negara di Sukan Asia apabila layak ke pusingan kedua temasya Sukan Asia Guangzhou 2010. Kali terakhir pasukan negara layak ke pusingan kedua adalah pada temasya Sukan Asia 1978 di Bangkok, Thailand. Pasukan bola sepak negara kita juga berjaya menjuarai Kejohanan Piala AFF Suzuki 2010 yang sekali gus dinobatkan sebagai juara baru di rantau Asia Tenggara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
SOALAN NO: 108**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA                  TUAN AMRAN BIN AB GHANI**

**[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH                  15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapakah kedudukan Malaysia jatuh 10 anak tangga kepada 141 dalam Indeks Kebebasan Akhbar Dunia 2010.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kajian ‘*Press Freedom Index*’ adalah berdasarkan kepada nilai-nilai kebebasan akhbar yang wujud dan ianya adalah amat berbeza jika dibandingkan nilai kebebasan media antara satu negara dengan yang lain. Nilai kebebasan media di Malaysia adalah bersesuaian dengan peraturan serta perundangan yang diamalkan di negara ini dan sosiobudaya rakyatnya.

Persepsi pihak-pihak luaran berbeda-beda dari semasa ke semasa. Indeks yang Yang Berhormat sebutkan itu adalah dalam pemerhatian Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian ini.

Sebagai bukti bahawa sifat liberal dan pematuhan hak-hak asasi bersuara terlaksana dengan baik, semua parti pembangkang di Malaysia bebas menerbitkan akhbar masing-masing. Pengguna internet melebihi 17 juta orang di negara ini dan pengguna *Facebook* adalah yang paling ramai di negara ini mengikut nisbah pengguna dan bilangan penduduk. Ini semua mencerminkan tahap kebebasan bersuara di negara ini

#### **MAKLUMAT TAMBAHAN**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**PERTANYAAN                    DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**DARIPADA                    LISAN**

**MOHAMED**

**KAWASAN                    Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN**

**SEPANG**

**TARIKH NO.                15.06.11 (RABU) 109**

**SOALAN**

**Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah bentuk dasar yang akan diguna pakai Kerajaan setelah dasar Approve Permit (AP) pengimportan kenderaan luar dihapuskan menjelang 2015.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kaiian Semula Dasar Automotif Nasional yang diumumkan pada 28 Oktober 2009 memutuskan dasar AP bagi pengimportan kenderaan terpakai akan dimansuhkan menjelang 31 Disember 2015. Selaras dengan keputusan tersebut, pengimportan kenderaan terpakai tidak dibenarkan berkuat kuasa 1 Januari 2016.**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Dalam usaha memastikan svarikat-svarikat AP Terbuka bersedia menghadapi kesan daripada pemansuhan tersebut, beberapa inisiatif telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu svarikat-svarikat beralih ke sektor perniagaan yang lain. Di antara inisiatif yang telah diambil termasuk:**

- (i) merangka pelan pembangunan Bumiputera dalam sektor automotif bagi membantu syarikat-syarikat Bumiputera membuat persediaan dalam menghadapi**

**cabaran pada masa hadapan serta memastikan  
penvertaan Bumiputera yang berterusan dalam sektor  
automotif: dan**

- (ii) **menubuhkan Dana Automotif Bumiputera untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menjalankan program-program di bawah Pelan Pembangunan Bumiputera yang telah dikenal pasti. Sumber dana akan diperolehi daripada sebahagian hasil kutipan fi sebanyak RM10,000 kepada setiap unit AP yang dikeluarkan kepada pemegang AP Terbuka. Antara program yang dikenalpasti dan boleh dilaksanakan di dalam Pelan Pembangunan Bumiputera adalah piniaman mudah untuk dijadikan modal kerja bagi sektor automotif.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN HEE LOY SIAN

[ PETALING JAYA SELATAN ]

**TARIKH** 15 JUN 2011

**RUJUKAN** 3690

**SOALAN:**

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa Kementerian tidak mengambil langkah untuk menghadapkan tiga orang "Datuk T" iaitu Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Datuk Shazryl Eskay Abdullah dan Datuk Shuib Lazim setelah mereka mengakui terlibat menayangkan video lucah di Hotel Carcosa, Kuala Lumpur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Batu bertarikh 21 Jun 2011 soalan

nombor 15, Yang Berhormat Seremban bertarikh 21 Jun 2011 soalan nombor 43 dan Yang Berhormat Puchong bertarikh 23 Jun 2011 soalan nombor 19 kerana pertanyaan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius dan mengambil maklum tentang perkara tersebut dan pihak PDRM telah menerima laporan dan telah menjalankan siasatan. Buat masa kini, pihak PDRM sedang membuat siasatan lanjut berhubung isu ini dan penyiasatan mengambil kira segala sudut aspek undang-undang negara yang sedia ada dan tidak ada imuniti diberi kepada sesiapa. Hasil siasatan akan mengambil masa untuk dilengkapkan memandangkan arahan untuk mengemaskini kertas siasatan masih diterima dari pihak Pejabat peguam Negara.

Manakala, bagi mengesahkan ketulenan video berkenaan pihak polis telah menggunakan khidmat agensi tempatan dan luar negara seperti Siber Sekuriti Malaysia dan pakar luar negara daripada Amerika Syarikat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, ingin saya tegaskan bahawa tiada imuniti akan diberikan kepada mana-mana pihak dalam kes ini kerana pihak polis menjalankan siasatan dengan telus dan penuh integriti. Kementerian memandang serius berhubung perkara ini dan sekiranya ada pegawai yang melanggar peraturan dan undang-undang negara, Kementerian akan mengambil tindakan tegas dan sewajarnya.

NO. SOALAN : 111

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA LISAN  
TARIKH TUAN LIANG TECK MENG ( SIMPANG RENGGAM )  
15.06.2011 ( RABU )

TUAN LIANG TECK MENG ( SIMPANG RENGGAM ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah tindakan diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah membuat kenyataan yang tidak berasas seperti penjualan telur palsu di pasaran Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Isu mengenai telur ayam yang disyaki tiruan telah dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan pada 6 April 2011 berikutan kenyataan media yang dibuat oleh pihak Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP). Asas laporan tersebut ialah keanehan yang terdapat pada fizikal telur ayam yang diadukan,

antaranya permukaan telur yang tidak rata, bentuk telur yang agak besar dan tidak sekata bentuk bulat dan bujurnya.

NO. SOALAN : 113

Kementerian ini telah menjalankan siasatan ke atas aduan ini dan hasil analisis yang dijalankan oleh pihak Jabatan Veterinar dan Jabatan Kimia Malaysia, telur-telur tersebut adalah sebenarnya telur asli.

Kementerian tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap pihak yang telah membuat kenyataan berkenaan telur tiruan tersebut kerana mempercayai aduan dibuat secara ikhlas, tanpa niat demi untuk keselamatan pengguna.

**SOALAN NO : 112**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI  
[ TITIWANGSA ]**

**TARIKH 15 JUN 2011**

**SOALAN**

Dr. Lo' Lo' Binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar rakyat Malaysia dihidangkan dengan minuman kordial yang tiada khasiat dan hanya terdiri daripada kandungan gula yang tinggi, pewarna, perasa dan bahan awet yang boleh mengakibatkan kegagalan buah pinggang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan mengambil maklum bahawa terdapat minuman sedia diminum di pasaran yang mempunyai kandungan gula yang tinggi. Berdasarkan Peraturan 18B (4), Peraturan-Peraturan Makanan 1985, kandungan gula adalah wajib diisythiharkan bagi minuman sedia diminum termasuklah minuman berkarbonat. Gula yang dinyatakan dalam peraturan ini adalah merujuk kepada semua monosakarida dan disakarida yang terkandung dalam makanan tersebut samada secara asli ataupun ditambah. Melalui peraturan yang telah dikuatkuasakan ini, pengguna boleh menyemak kandungan gula dalam sesuatu produk minuman sedia diminum berdasarkan amaun yang diisythiharkan pada label.

## I

Bagi menggalakkan pihak industri mengeluarkan produk-produk minuman yang rendah atau bebas kandungan gula, Peraturan 18C iaitu peraturan berhubung akuan kandungan nutrien termasuk bagi akuan “rendah gula” dan “bebas gula” telah dikuatkuasakan. Pihak industri yang ingin membuat akuan “rendah gula” bagi sesuatu produk minuman sedia diminum perlu memastikan bahawa kandungan gula dalam minuman tersebut perlulah kurang daripada 2.5g bagi setiap 100ml, manakala bagi akuan “bebas gula”, kandungan gula dalam minuman tersebut perlulah kurang daripada 0.5g bagi setiap 100 ml. Kementerian percaya bahawa dengan pewartaan peraturan berhubung akuan kandungan nutrien seperti ini, pihak industri akan mengeluarkan lebih banyak produk yang “rendah gula” dan “bebas gula” di mana ini akan menjadi salah satu strategi pemasaran bagi mereka.

Selain itu, berdasarkan kepada Peraturan 354, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, minuman kordial boleh ditambah dengan bahan pengawet, bahan perisa dan kondisioner makanan yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, penambahan aditif tersebut mestilah mengikut tahap yang

dibenarkan berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan ianya perlu dilabelkan dengan penyataan mengenai penambahan bahan aditif tersebut.

Di pihak pengguna pula, pengisytiharan kandungan gula, akuan kandungan gula dan penyataan bahan aditif seperti yang dinyatakan di atas dapat memberi panduan kepada pengguna dalam membuat pilihan yang lebih baik dari segi kesihatan.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :**

**LISAN**

**TARIKH :**

**15 JUN 2011 (RABU)**

**DARIPADA :**

**TUAN DING KUONC HUNG  
[ SARIKEI ]**

**SOALAN**

**TUAN DING KUONG HUNG / SARIKEI** I minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- (a) bilakah pihak Kementerian membina sebuah balai bomba di kawasan luar bandar Sarikei yang semakin terdesak akibat kebakaran api yang semakin menjadi khasnya di rumah panjang; dan
- (b) nyatakan juga, usaha dan rancangan baru untuk menaiktaraf fasiliti dan kelengkapan ahli-ahli bomba di Balai Bomba Bintangor dan Sarikei.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sebuah balai bomba baru adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti

berikut:-

- i) indikator risiko kebakaran di kawasan tersebut seperti wujudnya industri berbahaya, kilang, gudang dan sebagainya;
- ii) Jumlah kepadatan penduduk;
- iii) Keluasan kawasan jagaan dan '*response time*' bagi sebuah balai bomba sedia ada;
- iv) Keperluan sosial, politik dan ekonomi;
- v) Faktor keadaan geografi dan mukabumi; dan
- vi) Keperluan strategik.

Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa membuat kajian yang mendalam berhubung keperluan pembinaan balai bomba baru di seluruh negara. Berdasarkan kepada kajian yang dilaksanakan, Jabatan mendapati keperluan pembinaan baru di kawasan luar bandar Sarikei belum begitu mendesak dan keperluan perkhidmatan kebombaan masa ini adalah di bawah pengawasan dan jagaan Balai Bomba dan Penyelamat Sarikei, Sarawak. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengkaji semula perkara ini dalam Rancangan Malaysia akan datang.

- b) Untuk makluman, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa memastikan agar segala keperluan

perkhidmatan kebombaan di semua balai bomba di seluruh negara dalam keadaan baik dan sentiasa bersiap sedia pada setiap masa. Jabatan ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM 103,121.14

**(Seratus Tiga Ribu Seratus Dua Puluh Satu Ringgit Empat**

**2**



**Belas Sen)** bagi kerja-kerja penyelenggaraan Balai Bomba dan Penyelamat Sarikei dan sebanyak RM 87,735.56 (**Lapan Puluh Tujuh Ribu Tujuh Ratus Tiga Puluh Lima Ringgit Lima Puluh Enam Sen**) bagi Balai Bomba dan Penyelamat, Bintangor semasa Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 11-2009) yang lalu.

Di samping itu, Kementerian ini juga menggalakkan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela terutamanya di kawasan luar bandar seperti di rumah-rumah panjang. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) juga bersedia untuk memberi bantuan dalam aspek latihan, bantuan peralatan kebombaan mengikut kemampuan peruntukan semasa.

Pada masa ini, Balai Bomba dan Penyelamat, Sarikei dan Bintangor

mempunyai kemudahan seperti berikut:-

- (a) Kategori balai :
- (b) Keluasan : Balai Bomba Kategori C
- (c) Keanggotaan : Satu (1) keluaran
- (d) Jentera Bomba :
  - 20 kakitangan
  - : 1 unit jentera *Fire Rescue*

*Tender*

2 unit kenderaan utiliti (van isuzu  
dan Kembara)

2 unit bot penyelamat (bot  
aluminium)

(e) Kelengkapan anggota: setiap anggota dibekalkan dengan kelengkapan peribadi seperti:-

***(i) Fire helmet***

***(ii) Fire jacket dan Fire over trouser***

***(Hi) Fire boot***

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan Jun  
2011

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** LISAN  
**DARIPADA** Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM  
(BAYAN BARU)

**TARIKH** 15.06.2011

**SOALAN:**

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [ BAYAN BARU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji 'syllabus' yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan dan berpengalaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di Malaysia, antara usaha yang telah diambil oleh KPM ialah melaksanakan transformasi kurikulum pada peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah.

Transformasi kurikulum ini melibatkan perubahan dalam bentuk kandungan, penjadualan waktu dan penekanan kepada pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan. Transformasi kurikulum ini masih berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di mana FPK mengungkapkan hasrat bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah menghasilkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani

berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan.

Menerusi transformasi kurikulum elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan serta elemen teknologi maklumat dan komunikasi diajar secara eksplisit kepada murid. Transformasi kurikulum bermatlamat membentuk diri murid untuk menjadi modal insan seimbang yang antaranya berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara, berkeperibadian mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh, serta mempunyai ketahanan dan boleh berhadapan dengan cabaran masa kini dan masa depan serta persekitaran dunia global. Justeru, kurikulum transformasi ini menyediakan ruang dan peluang bagi memenuhi keperluan murid bagi membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan serta berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif. Sebagai permulaan, mulai tahun 2011, KPM telah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) untuk Tahun 1.

Bagi menghadapi cabaran globalisasi dan zaman serba canggih ini, murid juga dilengkапkan dengan kemahiran generik seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Murid juga dipastikan mendapat pendidikan yang memenuhi keperluan pasaran kerja dan industri khususnya dalam penguasaan bahasa terutamanya bahasa Inggeris, pembentukan kemahiran dalam sains dan teknologi serta pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini.

Dengan ini generasi yang dilahirkan berupaya menguasai bidang sains dan teknologi pada tahap tinggi. Seterusnya mereka mampu menjana idea baru dan boleh bertindak sebagai tenaga kerja yang berkeyakinan, berinteraksi dengan dunia luar serta dapat melibatkan diri secara aktif dalam persaingan di peringkat global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** LISAN  
**DARIPADA** DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI  
[ KUALA NERUS ]

**TARIKH** 15 JUN 2011(RABU)

**SOALAN**

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai usaha membawa pulang tenaga pakar profesional ke negara ini dan pada masa yang sama, apakah pula pendekatan Kerajaan dalam mengekang tenaga pakar berhijrah ke luar negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

Antara fokus utama TalentCorp adalah untuk menggalak rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi pulang ke Malaysia. Para pelajar yang sedang menyambung pelajaran di luar negara dan juga para profesional Malaysia yang sedang bekerja di luar negara merupakan talent pool yang harus diberi perhatian.

Bagi menarik minat para pelajar Malaysia di luar negara, TalentCorp telah mengambil bahagian dalam Career Fair di United Kingdom dan United States of America. Seterusnya, TalentCorp juga akan mengambil bahagian dalam Career Fair di Australia. Objektif utama TalentCorp adalah memberi gambaran yang lebih jelas dan meningkatkan kesedaran para pelajar tersebut tentang peluang kerjaya profesional yang kini semakin kompetitif. TalentCorp juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya sebilangan pemegang basiswa JPA dapat berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat swasta yang lain untuk menyumbang kearah kejayaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Selain itu, Program Pakar (Returning Expert Program - REP) telah dipindahkan ke TalentCorp pada tahun 2011. Pada bulan April 2011, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan insentif yang telah ditambahbaik. Semenjak itu, bilangan permohonan yang diterima sangat menggalakkan dan semakin meningkat dan dijangka akan mendapat sambutan yang lebih baik berbanding tahun 2010.

Kerajaan melalui ETP berhasrat untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan seterusnya peluang kerjaya yang lebih kompetitif supaya lebih ramai tenaga kerja profesional pulang ke negara kita dan juga mengekang tenaga pakar berhijrah ke luar negara.

**SOALAN NO: 116**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                   **LISAN**  
**DARI PAD A :**               **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**

**TARIKH**                       **[JELUTONG]**  
**SOALAN**                       **15 JUN 2011(RABU)**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) apakah pencapaian Talent Corp. dalam usaha menarik kepulangan warga terpelajar dan berkemahiran untuk berkhidmat di tanah air kita setakat ini; dan
- (b) apa pula bilangan warga terpelajar dan berkemahiran yang telah meninggalkan negara, mengikut pecahan kaum daripada 1999 hingga 2010.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkepakaran tinggi untuk melaksanakan aktiviti kerja bertaraf dunia bagi mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan ini, Talent Corporation (TalentCorp) telah ditubuhkan pada Januari 2011 dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut.

Antara fokus utama TalentCorp adalah untuk menggalak rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi pulang ke Malaysia. Para pelajar yang sedang menyambung pelajaran di luar negara dan juga para profesional Malaysia yang sedang bekerja di luar negara merupakan *talent pool* yang harus diberi perhatian.

Bagi menarik minat para pelajar Malaysia di luar negara, TalentCorp telah mengambil bahagian dalam *Career Fair* di United Kingdom dan United States of America. Seterusnya, TalentCorp juga akan mengambil bahagian dalam *Career Fair* di Australia. Objektif utama TalentCorp adalah memberi gambaran yang lebih jelas dan

meningkatkan kesedaran para pelajar tersebut tentang peluang kerjaya profesional yang kini semakin kompetitif. TalentCorp juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya sebilangan pemegang biasiswa JPA dapat berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat swasta yang lain untuk menyumbang kearah kejayaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Selain itu, Program Pakar (Returning Expert Program - REP) telah dipindahkan ke TalentCorp pada tahun 2011. Pada bulan April 2011, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan insentif yang telah ditambahbaik. Semenjak itu, bilangan permohonan yang diterima sangat menggalakkan dan semakin meningkat dan dijangka akan mendapat sambutan yang lebih baik berbanding tahun 2009 dan 2010.

(b)

*World Bank* dalam laporan *Malaysia Economic Monitor*, telah menganggarkan jumlah diaspora dan jumlah yang berkepakaran yang berada di luar negara pada tahun 2000 dan 2010 seperti jadual di bawah. Tafsiran *World Bank* dalam laporan berkaitan mendefinisikan modal insan berkepakaran yang berada di luar negara sebagai individu yang lahir di Malaysia tetapi bekerja dan tinggal di luar negara serta mempunyai sekurang-kurangnya ijazah dan berumur lebih daripada 25 tahun.

Tahun	2000	2010
Bilangan Diaspora ('000)	753	1,004
Bilangan berkepakaran (000)	218	335

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI)**

**TARIKH 15 JUN 2011**

**SOALAN NO. 117**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI) minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah undi Pos mengikut pecahan jenis perkhidmatan, jantina dan kaum. Senaraikan mengikut setiap kawasan Parlimen sehingga akhirtahun 2010.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik jumlah Pemilih Tidak Hadir (Pengundi Pos) mengikut pecahan jantina adalah seperti di Lampiran 1 manakala statistik jumlah Pemilih Tidak Hadir (Pengundi Pos) mengikut pecahan kaum adalah seperti di**

**SOALAN NO. 117**

**Lampiran 2. Statistik jumlah Pemilih Tidak Hadir (Pengundi Pos)  
mengikut kategori anggota polis, tentera dan Pemilih Tidak Hadir  
Luar Negara pula adalah seperti di Lampiran 3.**

**Sekian, terima kasih.**

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

**o i m 110 i irv r civil Lin i iumi\ nauin mciNoirvu i rcuanMiv umin i iim ocrci\ 11**

**MENGIKUT BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN**

Lampiran 1

PARLIMEN	JUMLAH PEMILIH	LELA KI	%	PEREMPUAN	%
P.001 PADANG BESAR	1,650	1,213	73.52	437	26.48
P.002 KANGAR	788	692	87.82	96	12.18
P.003 ARAU	125	102	81.60	23	18.40
P.004 LANGKAWI	614	512	83.39	102	16.61
P.005 JERLUN	41	40	97.56	1	2.44
P.006 KUBANGPASU	1,399	1,111	79.41	288	20.59
P.007 PADANG TERAP	209	190	90.91	19	9.09
P.008 POKOKSENA	3,392	2,642	77.89	750	22.11
P.009 ALORSTAR	515	444	86.21	71	13.79
P.010 KUALA KEDAH	65	59	90.77	6	9.23
P.011 PENDANG	150	138	92.00	12	8.00
P.012 JERAI	227	208	91.63	19	8.37
P.013 SIK	297	277	93.27	20	6.73
P.014 MERBOK	4,596	3,305	71.91	1,291	28.09
P.015 SUNGAI PETANI	397	349	87.91	48	12.09
P.016 BALING	291	270	92.78	21	7.22
P.017 PADANG SERAI	81	69	85.19	12	14.81
P.018 KULIM-BANDAR BAHARU	1,613	1,180	73.16	433	26.84
P.019 TUMPAT	379	348	91.82	31	8.18
P.020 PENGKALAN CHEPA	2,607	1,894	72.65	713	27.35
P.021 KOTABHARU	775	663	85.55	112	14.45
P.022 PASIR MAS	259	240	92.66	19	7.34
P.023 RANTAU PANJANG	82	78	95.12	4	4.88
P.024 KUBANG KERIAN	87	68	78.16	19	21.84
P.025 BACHOK	151	129	85.43	22	14.57
P.026 KETEREH	3,095	2,273	73.44	822	26.56
P.027 TANAH MERAH	279	252	90.32	27	9.68
P.028 PASIR PUTEH	136	120	88.24	16	11.76
P.029 MACHANG	119	99	83.19	20	16.81
P.030 JELI	2,647	1,925	72.72	722	27.28
P.031 KUALA KRAI	168	161	95.83	7	4.17
P.032 GUAMUSANG	182	163	89.56	19	10.44
P.033 BESUT	872	714	81.88	158	18.12
P.034 SETIU	170	157	92.35	13	7.65

Lampiran 1

PARLIMEN	JUMLAH PEMILIH	LELAKI	%	PEREMPUAN	%
P.035 KUALA NERUS	1,584	1,200	75.76	384	24.24
P.036 KUALA TERENGGANU	1,010	912	90.30	98	9.70
P.037 MARANG	422	323	76.54	99	23.46
P.038 HULU TERENGGANU	176	167	94.89	9	5.11
P.039 DUNGUN	372	333	89.52	39	10.48
P.040 KEMAMAN	488	447	91.60	41	8.40
P.041 KEPALABATAS	546	477	87.36	69	12.64
P.042 TASEKGELUGOR	2,088	1,503	71.98	585	28.02
P.043 BAGAN	123	102	82.93	21	17.07
P.044 PERMATANG PAUH	495	432	87.27	63	12.73
P.045 BUKIT MERTAJAM	77	68	88.31	9	11.69
P.046 BATUKAWAN	133	110	82.71	23	17.29
P.047 NIBONGTEBAL	385	337	87.53	48	12.47
P.048 BUKIT BENDERA	822	666	81.02	156	18.98
P.049 TANJONG	867	733	84.54	134	15.46
P.050 JELUTONG	728	661	90.80	67	9.20
P.051 BUKIT GELUGOR	120	94	78.33	26	21.67
P.052 BAYANBARU	1,957	1,447	73.94	510	26.06
P.053 BALIK PULAU	608	540	88.82	68	11.18
P.054 GERIK	3,288	2,566	78.04	722	21.96
P.055 LENGGONG	62	51	82.26	11	17.74
P.056 LARUT	175	159	90.86	16	9.14
P.057 PARIT BUNTAR	88	80	90.91	8	9.09
P.058 BAGAN SERAI	199	181	90.95	18	9.05
P.059 BUKIT GANTANG	126	118	93.65	8	6.35
P.060 TAIPING	3,998	2,879	72.01	1,119	27.99
P.061 PADANGRENGAS	40	37	92.50	3	7.50
P.062 SUNGAI SIPUT	189	173	91.53	16	8.47
P.063 TAMBUN	2,464	1,659	67.33	805	32.67
P.064 IPOH TIMOR	2,427	1,743	71.82	684	28.18
P.065 IPOH BARAT	1,990	1,560	78.39	430	21.61
P.066 BATUGAJAH	614	516	84.04	98	15.96
P.067 KUALA KANGSAR	308	266	86.36	42	13.64
P.068 BERUAS	114	103	90.35	11	9.65
P.069 PARIT	320	246	76.88	74	23.13
P.070 KAMPAR	279	235	84.23	44	15.77
P.071 GOPENG	744	553	74.33	191	25.67
P.072 TAPAH	1,889	1,313	69.51	576	30.49

Lampiran 1

PARLIMEN	JUMLAH PEMILIH	LELAKI	%	PEREMPUAN	%
P.073 PASIR SALAK	85	75	88.24	10	11.76
P.074 LUMUT	14,446	10,326	71.48	4,120	28.52
P.075 BAGAN DATOK	66	64	96.97	2	3.0
P.076 TELOK INTAN	372	338	90.86	34	9.1
P.077 TANJONGMALIM	360	311	86.39	49	13.61
P.078 CAMERON HIGHLANDS	246	213	86.59	33	13.41
P.079 LIPIS	1,077	869	80.69	208	19.31
P.080 RAUB	206	188	91.26	18	8.7
P.081 JERANTUT	327	295	90.21	32	9.7
P.082 INDERA MAHKOTA	2,600	1,848	71.08	752	28.92
P.083 KUANTAN	1,157	939	81.16	218	18.84
P.084 PAYABESAR	67	61	91.04	6	8.9
P.085 PEKAN	5,797	4,207	72.57	1,590	27.43
P.086 MARAN	134	115	85.82	19	14.18
P.087 KUALA KRAU	48	43	89.58	5	10.42
P.088 TEMERLOH	2,455	1,819	74.09	636	25.91
P.089 BENTONG	914	720	78.77	194	21.23
P.090 BERA	169	151	89.35	18	10.65
P.091 ROMPIN	647	530	81.92	117	18.08
P.092 SABAKBERNAM	54	39	72.22	15	27.78
P.093 SUNGAI BESAR	290	250	86.21	40	13.79
P.094 HULU SELANGOR	846	697	82.39	149	17.61
P.095 TANJONG KARANG	27	23	85.19	4	14.81
P.096 KUALA SELANGOR	295	264	89.49	31	10.51
P.097 SELAYANG	1,042	867	83.21	175	16.79
P.098 GOMBAK	428	306	71.50	122	28.50
P.099 AMPANG	548	465	84.85	83	15.15
P.100 PANDAN	127	94	74.02	33	25.98
P.101 HULULANGAT	4,080	3,305	81.00	775	19.00
P.102 SERDANG	343	270	78.72	73	21.28
P.103 PUCHONG	610	444	72.79	166	27.21
P.104 KELANAJAYA	169	133	78.70	36	21.30
P.105 PETALING JAYA SELATAN	757	645	85.20	112	14.80
P.106 PETALING JAYA UTARA	208	176	84.62	32	15.38
P.107 SUBANG	4,317	3,058	70.84	1,259	29.16
P.108 SHAHALAM	1,120	879	78.48	241	21.52
P.109 KAPAR	133	103	77.44	30	22.56
P.110 KLANG	1,144	1,016	88.81	128	11.19

Lampiran 1

PARLIMEN	JUMLAH PEMILIH	LELAKI	%	PEREMPUAN	%
P.111 KOTA RAJA	8	6	75.00	2	25.00
P.112 KUALA LANGAT	824	680	82.52	144	17.48
P.113 SEPANG	882	725	82.20	157	17.80
P.114 KEPONG	58	40	68.97	18	31.03
P.115 BATU	3,214	2,348	73.06	866	26.94
P.116 WANGSA MAJU	1,944	1,277	65.69	667	34.31
P.117 SEGAMBUT	4,471	3,627	81.12	844	18.88
P.118 SETIAWANGSA	14,980	10,516	70.20	4,464	29.80
P.119 TITIWANGSA	306	162	52.94	144	47.06
P.120 BUKIT BINTANG	5,375	4,316	80.30	1,059	19.70
P.121 LEM BAH PANTAI	183	141	77.05	42	22.95
P.122 SEPUTEH	134	99	73.88	35	26.12
P.123 CHERAS	403	332	82.38	71	17.62
P.124 BANDAR TUN RAZAK	4,771	3,356	70.34	1,415	29.66
P.125 PUTRAJAYA	372	304	81.72	68	18.28
P.126 JELEBU	1,169	765	65.44	404	34.56
P.127 JEMPOL	293	252	86.01	41	13.99
P.128 SEREMBAN	1,647	1,442	87.55	205	12.45
P.129 KUALA PILAH	321	283	88.16	38	11.84
P.130 RASAH	2,158	1,553	71.96	605	28.04
P.131 REMBAU	1,053	816	77.49	237	22.51
P.132 TELOKKEMANG	7,828	5,662	72.33	2,166	27.67
P.133 TAMPIN	3,681	2,693	73.16	988	26.84
P.134 MASJIDTANAH	515	390	75.73	125	24.27
P.135 ALORGAJAH	350	297	84.86	53	15.14
P.136 TANGGABATU	11,683	8,619	73.77	3,064	26.23
P.137 BUKIT KATIL	689	551	79.97	138	20.03
P.138 KOTA MELAKA	544	459	84.38	85	15.63
P.139 JASIN	379	328	86.54	51	13.46
P.140 SEGAMAT	202	175	86.63	27	13.37
P.141 SEKIJANG	14	13	92.86	1	7.14
P.142 LABIS	74	68	91.89	6	8.11
P.143 PAGOH	120	108	90.00	12	10.00
P.144 LEDANG	110	97	88.18	13	11.82
P.145 BAKRI	1,158	823	71.07	335	28.93
P.146 MUAR	537	477	88.83	60	11.17
P.147 PARIT SULONG	8	8	100.00	0	0.00
P.148 AYER HITAM	73	64	87.67	9	12.33

Lampiran 1

PARLIMEN	JUMLAH PEMILIH	LELAKI	%	PEREMPUAN	%
P.149 SRIGADING	45	39	86.67	6	13.33
P.150 BATUPAHAT	337	285	84.57	52	15.43
P.151 SIMPANG RENGGAM	687	431	62.74	256	37.26
P. 152 KLUANG	5,386	3,755	69.72	1,631	30.28
P.153 SEMBRONG	32	31	96.88	1	3.13
P.154 MERSING	2,161	1,568	72.56	593	27.44
P. 155 TENGGARA	1,362	937	68.80	425	31.20
P.156 KOTA TINGGI	155	136	87.74	19	12.26
P.157 PENGERANG	1,331	1,047	78.66	284	21.34
P.158 TEBRAU	17	15	88.24	2	11.76
P.159 PASIR GUDANG	1,302	925	71.04	377	28.96
P.160 JOHOR BAHRU	2,321	1,797	77.42	524	22.58
P.161 PULAI	756	682	90.21	74	9.79
P.162 GELANGPATAH	243	207	85.19	36	14.81
P.163 KULAI	154	127	82.47	27	17.53
P. 164 PONTIAN	234	199	85.04	35	14.96
P. 165 TANJONG PIAI	120	105	87.50	15	12.50
P. 166 LABUAN	1,732	1,408	81.29	324	18.71
P.167 KUDAT	361	283	78.39	78	21.61
P.168 KOTAMARUDU	71	63	88.73	8	11.27
P. 169 KOTA BELUD	186	150	80.65	36	19.35
P.170 TUARAN	65	54	83.08	11	16.92
P.171 SEPANGGAR	862	696	80.74	166	19.26
P.172 KOTA KINABALU	518	429	82.82	89	17.18
P. 173 PUTATAN	3,391	2,472	72.90	919	27.10
P.174 PENAMPANG	1,271	1,031	81.12	240	18.88
P. 175 PAPAR	84	71	84.52	13	15.48
P.176 KIMANIS	20	17	85.00	3	15.00
P. 177 BEAUFORT	106	87	82.08	19	17.92
P.178 SIPITANG	124	110	88.71	14	11.29
P. 179 RANAU	52	43	82.69	9	17.31
P.180 KENINGAU	136	121	88.97	15	11.03
P.181 TENOM	60	47	78.33	13	21.67
P. 182 PENSIANGAN	5	5	100.00	0	0.00
P.183 BELURAN	85	80	94.12	5	5.88
P. 184 LIBARAN	618	474	76.70	144	23.30
P. 185 BATUSAPI	1,746	1,328	76.06	418	23.94
P. 186 SANDAKAN	286	269	94.06	17	5.94

Lampiran 1

PARLIMEN	JUMLAH PEMILIH	LELAKI	%	PEREMPUAN	%
P. 187 KINABATANGAN	71	64	90.14	7	9.86
P. 188 SI LAM	750	640	85.33	110	14.67
P.189 SEMPORNA	637	511	80.22	126	19.78
P. 190 TAWAU	114	69	60.53	45	39.47
P. 191 KALABAKAN	2,027	1,617	79.77	410	20.23
P.192 MASGADING	94	82	87.23	12	12.77
P.193 SANTUBONG	103	85	82.52	18	17.48
P. 194 PETRA JAYA	604	431	71.36	173	28.64
P.195 BANDAR KUCHING	1,756	1,324	75.40	432	24.60
P.196 STAMPIN	3,769	2,735	72.57	1,034	27.43
P. 197 KOTA SAMARAHAN	3,755	2,625	69.91	1,130	30.09
P.198 MAMBONG	460	372	80.87	88	19.13
P.199 SERIAN	120	93	77.50	27	22.50
P.200 BATANGSADONG	85	71	83.53	14	16.47
P.201 BATANG LUPAR	5	4	80.00	1	20.00
P.202 SRIAMAN	1,104	839	76.00	265	24.00
**Soalan No : 128**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK</b>
	<b>(RASAH)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15.06.2011</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN LOKE SIEW FOKK [ RASAH ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk Projek SchoolNet setakat ini, jumlah sekolah yang telah dibekalkan perkhidmatan tersebut dan apakah keberkesanan projek tersebut dalam membantu proses pembelajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 1 Januari 2010, rangkaian SchoolNet telah selesai disambungkan di **9,618** buah institusi pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) termasuk Institut Pendidikan Guru (IPG), Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG). Prasarana SchoolNet membolehkan KPM menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran tanpa sempadan. Program ini mampu merapatkan jurang digital di antara murid-murid sekolah di bandar dan luar bandar dan mempertingkat keberkesanan sistem pendidikan negara serta mewujudkan suasana pendidikan yang interaktif.

Pemantauan prestasi perkhidmatan dari aspek kelajuan jalur lebar bagi projek ini dipantau oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dan di pihak KPM oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP).

Dengan adanya program SchoolNet, murid di bandar dan luar bandar didedahkan dengan teknologi komunikasi secara global. Jurang digital di antara murid luar bandar dan bandar dapat dikurangkan. Kemudahan komunikasi secara emel dan *web conferences* dapat dilaksanakan. Suasana pembelajaran secara interaktif dilaksanakan untuk murid dan guru, sebagai contoh, capaian ke aplikasi EduWebtv. Carian maklumat dan bahan pengajaran dan pembelajaran boleh didapati melalui Internet secara global dan secara langsung

mewujudkan budaya celik IT kepada warga sekolah.

Bagi memastikan kesemua **9,480** buah sekolah menikmati Projek SchoolNet dengan kelajuan 1Mbps *downlink* dan 128Kbps *uplink*, tiga (3) jenis teknologi digunakan:-

- i. Talian **Langganan Digital Asimetrik (ADSL)** iaitu teknologi memancarkan maklumat digital dengan menggunakan talian telefon (*copper*) untuk kawasan bandar;
- ii. Wayarles iaitu teknologi memancarkan isyarat digital melalui gelombang udara untuk kawasan terpencil, dan
- iii. Terminal Bukaan Amat Kecil (VSAT) iaitu teknologi pemancaran dan penerimaan isyarat digital melalui satelit dan stesen bumi untuk kawasan luar bandar.



PERTANYAAN

LISAN

NO. SOALAN : 129

DARI PADA

YB. TUAN TAN KOK WAI  
[CHERAS]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT

15 JUN 2011 (RABU)

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan berikutan kenaikan harga petroleum di pasaran global, apakah langkah yang diambil untuk memastikan kadar tarif elektrik untuk kegunaan awam dan industri/komersial tidak dinaikkan sepetimana langkah Kerajaan tidak meningkatkan kadar harga RON 95 bagi kepentingan orang ramai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Semakan semula harga gas untuk sektor elektrik tidak dapat dielakkan memandangkan harga minyak di pasaran dunia pada tahun ini telah meningkat

mencecah lebih daripada USD120 setong. Harga gas sebelum ini untuk sektor elektrik iaitu RM10.70/Million British thermal unit (MMBu) ditetapkan mengikut formula yang disandarkan kepada harga Medium Fuel Oil (MFO), dengan izin, pada Mac 2009 iaitu USD37.05 setong. Pada ketika itu, harga minyak di pasaran antarabangsa adalah dalam lingkungan USD53 hingga USD55 setong. Memandangkan harga MFO mempunyai hubung kait yang rapat dengan harga minyak semasa di pasaran antarabangsa, kini harga MFO telah meningkat kepada USD93.98 setong pada suku pertama tahun 2011.

Kerajaan telah bersetuju menyemak semula harga gas kepada sektor elektrik dan bukan elektrik secara berperingkat bertujuan untuk mengurangkan jumlah hasil yang dilepaskan atau *revenue foregone* dengan izin oleh pihak PETRONAS apabila harga gas ditetapkan lebih rendah berbanding harga pasaran. Semakan semula harga gas juga merupakan salah-satu inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga secara lebih cekap. Oleh itu, harga gas kepada sektor elektrik telah dinaikkan sebanyak RM3/MMBTU daripada RM10.70/MMBTU kepada RM13.70/MMBTU mulai 1 Jun 2011.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Gas merupakan salah satu bahan api utama, iaitu 54.2% daripada bahan api bagi penjanaan elektrik di Semenanjung Malaysia. Justeru itu, sebarang peningkatan harga gas kepada sektor elektrik secara langsung akan meningkatkan kos penjanaan elektrik. Atas dasar inilah Kerajaan telah bersetuju supaya tarif elektrik diselaraskan sebanyak 5.12% atau 1.60sen/kWj bagi menampung kenaikan harga gas kepada sektor elektrik.

Kerajaan juga telah bersetuju untuk menyemak semula tarif asas Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebanyak 2% atau 0.63sen/kWj bagi membolehkan TNB menampung peningkatan kos pembekalan elektrik semasa dan mempertingkatkan pelaburan dalam penyediaan infrastruktur pembekalan elektrik yang lebih baik. Dengan ini, purata tarif elektrik telah dinaikkan sebanyak 7.12% daripada 31.31sen/kWj kepada 33.54sen/kWj mulai 1 Jun 2011.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa bagi melindungi kepentingan rakyat, kadar tarif elektrik yang baru ini tidak membebankan 75% atau 4.4 juta daripada 5.94 juta pengguna

domestik TNB. Berikutnya keputusan Kerajaan untuk mengekalkan kadar tarif bagi jaluran asas penggunaan (*lifeline band*), dengan izin, pada kadar 21.80sen/kWj dan 100kWj berikutnya pada kadar 33.40sen/kWj, pengguna yang menggunakan elektrik 300kWj dan ke bawah yang bersamaan dengan bil elektrik bulanan RM77.00 dan ke bawah tidak mengalami sebarang kenaikan tarif elektrik. Selain daripada itu, pengguna-pengguna yang bil elektrik bulanannya adalah RM20 dan ke bawah, akan dikecualikan dari membuat bayaran sehingga 31 Disember 2011.

\*\*\*\*\*

**SULIT**

SOALAN NO. 130

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN NURULIZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMB AH PANTAI - PKR ]  
TARIKH : 15 JUN 2011 (RABU)

Soalan:-

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai - PKR ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah tindakan tata tertib yang diambil diatas kelewatan menutup laporan kewangan Sukan Komanwel 1998 oleh Sukom Ninety Eight Berhad (SUKOM 98) yang tertunggak selama 13 tahun dan apakah peraturan baru jika ada untuk mengelak daripada kecuaian seperti ini berulang.

TAWAPAN

1. SUKOM '98 Berhad merupakan sebuah syarikat yang bertanggungjawab menganjurkan Sukan Komanwel 1998 dan ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Memandangkan statusnya sebagai sebuah syarikat, maka pihak Kementerian tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengambil sebarang tindakan tata tertib di atas kelewatan syarikat menutup laporan kewangan Sukan Komanwel 1998.
2. Dalam usaha mengelakkan daripada perkara yang sama berulang dalam sesuatu penganjuran acara sukan, Kementerian sentiasa mengambil pendekatan dengan merujuk kepada Pekelliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari masa ke semasa, serta dasar dan peraturan-peraturan yang sedia ada.



**NO. AUM :**  
**135\*/\*(**  
**NO. AUP : \|**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**LISAN**

**PERTANYAAN :** DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [  
DARIPADA SEKIJANG ]

**TARIKH :** 15 JUN 2011

**RUJUKAN :** 3691

**SOALAN:**

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perkembangan terkini kerjasama di antara Malaysia dan Indonesia dalam membanteras kedatangan pendatang tanpa izin ke negara ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Sekijang yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang kerjasama formal di antara Malaysia dan Indonesia dalam membanteras kedatangan pendatang tanpa izin ke negara ini. Namun begitu, Kementerian ini dan agensi-agensi Kerajaan lain selalu berurusan dengan pihak Kerajaan Indonesia, melalui Kedutaan Besar Republik Indonesia dan Konsulat Jeneral mereka di negara ini, dari semasa ke semasa bagi mendapatkan kerjasama terutama dalam urusan pengusiran mahupun penghantaran pulang warganegara mereka dari Malaysia. Antara kerjasama yang dimaksudkan adalah dalam urusan pengeluaran dokumentasi seperti pasport dan dokumen perjalanan lain bagi membolehkan warganegara Indonesia pulang ke tanah air mereka.**

No. Soalan: /  
PR-1242-L43373

# **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

## **PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA** **YB DATO' MOHD JIDIN BIN  
SHAFEE [SETIU]**

**TARIKH** Rabu, 15 Jun 2011

**SOALAN**

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu]  
minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan jumlah nelayan  
Malaysia yang ditahan dan  
dipenjarakan di Indonesia mengikut  
kesalahan dalam tempoh dua tahun  
lalu dan apakah pendekatan  
Kerajaan dalam menangani masalah  
ini agar ia tidak terus berlaku

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Setiu di atas persoalan yang dikemukakan.

2. Kes-kes tangkapan nelayan bukanlah merupakan perkara unik antara Malaysia dengan negara-negara jiran di sekelilingnya. Perkara ini juga sering terjadi di negara-negara berjiran dekat yang lain. Bagi memelihara hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran, Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha yang berterusan bagi memastikan kes-kes tangkapan nelayan ini dapat ditangani bersama secara lebih berkesan.

3. Demi mencari jalan penyelesaian yang harmonis dengan mengambil kira semangat kerjasama dan setiakawan, pendekatan secara diplomasi, perundangan dan proses rundingan antara Malaysia dengan negara-negara jiran termasuk Indonesia, akan terus diambil.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 56 orang nelayan Malaysia telah ditahan di Indonesia dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan ini. Kebanyakan mereka ini telah disabitkan kesalahan menangkap ikan secara haram, dengan

**JAWAPAN:**

**izin, *illegal fishing* di perairan Indonesia.**

5. Kes-kes penangkapan dan penahanan nelayan Malaysia dan Indonesia telah dibincangkan di peringkat tertinggi kedua-dua negara. YAB Perdana Menteri dan Presiden Republik Indonesia telah bersetuju agar sekiranya terdapat nelayan yang berada di kawasan sempadan perairan bertindih kedua negara, langkah yang diambil hanyalah mengusir atau menahan sementara waktu nelayan berkenaan dan tiada tindakan undang-undang akan diambil. Perkara tersebut juga telah dipersetujui bersama antara Menteri Luar Negeri kedua-dua negara semasa Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Kerjasama Dua Hala atau dengan **izin, Joint Commission for Bilateral Cooperation (JCBC)** Malaysia-Indonesia ke-9 dan ke-10.

6. Malaysia dan Indonesia masih meneruskan rundingan berhubung persempadanan maritim. Setakat ini, Mesyuarat Teknikal Persempadanan Maritim Malaysia-Indonesia telah diadakan sebanyak 19 kali, terakhir pada 26-27 April 2011 di Bali. Kes-kes tangkapan nelayan juga berlaku ekoran daripada tuntutan bertindih di persempadanan maritim antara kedua-dua negara.

7. Di samping itu, Malaysia dan Indonesia terus membincangkan mengenai penggubalan Tatacara Operasi Piawai (*Standard Operating Procedure - SOP*) dan dengan **izin, Rules of Engagement (ROE)** yang boleh diguna pakai oleh agensi-

agensi penguatkuasaan maritim kedua-dua negara. Perkara ini telah dibincangkan di peringkat Menteri Luar Negeri semasa Mesyuarat JCBC Malaysia-Indonesia ke-9 dan ke-10. Perkara ini akan turut dibincangkan dengan lebih lanjut pada Mesyuarat JCBC ke-11 yang akan diadakan di Malaysia dalam masa terdekat.

8. Perwakilan-Perwakilan Malaysia di Indonesia terus memupuk hubungan dan kerjasama yang baik dengan Kementerian Luar Negeri Republik Indonesia, Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut, Polisi Air Indonesia dan Kementerian Kelautan dan Perikanan Indonesia serta pihak berkuasa tempatan. Ini bagi memastikan keskes penangkapan yang melibatkan nelayan Malaysia di Indonesia dapat diselesaikan melalui cara yang baik.

**Sekian, terima kasih.**

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	<b>DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]</b>
TARIKH	<b>15 JUN2011 (RABU)</b>
SOALAN	<b>133</b>

**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembesaran Lapangan Terbang Bario akan dijalankan.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

**NO:133**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Kementerian Pengangkutan telah dijadualkan peruntukan untuk menjalankan Kajian Pelan Induk Pembangunan Padang-Padang Terbang yang meliputi Padang Terbang Bario. Kajian Pelan Induk ini adalah bertujuan untuk merangka pelan pembangunan bagi semua Padang Terbang di Malaysia supaya pembangunan yang bakal dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan.

Dengan demikian, perancangan untuk kerja-kerja pembesaran Padang Terbang Bario ini adalah tertakluk kepada hasil keputusan kajian tersebut.

**NO. SOALAN**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KE DUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN  
SAID [PENGERANG]**

**TARIKH 15 JUN2011 [RABU]**

**SOALAN**

Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan langkah dan pendekatan yang diambil oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam ketika menjalankan operasi mencegah maksiat dan khalwat bagi mengelakkan kes yang mengakibatkan kematian baru-baru ini dari berulang kembali.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan operasi pencegahan maksiat dan khalwat adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri-negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan garis panduan dan kod etika yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Penguatkuasa Agama semasa operasi pencegahan dijalankan iaitu :

i. **Arahan Tetap Pengarah JAIN (Garis Panduan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah)**

Garis panduan ini telah dibentang dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 7 Jun 2007. Ia merupakan huraihan dan penjelasan kepada Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Jenayah Syariah yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri pada ketika ini.

ii. **Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama JAIN**

Kod etika ini terpakai kepada Pegawai Penguatkuasa Agama seluruh Malaysia. Ia merangkumi tatakelakuan umum dan tatakelakuan khusus. Sebarang tindakan yang bertentangan dengan kod etika ini boleh dianggap telah melanggar arahan perkhidmatan dan boleh dikenakan tindakan menurut Peraturan- Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tataterib) 1993.

Dalam operasi pencegahan maksiat, Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam negeri-negeri sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada yang berkuatkuasa khususnya Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah dan Tatacara Jenayah Syariah.

Sekian, terima kasih.

## **SOALAN NO: 125**

### **PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BAGI**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATIN LINDA TSEN THAU LIN (BATU SAPI)**

**TARIKH**

**15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Datin Linda Tsen Thau Lin<sup>135</sup> minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah rancangan perkhidmatan pengangkutan kereta api akan dihubungkan ke semua bandar di Sabah.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sememangnya mempunyai perancangan untuk memanjangkan perkhidmatan pengangkutan kereta api bagi menghubungkan ke semua bandar utama di Sabah. Sehubungan itu, Kementerian melalui Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) dan Keretapi Melayu Berhad (KTMB) telah menjalankan projek kerja-kerja jangka pendek pemodenan kereta api negeri Sabah dari Tanjung Aru ke Tenom sepanjang 133.7km dalam usaha awal untuk menghubungkan bandar-bandar utama di negeri Sabah. Kerja-kerja pemodenan ini boleh dibahagikan kepada dua sektor iaitu Sektor 1 (Tanjung Aru ke Kimanis) dan Sektor 2 (Kimanis - Tenom). Dari segi kemajuan projek, kerja-kerja pemodenan bagi Sektor 1 telah siap sepenuhnya manakala Sektor 2 ialah 74.5%. Untuk kerja-kerja pemodenan di Sektor 2, kerja-kerja pemodenan dijangka akan siap sepenuhnya menjelang bulan Mac 2012.

Tuan Yang Dipertua,



Projek kerja-kerja jangka pendek pemodenan kereta api negeri Sabah dari Tanjung Aru ke Tenom merupakan antara usaha yang diambil oleh Kementerian untuk menghubungkan bandar-bandar utama di negeri Sabah. Perancangan menghubungkan bandar-bandar utama lain di negeri Sabah akan dilaksanakan setelah kerja-kerja pemodenan di negeri Sabah siap sepenuhnya. Kementerian juga mengambil maklum kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah (KPINS) untuk menghubungkan kandasan kereta api ke semua bandar utama di negeri Sabah dan hasil kajian berkenaan akan diteliti dan diambil kira dalam perancangan perkeretapihan pada akan datang di negeri Sabah.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam *rolling plan* kedua, Rancangan Malaysia Ke-10 juga, JKNS melalui KPINS telah mengemukakan beberapa cadangan untuk memanjangkan landasan keretapi ke bandar-bandar utama di negeri Sabah.

1. Kajian Kemungkinan Memanjangkan Sistem Keretapi Sedia Ada Ke Kudat.  
Anggaran kos yang terlibat adalah sebanyak RM43.3 juta; dan
2. Kajian Kemungkinan Memanjangkan Sistem Keretapi Sedia Ada Ke Menumbuk  
Melalui Weston. Anggaran kos kajian yang terlibat adalah sebanyak RM10.3 juta.

Kementerian ini melalui KPINS dan JKNS juga sedang merangka pelan perancangan untuk mengembangkan rangkaian perhubungan yang menggunakan landasan keretapi ke semua bandar utama di negeri Sabah dan juga komited untuk menjadikan keretapi sebagai pengangkutan utama bagi pengangkutan penumpang dan barang. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya akan disusun mengikut keperluan dan bajet.

**NO.SOALAN : 136**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK</b>
<b>TARIKH</b>	<b>SENA) 15.06.2011(RABU)</b>

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan secara terperinci jadual berkala dan kadar pemotongan subsidi dan senaraikan secara terperinci barang yang terlibat yang akan menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang kawalan dan keperluan rakyat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian sentiasa mengkaji dan menyemak harga barang kawalan dari semasa ke semasa. Ini selaras dengan peredaran masa dan berdasarkan kepada harga pasaran dunia. Harga gula dinaikkan sebanyak lima kali sejak tahun 2006 iaitu kenaikan 5 sen sekilogram pada September 2006, kenaikan kedua ialah pada Januari tahun 2010 sebanyak 20 sekilogram, kenaikan ketiga iaitu pada Julai 2010 iaitu sebanyak 25 sen sekilogram, kenaikan kali keempat pada 4 Disember 2010 sebanyak 20 sekilogram dan kali kelima pada 10 Mei 2011 sebanyak 20 sen sekilogram. Walaupun harga gula dinaikkan beberapa kali Kerajaan masih menanggung subsidi gula sebanyak RM789 juta bagi tahun 2010 dan RM283.4juta bagi

tahun 2011.

**NO.SOALAN : 138**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Bagi tepung gandum, hanya satu kali kenaikan harga dilaksanakan iaitu pada Mei 2007 sebanyak 15 sen sekilogram daripada RM1.20 menjadikan harga runcit RM1.35 sekilogram. Manakala bagi minyak masak pula, tiada kenaikan harga dilaksanakan dalam tempoh tahun 2005 hingga 2010. Kenaikan akhir harga minyak masak dilaksanakan pada tahun 1997.

Manakala bagi bahan api, kenaikan harga berdasarkan perubahan harga global dimana pada tahun 2010, terdapat dua kali kenaikan itu pada bulan Julai dan Disember masing-masing sebanyak 5 sen.

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA :</b>	<b>YB TUAN MUHAMMAD HUSAIN (PASIR PUTEH)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15.06.2011 (RABU)</b>

**SOALAN :**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kedudukan pengkalan udara TUDM Gong Kedak selepas Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan pembentukan Perbadanan Pembangunan Tok Bali.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Perbadanan Pembangunan Tok Bali adalah merupakan usaha kerajaan Negeri Kelantan bagi membangunkan kawasan Tok Bali sebagai pendaratan ikan

**NO SOALAN : 137**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

di Kelantan. Aktiviti pembangunan Tok Bali ini tidak memberi kesan kepada pergerakan udara dan pengoperasian yang terdapat di Pangkalan Udara Gong Kedak.

Usaha ini dilihat tidak akan melibatkan Pangkalan Udara Gong Kedak secara langsung. Tambahan pula, kedudukan Pangkalan Udara tersebut tidak pernah menjelaskan peranan Tok Bali sebagai kawasan pendaratan ikan.

**Soalan No : 138**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG)
TARIKH	15.06.2011

**SOALAN:**

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [ BATANG SADONG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah guru-guru bertauliah mengajar Bahasa Inggeris ditempatkan di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak berkompromi dalam memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru, hanya guru-guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas sahaja termasuklah guru Bahasa Inggeris akan dilantik sebelum ditempatkan di semua sekolah seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2011, jumlah guru opsyen Bahasa Inggeris yang mengajar di sekolah rendah luar bandar adalah seramai 12,051 orang manakala seramai 6,183 orang pula bertugas di sekolah menengah. Selain itu, seramai 1,341 orang guru opsyen Bahasa Inggeris pula mengajar di sekolah rendah kawasan pedalaman.

**NO. AUM : 14<**

**NO. AUP : [1\*1**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN :**

**DARIPADA                    TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
[MACHANG]**

**TARIKH                    15 JUN 2011  
RUJUKAN                    3692**

**SOALAN:**

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan**

- (a) proses yang digunakan bagi membatalkan pendaftaran  
sesuatu pertubuhan; dan**
  
- (b) pihak yang berkuasa memutuskan pembatalan pendaftaran  
tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua ,**

**Terima kasih kepada Yang Berhormat Machang di atas soalan yang dikemukakan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembatalan sesuatu pertubuhan dilaksanakan melalui siasatan yang dijalankan ke atas aduan yang diterima dari orang awam, ahli-ahli pertubuhan, media massa, agensi kerajaan dan sebagainya.**

**Pihak yang berkuasa memutuskan pembatalan sesuatu pertubuhan yang melanggar Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 ialah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.**

**Seksyen yang diguna pakai bagi pembatalan sesuatu pertubuhan adalah seperti berikut:-**

- 1. Seksyen 13(1 )(c)(vii)** - Menjalankan pentadbiran dan aktiviti-aktiviti yang menyalahi Perlembagaan Persekutuan atau Negeri.
  
- 2. Seksyen 13(1 )(b)** - Pertubuhan yang bertentangan dengan kepentingan keselamatan, ketenteraman awam atau

- |    |   |   |
|----|---|---|
| 3. | <b>Seksyen<br/>13(1)(a)</b>   | dibubarkan oleh ahlinya.  |
| 4. | <b>Seksyen<br/>13(1)(c)(i)</b>  | Pendaftaran Pertubuhan diluluskan atas maklumat palsu atau salah.   |
| 5. | <b>Seksyen<br/>13(1 )(c)(iii)</b>   | Pertubuhan berusaha mencapai tujuan lain daripada tujuan-tujuan asal berdaftar.                             |
| 6. | <b>Seksyen<br/>13(1)(c)(v)</b>  | Pertubuhan tidak wujud lagi.  |
| 7. | <b>Seksyen<br/>13(1)(c)(ix)</b>   | Pertubuhan yang menghadapi pertikaian diantara ahli-ahli atau pemegang-pemegang jawatan tanpa penyelesaian. |
| 8. | <b>Seksyen<br/>13(1 )(d) akhlak Negara atau perintah yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri.</b> | Pertubuhan yang gagal menghantar Penyata Tahunan.   |
|    | <b>Pertubuhan yang</b>  |   |

No. Soalan : PR-  
1242-L43564

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [ BALING ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>15 JUN 2011</b>
<b>SOALAN</b>	<b>YB Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan kenapakah Kerajaan masih tidak bersedia untuk mengiktiraf Kerajaan Hamas di Gaza, yang dipilih oleh rakyat secara demokratik dan apakah alasannya.</b>

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Baling  
di atas soalan yang telah dikemukakan.**

**2. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia**

**JAWAPAN:**

sentiasa memainkan peranan yang aktif dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan di dalam konflik Israel - Palestin, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Dalam hal ini, Malaysia telah secara terbuka dan lantang memperjuangkan hak asasi rakyat Palestin serta memberikan sokongan padu kepada pucuk pimpinan Pihak Berkuasa Palestin (*Palestinian National Authority*), dengan izin, dalam menyelesaikan sebarang konflik dengan pihak Israel melalui proses rundingan damai.

3. Malaysia juga merupakan antara negara yang pertama di dunia yang mengiktiraf Kerajaan Palestin. Ini terbukti apabila Pejabat Pertubuhan Pembebasan Palestin atau *Palestine Liberation Organisation*, dengan izin, telah ditubuhkan di Malaysia sejak tahun 1974 dan telah dinaikkan tarafnya ke Kedutaan Besar Palestin pada tahun 1983. Oleh yang demikian, Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan Pihak Berkuasa Palestin (*Palestine National Authority*) yang diterajui oleh Presiden Mahmoud Abbas. Dalam hal ini, Hamas hanya merupakan salah satu parti politik di Palestin.

4. Malaysia juga mengalu-alukan perjanjian damai yang ditandatangani di antara Hamas dan Fatah pada 4 Mei 2011 di Kaherah, Mesir sebagai langkah positif ke arah pencapaian perpaduan di antara rakyat Palestin.

**Sekian, terima kasih.**  
**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    YB HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**

**[ BATANG SADONG ]**

**TARIKH                    15 JUN 2011(RABU)**

**SOALAN**

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada isu hak seksual golongan minoriti seperti golongan lesbian, gay, bi-seksual dan transgender (LGBT) seperti dilaporkan oleh SUHAKAM pada tahun 2010, mengambil kira pandangan rakyat keseluruhannya atau hanya mengikut pendapat agama.

**JAWAPAN:**     **YBDATO\* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
                      **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Isu hak golongan minoriti seperti golongan lesbian, gay, bi-seksual dan transgender (LGBT) seperti dilaporkan oleh SUHAKAM adalah hasil daripada perbincangan yang telah diadakan dengan pelbagai kumpulan termasuk kumpulan LGBT itu sendiri serta badan-badan agama untuk mendapatkan pandangan mereka.

**SUHAKAM** berpandangan bahawa tidak patut ada diskriminasi terhadap golongan ini seperti mana prinsip tiada diskriminasi dalam Perlembagaan Persekutuan. Menurut Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan, semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Oleh itu mereka tidak harus terkecuali daripada menikmati hak mereka sebagai manusia.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang dilarang dilakukan di bawah undang-undang tertentu seperti lelaki yang berpakaian wanita di khalayak ramai, menukar jantina dan sebagainya.

Seruan **SUHAKAM** agar kumpulan ini dapat menikmati hak seperti individu lain tidak bererti **SUHAKAM** mengabaikan nilai-nilai agama dan menggalakkan aktiviti LGBT tetapi orientasi seksual seseorang tidak wajar dijadikan sebab mereka dianiaya dan terpinggir dari masyarakat.

**SUHAKAM** masih meneruskan kajian berkenaan hak LGBT dengan mengambil kira sensitiviti agama, budaya serta pandangan masyarakat umum.

**Sekian. Terima kasih.**



**NO. SOALAN : 142**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
HULU LANGAT**

**TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN RAKYAT**

**15 JUN 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pencapaian yang diperolehi dalam meningkatkan penggunaan tenaga solar dalam negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan mula menggalakkan pembangunan sistem solar yang bersambung ke grid melalui pelaksanaan projek *Malaysian Building Integrated Photovoltaic (MBIPV)*.

Projek ini merupakan kerjasama antara Kementerian dengan *United Nations Development Programme (UNDP)* dimana ia telah mula dilaksanakan pada tahun 2005 dan telah tamat dengan rasminya pada 31 Mei 2011. Projek ini bertujuan bagi menggalakkan penggunaan sistem solar pada bangunan secara lestari disamping menurunkan harga sistem solar tersebut melalui peningkatan permintaan agar pengguna lebih reseptif terhadap penggunaan sistem solar untuk menjana tenaga elektrik.

Sasaran yang telah ditetapkan di bawah program ini adalah kapasiti tenaga solar bersambung ke grid sebanyak 1.5MW dan sehingga 31 Mei 2011, projek ini telah

berjaya mencapai kapasiti sebanyak 2.5MW. Selain itu, pelaksanaan projek ini juga telah berjaya menurunkan kos sistem BIPV sebanyak 39% daripada harga *baseline* iaitu RM31.000 per *kilowatt peak* kepada RM19,121 per *kilowatt peak*. Bagi menjamin kesinambungan pembangunan tenaga solar setelah projek MBIPV tamat dan tenaga boleh baharu yang lain secara amnya, Kementerian akan melaksanakan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) melalui penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2010 yang telah diluluskan di Dewan Negara pada 27 April 2011 yang lalu.

Selain itu, inisiatif pembangunan tenaga solar juga telah dikenal pasti untuk dilaksanakan melalui, dengan izin *Entry Point Project 10* (EPP-10) di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP) / *National Key Economic Areas* (NKEA). Melalui pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini, adalah dijangkakan bahawa penjanaan elektrik daripada tenaga solar akan meningkat kepada 46 MW pada tahun 2012 dan seterusnya 1250 MW pada tahun 2020.

Dengan inisiatif yang telah dirangka oleh Kerajaan, adalah dijangka penggunaan tenaga solar akan meningkat secara signifikan dan negara ini berupaya menjadi *lead player* dalam industri solar di kawasan rantau ASEAN atau Asia Timur.

\*\*\*\*\*

**DARIPADA :Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
[SEPANGGAR]**

**PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH :15/06/2011**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK ENCHIN BIN MAJIMBUN [ SEPANGGAR ] minta MENTERI KEWANGAN**

**NO SOALAN *Mopu***

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

menyatakan jumlah sumbangan setiap negeri kepada Kerajaan Persekutuan dari segi cukai secara langsung dan tidak langsung dalam masa 5 tahun (2005-2010). Berapa jumlah peruntukan dari segi program dan projek yang telah dikembalikan kepada negeri Sabah.

**JAWAPAN DILULUSKAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai langsung yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan cukai tidak langsung yang dikutip oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM) bagi setiap negeri dari tahun 2005 hingga 2010 adalah sebanyak RM614 bilion. Pecahan kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung dari tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Cukai Langsung (RM billion)</b>	<b>Cukai Tidak Langsung (RM billion)</b>	<b>Jumlah (RM billion)</b>
<b>Wilayah Persekutuan</b>	351.9	48.5	400.4
Selangor	21.4	53.0*	74.4
Johor	17.8	8.9	26.7
Pulau Pinang	17.4	4.4	21.8
Sarawak	14.7	6.5	21.2
Sabah	13.6	2.0	15.6
Perak	8.9	3.8	12.7
Melaka	4.0	7.2	11.2
Kedah	3.4	3.4	6.8
Negeri Sembilan	3.3	4.2	7.5
Pahang	3.3	2.9	6.2
Terengganu	1.7	5.5	7.2
Kelantan	1.2	0.2	1.4
Perlis	0.4	0.8	1.2

\* Jumlah kutipan cukai tidak langsung bagi negeri Selangor adalah termasuk kutipan cukai daripada kastam KLIA

2. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cukai ini tidak menggambarkan kutipan sebenar bagi sesebuah negeri oleh kerana kutipan cukai bagi aktiviti di setiap negeri boleh dijelaskan di luar negeri masing-masing. Ini disebabkan antara lain, ibu pejabat syarikat berkenaan berada di luar negeri atau syarikat memilih untuk menjelaskan cukai terus ke ibu pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (cukai langsung) atau Jabatan Kastam Diraja Malaysia (cukai tidak langsung) memandangkan cukai tersebut adalah hasil Kerajaan Persekutuan. Secara amnya, Hasil Cukai menyumbang hampir 70% daripada keseluruhan hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Daripada Wilayah Persekutuan.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada negeri Sabah bagi tahun 2005 hingga 2010 yang meliputi peruntukan pembangunan dan pemberian adalah sebanyak RM26.1 bilion yang mana adalah lebih besar daripada kutipan cukai langsung dan tidak langsung yang berjumlah RM15.6 bilion dalam tempoh yang sama.

NO. AUM : \IfJ

NO. AUP : If't'

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]

**TARIKH** 15 JUN 2011

**RUJUKAN** 3693

**SOALAN:**

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]  
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada beliau  
sedar mengenai kemungkinan ratusan ribu rakyat asing di Negeri  
Sabah kini memiliki kad pengenalan Malaysia melalui pemalsuan  
dokumen Kerajaan, dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang  
telah, sedang dan yang akan diambil untuk menangani masalah  
tersebut.

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Keningau yang bertanyakan  
soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri

**JAWAPAN:**

**tidak pernah mengeluarkan Kad Pengenalan kepada mana-mana warga asing yang tinggal di negara ini termasuk di Negeri Sabah.**

Kementerian ini juga amat sedar akan adanya permohonan warga asing untuk mendapatkan kad pengenalan atau lain-lain dokumen pengenalan diri dengan cara penipuan dan pemalsuan maklumat dengan kerjasama rakyat tempatan. Dalam hal ini, Kementerian ini sentiasa berhati-hati dalam memproses pengeluaran kad pengenalan supaya ianya mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. Perhatian diberi kepada semua jenis permohonan dimana sesi temuduga dan siasatan akan dijalankan secara terperinci keatas pemohon dan saksi-saksi yang berkaitan agar unsur-unsur penipuan atau pemalsuan maklumat dapat diatasi.

Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menangani isu ini disenaraikan seperti berikut:

- i) Pengeluaran Kad Pengenalan Sementara (MyKAS) kepada orang asing yang dibenarkan tinggal di negara ini yang telah diberi pas Imigresen dengan tempoh sahlaku melebihi 12 bulan.
- ii) Penukaran Kad Pengenalan Plastik (KPP) kepada Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) pada tahun 1990 dan penukaran KPT kepada MyKad pada tahun 2000. Penukaran Kad Pengenalan dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan taraf keselamatan dan keupayaan Kad Pengenalan yang sedia ada supaya tidak mudah dipalsukan disamping menyemak semula samada pengeluaran Kad Pengenalan sebelum ini dikeluarkan secara

teratur dan tidak diperolehi secara penipuan atau pemalsuan.

- iii) Penubuhan Unit Khas di Negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 1998 bertujuan bagi memantau penukaran Kad Pengenalan yang bermasalah kepada MyKad.
- iv) Pembatalan Kad Pengenalan sebanyak 16,697 yang telah dikeluarkan secara tidak teratur dan kerajaan tidak lagi mengiktiraf penggunaannya.
- v) Menolak permohonan-permohonan yang tidak layak.
- vi) Pengwujudan Bahagian Siasatan dan Penguatakuasaan JPN diperingkat negeri selaras dengan pengwujudan unit tersebut di peringkat Ibu Pejabat dengan tujuan untuk siasatan dan pendakwaan keatas mereka yang didapati melakukan

**kesalahan terhadap undang-undang yang di tadbirkan oleh JPN.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Dari masa ke semasa Kementerian akan terus merancang dengan pendekatan-pendekatan baru sesuai mengikut keperluan semasa bagi memastikan Kad Pengenalan hanya dikeluarkan kepada orang yang benar-benar layak sahaja.**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN  
[REMBAU]

TARIKH : 15JUN 2011  
SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah Kerajaan berhasrat merangka langkah pencegahan terutama penilaian infrastruktur sedia ada bagi menghadapi risiko ancaman kenaikan paras air laut akibat pemanasan global terutama di kawasan berisiko tinggi ditenggelami pada 2020 iaitu Batu Pahat, Melaka, Pulau Pinang, Miri, Klang serta Pekan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan di akhbar tempatan bahawa aras laut negara akan naik sebanyak 100 milimeter (mm) setahun akibat pemanasan global dan bahawa ekoran daripada fenomena ini beberapa kawasan seperti Batu Pahat, Melaka, Pulau Pinang, Miri, Klang dan Pekan akan tenggelam pada tahun 2020 adalah tidak tepat.

Ini ialah kerana kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) dan Institut Penyelidikan Hidraulik

### **SOALAN NO.: 145**

Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) menunjukkan kadar peningkatan aras laut negara yang jauh lebih rendah iaitu, di antara 0.2 mm - 7.0 mm setahun. Kajian-kajian ini dijalankan menggunakan beberapa kaedah termasuk data tolok pasang surut dan data satelit altimeter.

Hasil kajian di atas adalah selaras dengan kenyataan yang dibuat oleh *United Nations Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC) iaitu, peningkatan aras laut global terkini adalah sebanyak 1.8 mm hingga 3.1 mm setahun. Kadar kenaikan ini adalah berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain, bergantung kepada pelbagai faktur, antaranya perubahan suhu, tekanan atmosfera, angin dan peredaran laut di lokasi tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan di atas diramal wujud jika tindakan mitigasi untuk menangani fenomena perubahan iklim tidak dilaksanakan. Justeru, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan sebagai persiapan untuk menghadapi kemungkinan berlaku bencana kenaikan aras laut adalah seperti berikut:

- i. Kajian Impak Perubahan Iklim ke atas Peningkatan Aras Laut di Malaysia telah disiapkan pada akhir 2010 oleh NAHRIM yang telah menghasilkan unjuran peningkatan aras laut di sepanjang pantai negara bagi tahun 2020 hingga 2100. Unjuran peningkatan aras laut berkenaan akan digunakan untuk penilaian impak kepada infrastruktur sedia ada melalui kaedah *Coastal Vulnerability Index* (CVI) dan *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP).
- ii. Menjalankan kajian Indeks Kerentanan Pantai (atau CVI) untuk mengenal pasti kawasan pantai yang terdedah kepada kesan kenaikan aras laut. Hasil kajian ini akan digunakan untuk menyediakan CVI dengan aras dedahan zon pantai bagi mengelakkan pembangunan di kawasan ini. Pada masa yang sama, CVI juga boleh dijadikan asas untuk melaksanakan langkah-langkah bagi melindungi pantai daripada kesan kenaikan aras laut. Pembangunan CVI yang menyeluruh akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Fasa pertama kajian CVI telah siap pada bulan Disember 2007 dan meliputi dua (2) tapak rintis iaitu, Tanjung Piai di Johor dan Pulau Langkawi di Kedah;

- iii. Melaksanakan Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu (Integrated Shoreline Management Plan - ISMP). Tujuan ISMP projek-projek tersebut; dan adalah untuk membantu dalam perumusan dasar, garis panduan dan strategi supaya pembangunan di kawasan pantai dilaksanakan secara mapan;
- iv. Memantau secara berterusan kesan perubahan iklim terhadap struktur dan infrastruktur banjir sedia dan melakukan pengubahsuaian sekiranya perlu. Pada masa yang sama, bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir yang baru, peningkatan nilai hujan tadahan dan aliran banjir yang dijangkakan akan diambil kira, khususnya dalam peringkat perancangan dan rekabentuk
- v. Menjalankan program mengukuhkan pesisiran pantai termasuk melaksanakan projek pengukuhan ban yang merangkumi pembinaan benteng batu dan meninggikan ban.

Sekian, terima kasih.



NO. SOALAN : 146

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** LISAN

**DARIPADA** YB. TUAN KHALID ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]

**TARIKH JAWAPAN** 15 JUN 2011 (RABU)

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah tenaga nuklear tetap merupakan pilihan sebagai tenaga masa depan bagi Malaysia.

**JAWAPAN Tuan**

Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam memberi pertimbangan terhadap cadangan penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik, Kerajaan perlu mengambil kira pelbagai faktor. Faktor utama yang diambil kira ialah keperluan untuk memastikan bekalan elektrik yang sentiasa mencukupi, berdaya harap, mesra alam dan dibekalkan kepada pengguna pada harga yang kos efektif.

Berdasarkan penelitian awal, tenaga nuklear dilihat berpotensi untuk menjadi salah satu opsyen penjanaan elektrik pada masa hadapan khususnya pasca 2020 dalam memastikan bekalan elektrik yang mencukupi, berdaya harap, mesra

alam dan dibekalkan kepada pengguna pada harga yang kos efektif.

Walau bagaimanapun, keputusan muktamad mengenainya masih belum dibuat oleh Kerajaan.

Kerajaan dengan berpandukan kepada garis panduan International Atomic Energy Agency (IAEA) akan menjalankan pelbagai kajian untuk mengukur tahap keupayaan dan kesediaan negara bagi menceburi bidang penjanaan elektrik menggunakan tenaga nuklear. Kajian-kajian tersebut antaranya merangkumi aspek sumber manusia, perundangan, teknologi, industri dan sebagainya yang mana hasilnya akan dijadikan asas kepada Kerajaan untuk membuat keputusan yang muktamad mengenainya kelak.

\*\*\*\*\*



**Soalan No : 147**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)
TARIKH	15.06.2011

**SOALAN:**

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [ LUBOK ANTU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan daripada hasil lawatan YB. Timbalan Menteri Pelajaran ke Daerah Lubok Antu pada 9-11 April 2011 yang lalu untuk melihat dengan mata sendiri keadaan sekolah-sekolah yang amat daif dan hampir runtuh, apakah tindakan susulan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin dengan keadaan beberapa sekolah di seluruh negara yang mengalami keadaan daif dan usang. Sehubungan itu, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Audit Fizikal Sekolah yang bertanggungjawab untuk mengenalpasti keperluan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan serta merancang pelaksanaan penyelenggaraan bagi sekolah-sekolah yang terlibat.

Bagi Daerah Lubok Antu, KPM telah mengenalpasti 19 buah sekolah yang dikategorikan sebagai rosak teruk. KPM akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bagi sekolah yang mengalami kerosakan struktur, manakala bagi sekolah yang mengalami kerosakan bukan struktur, penyelenggaraan akan dilaksanakan oleh perunding swasta yang dilantik oleh KPM. Jumlah keseluruhan peruntukan yang diberikan ialah RM 594,330.00.